



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
MALAYSIA

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 1, No. 2, 2007

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

**Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah
di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)**

*Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamood, Dr. Asmak Ab Rahman,
Hasnol Zam Zam Ahmad & Syarqawi Muhammad*

Dana Wakaf Untuk Pendidikan: Satu Tinjauan Awal

Abdul Halim Sunny

Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Dr. Muhammad Yamin Ismail

Amalan ‘Corporate Governance’ dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia

Prof. Madya Dr. Hasan Bahrom & Shawal Kaslam

Performance Indicator Model for Zakat Institution

Abd Halim Mohd Noor, Rozman Hj Md Yusof & Ahmad Che Yaakob

Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Penelitian

Norhazimah Che Hassan

Perbezaan Riba & Jual Beli: Satu Analisis

Naziree Md Yusof

Falsafah Pengurusan Harta: Tinjauan Qurani

Mohd Gunawan Che Ab. Aziz

RFID Technology for Security and Surveillance System

Muhammad Rafie Hj. Mohd Arshad

Pembangunan Laman Web: Keberkesanannya dan Faktor-Faktor Kritikal

Supaya Penggunaannya Lebih Efektif

Norbaiyah Sukor

Kualiti dari Perspektif Islam: Satu Pengamatan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia

Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh & Mohd Gunawan Che Ab. Aziz

JURNAL

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

JABATAN PERDANA MENTERI

MALAYSIA

LANGGANAN

Kadar untuk satu naskah adalah seperti berikut:

Malaysia	-	RM18.00
Singapura dan Brunei	-	RM20.00
Luar Negara	-	USD \$10.00

Kadar harga termasuk penghantaran, pembungkusan dan penghantaran. Penghantaran melalui udara atau surat berdaftar akan dikenakan caj tambahan.

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 1, No. 2, 2007

LEMBAGA EDITOR

Ketua Editor

Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

Ketua Pengarah,

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR),

Jabatan Perdana Menteri

Editor Perujuk Luar

Dr. Ramli bin Hasan

Pengarah Bahagian Perancangan,

Kementerian Pengajian Tinggi

Prof. Madya Haji Musa bin Ahmad

Pengarah Institut Kajian Zakat, UiTM

Editor Perujuk Dalaman

En. Abd. Ghafar bin Yusof

Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR

Pn. Norhazimah binti Che Hassan

Pengarah Bahagian Mal, JAWHAR

Penyelia

En. Mohd Gunawan bin Che Ab. Aziz

Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian, JAWHAR

Editor

En. Hasan Hafizi bin Hanapi

Penerbitan

Cik Arifah binti Mohd Zahudi

KANDUNGAN

Kata-kata Ketua Editor	v
1. Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) <i>Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamood, Dr. Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad & Syarqawi Muhammad</i>	1
2. Dana Wakaf Pendidikan: Satu Tinjauan Awal <i>Abdul Halim Sunny</i>	33
3. Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) <i>Dr. Muhammad Yamin Ismail</i>	45
4. Amalan ‘Corporate Governance’ dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia <i>Prof. Madya Dr. Hasan Bahrom & Syawal Kaslam</i>	53
5. Performance Indicator Model for Zakat Institution <i>Abd Halim Mohd Noor, Rozman Hj Md Yusof & Ahmad Che Yaakob</i>	71
6. Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Penelitian <i>Norhazimah Che Hassan</i>	85
7. Perbezaan Riba & Jual Beli: Satu Analisis <i>Naziree Md Yusof</i>	103
8. Falsafah Pengurusan Harta: Tinjauan Qurani <i>Mohd Gunawan Che Ab. Aziz</i>	127
9. RFID Technology for Security and Surveillance System <i>Muhammad Rafie Hj Mohd Arshad</i>	153
10. Pembangunan Laman Web: Keberkesanannya dan Faktor-Faktor Kritis Supaya Penggunaannya Lebih Efektif <i>Norbaiyah Sukor</i>	165
11. Kualiti Dari Perspektif Islam: Satu Pengamatan Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia <i>Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh & Mohd Gunawan Che Ab. Aziz</i>	177

KATA-KATA KETUA EDITOR

Pertama sekali Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR ini. Penerbitan jurnal ini adalah sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang tersebut. Jurnal Pengurusan JAWHAR ini mengandungi sebelas (11) penulisan terpilih yang mengupas pelbagai sudut kajian berkaitan institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta bidang pengurusan secara umumnya.

Kertas pertama merupakan sumbangan Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood, Dr. Asmak binti Ab Rahman, Encik Hasnol Zam Zam bin Ahmad dan Encik Syarqawi bin Muhammad yang merupakan warga JAWHAR yang telah mengupas perihal Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Kertas ini membincangkan perkara berkaitan prospek serta peluang-peluang yang perlu diambil kira dan dikaji dalam Pelan Pembangunan Komprehensif WPI. Kertas ini juga turut menjelaskan saranan-saranan yang boleh diambil bagi menjayakan agenda pembangunan WPI serta strategi pembiayaan pembangunan tersebut berdasarkan kepada konsep wakaf.

Kertas kedua merupakan sumbangan Encik Abdul Halim bin Sunny berkenaan penggunaan harta wakaf bagi membiayai pendidikan di Malaysia. Kertas ini berkisarkan kepada potensi harta wakaf yang banyak dan berdaya maju dan penulis yakin bahawa jika usaha dilakukan secara istiqamah dan berterusan, kejayaan akan dapat dicapai oleh umat Islam di Malaysia setanding dengan negara-negara yang telah lama mengaplikasikan harta wakaf dalam bidang pendidikan.

Kertas seterusnya bertajuk Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sumbangan Dr. Muhammad Yamin bin Ismail telah membincangkan tentang institusi zakat sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial dalam membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang. Kertas berikutnya mengenai bidang zakat adalah sumbangan daripada Prof. Madya Dr. Hasan bin Bahrom dan Encik Shawal bin Kaslam bertajuk Amalan ‘Corporate Governance’ Dalam Pengurusan Institusi Zakat Di Malaysia yang mengupas tentang peranan dan tanggungjawab pengurusan untuk melaksanakan amalan pengurusan yang terbaik bagi menjamin integriti dan keyakinan masyarakat. Satu lagi kertas yang membincangkan mengenai zakat adalah hasil sumbangan Encik Abdul Halim bin Mohd Noor, Encik Rozman bin Hj Md Yusof

dan Encik Ahmad bin Che Yaakob. Kertas yang bertajuk *Performance Indicator Model for Zakat Institution* ini membincangkan tentang latar belakang pengurusan zakat di Malaysia dan Asia Tenggara.

Berikutnya, kertas bertajuk Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Penelitian, sumbangan Puan Norhazimah binti Che Hassan mengulas konsep dan tuntutan Islam terhadap pengurusan dan pengendalian dana. Kertas ketujuh adalah sumbangan Encik Naziree bin Md Yusof yang bertajuk Perbezaan Riba & Jual Beli: Satu Analisis. Kertas ini membincangkan tentang peranan masa dalam mempengaruhi pertambahan nilai berbanding urus niaga dalam harga pasaran. Berikutnya, kertas sumbangan Encik Mohd Gunawan bin Che Ab Aziz yang bertajuk Falsafah Pengurusan Harta: Tinjauan Qurani mengulas tentang pandangan dan *tasawwur* ajaran Islam terhadap harta dan pengurusan harta.

Kertas kesembilan merupakan sumbangan Encik Muhammad Rafie bin Hj Mohd Arshad yang bertajuk *RFID Technology For Security and Surveillance System* yang membincangkan tentang kepentingan teknologi RFID di Mekah. Teknologi ini banyak membantu dalam proses haji dan umrah. Kertas kesepuluh pula merupakan sumbangan daripada Puan Norbaiyah binti Sukor yang bertajuk Pembangunan Laman Web: Keberkesanannya dan Faktor-Faktor Kritikal Supaya Penggunaannya Lebih Efektif yang membincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan bagi mempertingkatkan mutu laman web bagi meningkatkan prestasi dan memastikan penyampaian maklumat kepada orang awam atau pelanggan berkesan.

Kertas terakhir pula adalah merupakan sumbangan Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh dan En. Mohd. Gunawan bin Che Ab. Aziz. Kertas ini membincangkan mengenai konsep kualiti yang berteraskan perkhidmatan kepada pelanggan dan kejayaan memenuhi kehendak pelanggan. Kualiti yang dibentangkan juga merupakan satu kemestian kepada mana-mana pengurusan dan juga merupakan satu tahap yang sentiasa berubah dengan berubahnya persekitaran, isu, cabaran dan kehendak pelanggan.

Kesemua penulisan yang terkandung di dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan yang mampu memberikan impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji. Pihak Jurnal Pengurusan JAWHAR mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada perujuk luar dan dalam serta penulis-penulis yang telah menghasilkan penulisan untuk

Jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T.

KONSEP WAKAF SEBAGAI INSTRUMEN PEMBANGUNAN HARTANAH DI WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (WPI)*

Oleh:

Profesor Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamood*

Dr. Asmak Ab Rahman**

Hasnol Zam Zam Ahmad***

Syarqawi Muhammad****

ABSTRAK

Kertas ini disediakan bagi menerangkan tentang konsep wakaf yang pragmatik dan dinamik dalam membantu pembangunan ekonomi umat Islam serta masyarakat keseluruhannya. Tumpuan utama kertas ini adalah tentang prospek serta peluang-peluang yang perlu diambilkira dan dikaji dalam Pelan Pembangunan Komprehensif WPI. Definisi wakaf serta pelbagai konsep berkaitan Wakaf untuk pembangunannya diterangkan secara jelas bagi memberi pendedahan yang sewajarnya tentang konsep tersebut kepada pihak berkepentingan. Ini meliputi wakaf irsad, wakaf istibdal, saham wakaf, wakaf saham, wakaf tunai, wakafREIT dan sukuk wakaf. Kertas ini juga turut menjelaskan saranansaranan yang boleh diambil bagi menjayakan agenda pembangunan WPI serta strategi pembiayaan pembangunan tersebut bersandarkan kepada konsep Wakaf. Ianya turut menyatakan peranan serta fungsi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dalam melaksanakan pembangunan harta-harta wakaf di seluruh Malaysia.

Perkataan Teras : Konsep Wakaf, Jenis-jenis Wakaf, Pewakaf dan Pelabur.

Klasifikasi JEL : R11, Z12, R52

-
- * Artikel ini diambil daripada pembentangan kertas kerja di Seminar On Southern Johor Development: Prospects And Challenges In The 21st Century, di The M-Suites, Johor Bharu, 27-28 JUN 2007. Walaubagaimanapun, data-data yang ada telah dikemaskinikan mengikut kesesuaian semasa. Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) telah ditukar kepada Iskandar Malaysia (IM) pada 11 April 2008.
 - * Profesor Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamood merupakan Pensyarah/Peguam Syarie di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, B.Sh (Hons.), M.Sh. (UM), PhD (Birmingham, UK).
 - ** Dr. Asmak Ab Rahman merupakan Pensyarah/Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, B.Sh (Hons.), M.Sh., PhD (UM).
 - *** En. Hasnol Zam Zam Ahmad merupakan mantan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
 - **** En. Syarqawi Muhammad merupakan Penolong Pengarah Bahagian Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

PENDAHULUAN

Pelan dan strategi bagi membangunkan WPI boleh direalisasikan dalam pelbagai versi yang akan menjanjikan pulangan berlipatganda. Ianya bukan sahaja dapat direalisasikan menerusi prinsip-prinsip pembangunan fizikal, malah juga spiritual. Ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Komprehensif IDR (IDR Comprehensive Development Plan) yang bertunjangkan kepada prinsip-prinsip murni Islam Hadhari untuk mencapai pembangunan yang holistik dan berdaya maju. Salah satu bidang yang sesuai untuk diadaptasikan dengan konsep pembangunan WPI adalah menerusi aplikasi konsep wakaf (*pious endowment*). Kesesuaianya tertumpu kepada 2 manfaat besar yang berkekalan (*permanent*) meliputi keuntungan spiritual dan fizikal di dunia dan juga manfaatnya di akhirat yang bukan sahaja dapat dikecapi oleh pewakaf (*settlor/founder* atau *waqif*), malah pihak pelabur (*investor*), usahawan (*entrepreneur*), benefisiarinya (*beneficiary* atau *mawquf 'alayh*) termasuklah pihak Kerajaan sesebuah negara. Pulangan ini memberikan keistimewaan kepada WPI yang menerapkan konsep wakaf di dalam agenda pembangunannya yang seimbang berbanding konsep konvensional lain yang lebih berteraskan kejayaan pembangunan materialistik semata-mata. Konsep-konsep wakaf yang relevan di sini adalah meliputi wakaf irsad, wakaf istibdal, saham wakaf, wakaf saham dan wakaf tunai. Konsep wakaf ini turut dikombinasikan dengan konsep pembangunan harta tanah lain membabitkan REIT dan juga sukuk yang dikombinasikan bersama konsep wakaf untuk dimanfaatkan oleh ummah.

Sebelum cadangan yang memakai konsep wakaf di atas dikemukakan untuk rangka pembangunan WPI ini, adalah penting untuk mengupas konsep-konsep tersebut secara umum.

DEFINISI DAN KONSEP WAKAF

Perkataan wakaf berasal daripada perkataan Arab “*waqf*” yang diambil dari katakerja (*fi'l*) *waqafa* yang bermaksud menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man'*).

Menurut istilah yang digunakan dalam perundangan Islam pula, wakaf difahami sebagai suatu bentuk dedikasi harta, sama ada secara terang (*sarih*) atau sindiran (*kinayah*) di mana harta (*substance*) berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan kepada tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus.¹

¹ Siti Mashitoh Mahamood (2001), *Bagaimana Membuat Wakaf*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.3.

Pada hakikatnya, konsep di atas telah didasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar yang menceritakan tentang hasrat Saidina ‘Umar Ibn al-Khattab yang ingin bersedekah dengan hartanya ke jalan Allah S.W.T. Harta ini dikenali sebagai “Thamgh”, iaitu sebidang tanah yang telah diperolehnya ketika pembahagian harta di Khaybar. Ia merupakan sejenis harta yang paling bernilai yang belum pernah dimilikinya sebelum itu. Rasulullah S.A.W. telah memberikan pendapatnya dengan bersabda: “Kalau engkau setuju, tahanlah harta berkenaan dan sedekahkanlah manfaat (hasilnya) kepada tujuan-tujuan kebaikan”. Maka ‘Umar pun bersetuju lalu menyedekahkan hasilnya kepada fakir miskin, sanak-saudaranya, untuk membebaskan hamba, kepada mereka yang bermusafir, para tetamu dan ke jalan Allah dengan syarat harta berkenaan tidak boleh dijual, diberikan kepada orang lain dan diwarisi”.²

Perkataan “ditahan” di atas membawa erti bahawa fizikal sesuatu harta yang diwakafkan (dipanggil *mawquf*) itu hendaklah ditahan dan dipegang secara kekal tanpa boleh dihilangkan atau ditamatkan statusnya. Ia merujuk kepada pembekuan atau pemegangan aset yang diwakafkan dan penyaluran manfaatnya untuk kegunaan benefisiari yang dilantik atau tujuan yang ditetapkan oleh seseorang pewakaf di dalam suratcara wakafnya.

Imam al-Shafi`e mengumpamakan konsep pewakafan di atas dengan konsep pembebasan hamba (*emancipation of slave*) di mana seorang hamba tidak lagi dianggap sebagai milik tuannya setelah dibebaskan.³ Justeru, dengan berwakaf, pewakaf dan harta yang diwakafkan tidak lagi dimiliki oleh pewakaf berkenaan. Ianya adalah terletakhak kepada Allah S.W.T, kecuali manfaatnya sahaja yang boleh diaplikasikan kepada tujuan ataupun benefisiarinya, sama ada bersifat umum ataupun khusus. Dengan ini juga, prinsip undang-undang wakaf menegaskan bahawa semua wakaf tidak boleh dilibatkan dalam mana-mana bentuk transaksi atau pindahmilik seperti dijual, dilupuskan kepada pihak yang lain, dicagar dan sebagainya. Ia juga tidak tertakluk kepada harta pusaka orang yang berwakaf. Ketetapan prinsip-prinsip ini dapat dilihat dalam peruntukan kedua dalam hadis riwayat Ibn ‘Umar tadi, iaitu “dengan syarat harta berkenaan tidak boleh dijual, diberikan kepada orang lain dan diwarisi”.

² Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad b. Isma’il (t.t.), *Sahih al-Bukhari, kitab al-wasaya*, vol. 2, Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 132; Al-Nasa’i, Ahmad Ibn Shua’yb (t.t.), *Sunan al-Nasa’i bi sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hashiyah al-Imam al-Sindi*, bab abbas, vol. 6, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hh. 230-232.

³ Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin (1966), *Hashiyah Radd al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar*, edisi 2, vol. 4, ttp: Dar al-Fikr,h. 349; Al-Tarabusi, Burhan al-Din Ibrahim b. Musa b. Abi Bakr Ibn al-Shaykh ‘Ali (1981), *al-Is’af fi Ahkam al-Awqaf*, Beirut: Dar al-Rai’d al-‘Arabi, h. 8.

Dari sudut undang-undang di Malaysia, Seksyen 2(1), Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No.7 Tahun 1999) (EWS) memperuntukkan tafsiran wakaf sebagai “menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949”.

KETERANGAN PELBAGAI KONSEP WAKAF YANG RELEVAN

Wakaf Irsad

Wakaf irsad berasal daripada dua perkataan Arab, iaitu “waqf” dan “irsad” di mana apabila digabungkan, ia menjadi “waqf al-irsad”. Ia merujuk kepada pewakafan harta daripada pihak pemerintah dan juga daripada badan-badan atau organisasi-organisasi tertentu.

Pada asalnya, maksud wakaf irsad ini hanyalah tertumpu kepada pemerintah yang bertindak mewakafkan harta-harta milik Baitulmal termasuklah harta alih dan tak alih di dalamnya. Ini dapat dilihat seperti mengaplikasikan dana Baitulmal kepada pembinaan masjid-masjid, institusi pendidikan, hospital dan sebagainya yang bertunjangkan kepada maslahah umum (*maslahah ‘ammah*).⁴

Para sarjana perundangan Islam berpendapat bahawa wakaf irsad ini bukanlah wakaf dalam erti kata sebenarnya. Ini kerana pemerintah berwakaf harta bukan miliknya, tetapi milik ummah yang disimpan di dalam Baitulmal, sedangkan antara syarat harta yang diwakafkan (*mawquf*) adalah ia hendaklah dimiliki oleh pewakaf. Dalam situasi wakaf irsad ini, seseorang pemerintah hanya memiliki kuasa untuk menentukan penggunaan harta yang tersimpan di dalam Baitulmal supaya dapat dibelanjakan kepada beneficiari-beneficiarinya (*masarif bayt al-mal*). Ini termasuklah kepada projek-projek pembangunan wakaf apabila tiada dana yang cukup untuk membangunkannya. Atas dasar kuasa ketentuan inilah, wakaf irsad ini juga dikenali sebagai *Al-Takhsisat*⁵ atau *Awqaf Al-Takhsisat*.⁶

Atas dasar kekurangan yang ada pada pemerintah dalam syarat pemilikan *mawquf*, maka menurut sebahagian fuqaha mazhab Shafi'i dan Hanafi,

⁴ Abu Zuhrah, Muhammad (1959), *Muhadarat fi al-Waqf*, t.t.p.: Ahmad 'Ali Mukhaymar, h.130. Lihat juga Al-Zarqa', Mustafa Ahmad (1997), *Ahkam al-Awqaf*. Amman: Dar 'Ammar, h.98.

⁵ Abu Zuhrah , ibid., Al-Zarqa', ibid.

⁶ Al-Zarqa', ibid.

wakaf irsad ini tidak mengambil kesemua hukum-hakam wakaf tetapi hanya sebahagiannya sahaja yang terpakai. Ia adalah merujuk kepada perlunya mengikuti ketetapan dan penggunaan *mawquf* yang dibuat oleh pemerintah (*wali al-amr*), kecuali jika ada maslahah lain yang lebih besar (*al-maslahah al-kubra*) untuk diutamakan. Dalam situasi ini, maka ketetapan itu boleh diubah demi mengelakkan berlakunya kemudaratan (*darar*) yang lebih teruk lagi. Misalnya, jika hasil harta tanah irsad daripada harta Baitulmal telah ditetapkan untuk diaplikasikan kepada sesuatu golongan yang memerlukan, kemudiannya golongan ini mendapat dana atau sumber lain daripada harta-harta Baitulmal ataupun wakaf lainnya, maka *mawquf* yang diirsadkan boleh diberikan kepada penggunaan lain yang lebih diperlukan.⁷ Sehubungan dengan ini, Al-Zarqa' dalam kitabnya *Ahkam Al-Awqaf* turut menamakan wakaf irsad ini sebagai *Al-Awqaf Ghayr Al-Sahihah*.⁸ Kesimpulannya, ketetapan yang dibuat oleh pihak pemerintah itu bukanlah mutlak dan oleh itu, tidak terikat.

Di Malaysia, dedikasi harta menerusi irsad ini diterimapakai sebagai wakaf yang sah dan boleh berkuatkuasa di mana pernyataan “wakaf irsad” dan juga “wakaf irsod” digunakan. Perbezaan jelas wujud dari sudut ejaannya sahaja.

Bagi “wakaf irsad” ini, pemakaian dapat dikenalpasti seawal-awalnya diperuntukkan di Negeri Johor dengan pernyataan “Irsad” di bawah Seksyen 41, Enakmen Pentadbiran Igama Islam 1978 (No.14 tahun 1978) Johor bahawa “wakaf-wakaf daripada tanah-tanah Baitul-Mal atau tanah-tanah Kerajaan atau seumpamanya menurut Hukum Syarak”. Lanjutan daripada peruntukan ibu (*principal provision*) ini, Kaedah-kaedah Wakaf 1983 (J.P.U.51)⁹ telah diperkenalkan dengan memasukkan sama satu kaedah yang terdiri daripada 2 sub-kaedah 10(1)(2) yang memperuntukkan tentang “wakaf irsad” ini di bawah bahagian “Kuasa mewakafkan harta am”. Kaedah 10(1) menyatakan bahawa “Raja boleh mengirsadkan mana-mana harta Baitul Mal”. Manakala Kaedah 10(2) pula memperuntukkan “Kerajaan atau mana-mana badan berkanun atau mana-mana syarikat yang sah di sisi undang-undang boleh mengirsadkan harta-hartanya”.

Bagi pemakaian “wakaf irsod” pula, ianya dikanunkan di Negeri Selangor dan Melaka di bawah Seksyen 9(2)(a) Enakmen Wakaf Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 7 tahun 1999) dan juga Enakmen Wakaf (Negeri

⁷ Abu Zuhrah, opcit., hh.130-131.

⁸ Al-Zarqa', opcit., h.98.

⁹ Berkuatkuasa pada 1 Januari 1985.

Melaka) 2005 (No. 5 tahun 2005) dalam seksyen yang sama. Enakmen Selangor ini telah mentafsirkannya sebagai “sesuatu tanah yang diwakafkan oleh mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak”. Sementara itu, Enakmen Melaka pula meletakkan tafsirannya sebagai “wakaf daripada tanah Baitulmal, tanah Kerajaan atau tanah mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak”.

Sementara itu, tafsiran dan peruntukan bagi wakaf irsad ini tidak diadakan di bawah Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (No. 5 tahun 2005) di mana ianya dikembalikan sepenuhnya kepada Hukum Syarak mengikut Seksyen 3(1) di mana rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa negeri ini adalah relevan.

Wakaf Istibdal

Perkataan “*istibdal*” diambil daripada perkataan *ibdal*, yang bermaksud mengeluarkan harta yang diwakafkan daripada syarat-syarat asal pewakaf untuk ditukarkan kepada harta yang lain di mana harta yang kedua ini akan dijadikan wakaf bagi menggantikan yang pertama. Segala syarat-syarat wakaf yang dibuat oleh pewakaf akan diaplิกasikan kepada harta yang kedua ini. Kategori harta ini (harta yang menggantikan harta wakaf) dikenali sebagai *al-badal* (*amwal al-badal*).¹⁰

Di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5 tahun 2005), *istibdal* telah didefinisikan sebagaimana berikut:¹¹

“...menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, tukaran, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut Hukum Syarak”.

Seksyen 2, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) juga mempunyai tafsiran yang hampir sama di mana hanya pernyataan “tukaran” sahaja yang dijadikan.

Sementara itu, di bawah Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, peruntukan mengenai istibdal adalah agak sama seperti Enakmen Melaka tadi sebagaimana berikut:

¹⁰ Al-Zarqa', Mustafa Ahmad (1997), *Ahkam al-Awqaf*, Edisi Pertama. 'Amman: Dar 'Ammar, h. 171; Hariz, Salim, (Dr.), (1994) *al-Waqf: Dirasat wa Abhath*, Beirut: al-Jami'ah al-Lubnaniyyah, h. 74; Sha'ban, Zaki al-Din et.al (1989), *Ahkam al-Wasiyyah wa al-Mirath wa al-Waqf fi al-Shari'ah al-Islamiyah*. Kuwait: Maktabah al-Fallah, Edisi Kedua, h. 534. Untuk rujukan lanjut mengenai *istibdal* ini termasuk tentang pelaksanaannya di Malaysia, lihat Siti Mashitoh Mahamood (2002), *Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹¹ Seksyen 2(1) (Tafsiran), Enakmen no. 7/1999.

“...menggantikan suatu mawquf dengan harta lain atau wang, atau berupa wang, yang sama dengan atau lebih tinggi nilainya daripada mawquf itu, sama ada melalui gantian, belian, jualan, atau apa-apa cara lain menurut prinsip Syariah”.

Di bawah Kaedah-kaedah Wakaf 1983 pula istibdal turut ditafsirkan sebagai:¹²

“...menggantikan harta wakaf dengan harta lain yang lebih baik dengan tukaran atau belian atau jualan atau sebagainya menurut Hukum Syarak”.

Dari sudut pelaksanaannya, sebelum satu-satu keperluan wakaf istibdal dijalankan, pandangan dan kelulusan Jawatankuasa Fatwa negeri berkenaan hendaklah didapatkan terlebih dahulu. Dalam Islam, ianya dirujuk kepada pihak Qadi.

Saham Wakaf

Konsep saham wakaf ini dari sudut *modus operandinya* dimulakan dengan wakaf tunai berdasarkan nilai terbitan satu unit saham yang ditawarkan. Seterusnya proses kedua biasanya akan melibatkan pertukarannya dengan pembelian aset ataupun aplikasinya kepada pembangunan projek terancang di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan badan-badan yang terlibat dalam penawaran produk ini.

Seksyen 17(1), Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 memperuntukkan saham wakaf sebagai: “Majlis boleh menawarkan saham wakaf terhadap apa-apa harta yang diperolehnya atau yang akan diperolehnya kepada mana-mana orang untuk saham-saham itu dibeli dan kemudiannya diwakafkan kepada Majlis”. Seksyen 17(2), Enakmen yang sama selanjutnya menyatakan bahawa saham wakaf ini dianggap sebagai wakaf am, bukan wakaf khas.

Peruntukan yang sama terdapat di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.

Bagi Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, saham wakafnya ditawarkan sebagai sebahagian daripada skim wakaf di bawah Seksyen 11(1). Menerusi Seksyen 11(2), dapat difahami bahawa *modus operandinya* bermula dengan tawaran pembelian saham oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di mana pembeli/pewakaf akan

¹² Seksyen 2 (Tafsiran), J.P.U. 51. Kaedah-kaedah ini mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1985.

kemudiannya menyerahkannya kepada MAINS sebagai wakaf. Seksyen 11(3) pula menyatakan bahawa saham wakaf yang dibentuk tadi bukan sahaja boleh menjadi wakaf am, tetapi juga wakaf khas. Ini berbeza dengan kedua-dua statut wakaf Selangor dan Melaka di atas yang menghadkannya kepada wakaf am semata-mata.

Di Johor pula, Seksyen 2 Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 memperuntukkan Saham Wakaf sebagai “mengujudkan suatu Wakaf Musytarak melalui saham-saham dengan syarat wakaf atau yang kemudian daripadanya diwakafkan”.¹³

Meneliti kepada perkembangan semasa Negara dalam perkara wakaf ini, didapati telah ada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku Pemegang Amanah Tunggal Harta Wakaf yang sudah mula memperkenalkan amalan wakaf daripada kategori dana ini seperti Selangor, Johor, Melaka dan Pahang melalui saham wakaf. Majlis Agama Islam Pulau Pinang pula menawarkan Dana Wakaf. Di bawah organisasi lain, saham wakaf turut ditawarkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan menerbitkan 14 juta saham bagi membiayai Pusat Latihan di Semungkis, Hulu Langat, Selangor.

Wakaf Saham

Konsep wakaf saham pula melibatkan saham yang dimiliki oleh seseorang ataupun badan sebagai harta yang diwakafkan. Ianya boleh berlaku pada saham-saham sedia ada mahupun saham yang dibeli untuk diwakafkan. Contoh yang terdekat dalam kertas ini adalah skim WakafREIT yang dicadangkan sebagai salah satu strategi pembiayaan bagi pembangunan WPI.

Setakat ini, tafsiran Wakaf Saham ini hanya terdapat di Negeri Johor dan Melaka sahaja. Di Johor, tafsirannya diletakkan di bawah Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 sebagai: “mewakafkan saham-saham syarikat perniagaan dengan belian atau saham-saham yang telah ada”.¹⁴

Bagi Melaka pula, tafsiran Wakaf Saham dibuat di bawah Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5 tahun 2005), iaitu: “saham-saham syarikat atau perniagaan atau saham-saham yang telah ada yang diwakafkan”.

¹³ Lihat J.P.U. 51/85. Kupasan mengenainya juga boleh dilihat dalam Siti Mashitoh Mahamood (2005a), “Wakaf: Kajian Amalan Di Malaysia Dan Peranannya Dalam Pembangunan Masyarakat”, Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Penerangan Saham Wakaf Selangor Sempena Program Bulan Wakaf Negeri Selangor 2005 Anjuran Majlis Agama Islam Selangor pada 27 Ogos 2005, h.15.

¹⁴ Ibid.

Dari sudut pelaksanaannya, didapati Johor Corporation (Jcorp) telah merealisasikannya dengan jenama waqaf korporat di mana sebanyak RM200 juta saham anak-anak syarikatnya yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia telah diwakafkan. Ia terdiri daripada Kulim (Malaysia) Berhad dengan 12.35 juta unit saham bersamaan 4.68 peratus terbitan ekuiti, KPJ Healtahcare Berhad (18.60 juta unit saham bersamaan 4.32 peratus terbitan ekuiti) dan Johor Land Berhad (4.32 juta unit saham bersamaan 3.57 peratus terbitan ekuiti). Pewaqafan itu, yang dipercayai pertama seumpamanya di dunia, disempurnakan pada 3 Ogos 2006 oleh Ketua Eksekutif JCorp, Tan Sri Muhammad Ali Hashim dan Mufti Johor, Dato' Nooh Gadut.

Wakaf Tunai¹⁵

Wakaf tunai ini adalah didasarkan kepada *waqf al-nuqud* atau *waqf al-dinar* dan *waqf al-dirham* yang ada dibincangkan di dalam Fiqh Islam. Secara umumnya, perwakafan wang adalah dibolehkan di dalam Islam dengan mengikut syarat-syarat tertentu. Menurut Ibn 'Abidin, mewakafkan wang ataupun duit adalah sah meskipun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuknya yang asal tetapi pengekalan ini masih boleh direalisasikan dengan menukarkannya kepada bentuk yang lain (atau harta lain yang bersifat kekal). Dalam masa yang sama, beliau berpandangan bahawa kesahannya hanya terhenti kepada uruf atau adat masyarakat setempat.¹⁶ Di Malaysia, wang tunai ini telah diterima pakai sebagai satu medium pertukaran kewangan semenjak dulu lagi. Justeru, ianya sesuai untuk diwakafkan dan ia adalah harta yang bernilai.

Pernah dilaporkan oleh Muhammad, iaitu anak lelaki kepada 'Abdullah al-Ansari, yang merupakan sahabat Zufar, di mana beliau berpandangan bahawa wang (*dirham*) boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan (diwakafkan).¹⁷

Melalui bentuk-bentuk pelaburan di atas, bukan sahaja modal atau aset yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah ianya akan memberi keuntungan yang berlipat ganda dan dapat melahirkan lebih banyak lagi harta-harta wakaf yang baru dalam bentuk harta kekal.

¹⁵ Siti Mashitoh Mahamood (2005b), "Pembangunan Dana Wakaf Dari Perspektif Syariah dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia", Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Dana Wakaf Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di Bilik Auditorium, Dewan Milenium, Kepala Batas, Seberang Perai Utara pada 17 Julai 2005, h.3.

¹⁶ Ibn 'Abidin, 1966, opcit., h. 364.

¹⁷ Ibn 'Abidin, *ibid.* ; al-Tarabusi, 1981, h. 26.

REIT(Real Estate Instrument Trusts)¹⁸

REIT ialah amanah pelaburan harta tanah iaitu istilah sejagat yang diterima pakai bagi diskripsi tabung yang melabur terutamanya dalam harta tanah. Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 3 Januari 2005 telah mengeluarkan Garis Panduan Amanah Pelaburan Harta Tanah (Guidelines on Real Estate Investment Trusts -REITS) dalam usaha untuk menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan industri amanah pelaburan harta tanah yang berdaya maju dan kompetitif di Malaysia. Garis panduan tersebut menggantikan Garis Panduan Tabung Amanah Harta Tanah (Guidelines on Property Trust Funds) sebelum ini yang diterbitkan pada 13 November 2002. Penjenamaan semula tabung amanah harta tanah kepada amanah pelaburan harta tanah atau REIT, adalah untuk mempertingkat posisi industri pengurusan pelaburan Malaysia ke tahap global.

Sukuk¹⁹

Sukuk adalah katanama dalam Bahasa Arab untuk sijil kewangan (financial certificate). Dengan kata lain ia merujuk kepada sijil bertulis yang menunjukkan pemilikan hak ke atas sesuatu projek atau pelaburan. Ini selaras dengan apa yang telah disimpulkan oleh Asem Albuolayan di mana sukuk secara umumnya adalah nota komersil yang membuktikan hak milik pelabur ke atas aset pendasar atau penerbit sukuk tersebut.

Manakala, Engku Rabiah menjelaskan perkataan sukuk lebih umum berbanding bon. Ini kerana bon adalah merupakan sijil yang membuktikan keberhutangan seseorang. Manakala sukuk pula merangkumi sijil-sijil yang membuktikan tanggungjawab kewangan (financial obligation) sama ada tanggungjawab tersebut dalam bentuk hutang atau bukan hutang.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa perkataan sukuk boleh digunakan untuk sijil-sijil yang membuktikan keberhutangan penerbit (issuer) sebagaimana ia juga boleh diguna untuk sijil-sijil yang membuktikan hak milik pelabur ke atas aset pendasar seperti dalam sukuk ijarah, sukuk musyarakah dan sukuk mudharabah.

Wakaf Sebagai Satu Tanggungjawab Sosial

Definisi tanggungjawab sosial korporat ialah melakukan perniagaan mengikut tatacara yang menepati etika, perundungan dan menepati harapan orang awam. Tanggungjawab sosial korporat telah menjadi sebahagian dari visi korporat, misi dan falsafah organisasi perniagaan.

¹⁸ http://www.sc.com.my/eng/html/resources/guidelines/UTs/GL_REIT.pdf, tarikh akses 20 April 2007

¹⁹ Lihat Md Nurdin Ngadimon (2006), "Pengembangan Harta Wakaf Menggunakan Instrumen Sukui" kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan, 12-14 September 2006.

Kajian empirikal menunjukkan bahawa tanggungjawab sosial korporat telah memberi impak yang positif kepada pencapaian ekonomi perniagaan dan ia tidak membahayakan nilai pemegang-pemegang saham. Badan-badan korporat telah digalakkan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial hasil dari tekanan oleh pengguna, pembekal, pekerja, masyarakat, pelabur, aktivis dan juga pelbagai pihak lain.

Konsep tanggungjawab sosial korporat merupakan satu gelombang perubahan yang mula diperkatakan dan dipraktikkan oleh badan-badan korporat. Sebagaimana yang diketahui, matlamat sesebuah perniagaan adalah untuk mencapai keuntungan seoptimum mungkin bagi sesebuah syarikat. Jika dulu syarikat hanya mementingkan keuntungan bagi syarikat tetapi dalam arus perubahan pelaksanaan tanggungjawab sosial ini, syarikat mula membuka ruang untuk mengembalikan keuntungannya supaya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

Di Malaysia, arus kesedaran tanggungjawab sosial korporat juga mula diperkatakan. Badan-badan korporat mula menyadari bahawa tanggungjawab sosial merupakan satu strategi syarikat dalam operasi perniagaan mereka. Dalam era ini syarikat dinilai oleh pengguna, pelabur dan pekerja berdasarkan moral dan etika syarikat. Perkara-perkara seperti perdagangan yang adil, memelihara alam sekitar, anti pengujian kepada binatang yang sebelum ini hanya diperjuangkan oleh pihak NGO tetapi sekarang mempengaruhi keputusan pengguna terhadap barang yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat dan mengambil berat terhadap perkara-perkara tersebut.

Dalam ucapan bajet 2007 Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia telah meminta semua syarikat awam tersenarai di Bursa Malaysia menzahirkan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial mereka. Arahan dari Perdana Menteri ini adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat awam tersenarai (PLC) supaya mengambil berat terhadap tanggungjawab sosial mereka. Untuk menyemai budaya tanggungjawab sosial korporat (CSR), mereka perlu menzahirkan pencapaian tanggungjawab sosial tersebut dari segi menyediakan peluang perniagaan kepada pengusaha tempatan, termasuk pemberian kontrak kepada Bumiputera; komposisi guna tenaga syarikat berasaskan kaum; pembangunan modal insan serta sumbangan kepada kesejahteraan rakyat, terutamanya terhadap golongan kurang bernasib baik. PLC yang mengamalkan CSR sudah tentunya akan dapat menarik lebih banyak pelabur untuk melabur di dalam syarikat mereka, terutamanya pelabur institusi besar, seperti Dana Pencen dalam dan luar negara. Dalam

hubungan ini, KWSP dan KWAP akan memberi pertimbangan positif untuk melabur dalam PLC yang mematuhi CSR.²⁰

Menurut Dato'Seri Najib Tun Razak amalan tanggungjawab sosial bukanlah satu amalan sekadar berbentuk kebajikan atau filantropi. Sebaliknya amalan tanggungjawab sosial yang berkesan memberi impak berganda dalam memperbaiki prestasi syarikat untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Syarikat yang melaksanakan tanggungjawab sosial telah memperolehi faedah kompetitif yang signifikan dalam bentuk memperbaiki prestasi kewangan, menambah imej jenama dan reputasi, dan bertambah kebolehan untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkualiti, pengurusan risiko yang lebih efektif, mengurangkan kos- kos jangka panjang dan menarik pelabur institusi.²¹

Untuk menggalakkan syarikat menyertai program CSR, Kerajaan memberikan had potongan cukai ke atas sumbangan pihak swasta kepada pertubuhan kebajikan sebanyak tujuh peratus berdasarkan pendapatan agregat.²²

Antara contoh penzahiran tanggungjawab CSR ini dalam konteks di Malaysia adalah Syarikat TM²³ yang telah menjadi penaja Le Tour De Langkawi yang disertai oleh para pelumba basikal dari seluruh dunia semenjak 1996 lagi. Syarikat TM juga telah membantu mangsa bencana tsunami dengan menyumbang sebanyak RM 1 juta kepada beberapa tabung bantuan seperti tabung Kumpulan NSTP, tabung The Star-MRCS-MERCY, tabung kumpulan Utusan dan mangsa tsunami di Sri Lanka melalui syarikat subsidiarinya TM International Sdn Bhd. CIMB GROUP²⁴ pula selaku Rakan Sukan Squash telah menyumbang RM3 juta untuk tempoh dua tahun bagi membantu Majlis Sukan Negara untuk Persatuan Raket Skuash Malaysia bagi membangun dan mempromosikan sukan skuash di dalam negara.

²⁰ Ucapan Bajet YAB Dato ' Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi Perdana Menteri Dan Menteri Kewanganucaparan Bajet Tahun 2007, Di Dewan Rakyat Pada 1 September 2006 sila rujuk laman web <http://Www.Epu.Jpm.My/Bajet/Bmbajet2007.Pdf>, tarikh akses: 24 April 2007.

²¹ Ucapan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, dalam persidangan Corporate Social Responsibility Conference, tarikh akses: 21 Jun 2004, http://www.sc.com.my/eng/html/resources/speech/sp_20040621DPM.html, tarikh akses: 20 April 2007.

²² Ucapan Bajet YAB Dato ' Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi Perdana Menteri Dan Menteri Kewanganucaparan Bajet Tahun 2007, Di Dewan Rakyat Pada 1 September 2006 sila rujuk laman web <http://Www.Epu.Jpm.My/Bajet/Bmbajet2007.Pdf>, tarikh akses: 24 April 2007.

²³ http://www.tm.com.my/about_tm/cor_social/about_social.htm, tarikh akses: 20 April 2007

²⁴ http://www.cimb.com/index.php?ch=group_ch_acg_csr&pg=group_pg_csr_o1&ac=209&tpt=cimb_group, tarikh akses: 20 April 2007

Dalam hubungan ini, wakaf juga boleh menjadi satu amalan tanggungjawab sosial korporat. Wakaf merupakan satu bentuk amalan filantropi dalam Islam yang boleh dimasukkan di bawah kategori konsep tanggungjawab sosial sebagai satu konstruk yang terbentuk di bawah tanggungjawab filantropi yang berkaitan dengan hubungan perniagaan dan masyarakat.²⁵Malah di Turki²⁶ amalan wakaf dilihat sebagai satu bentuk melaksanakan tanggungjawab sosial di kalangan ahli korporat mereka. Kebanyakan keluarga yang memiliki syarikat-syarikat besar mempunyai yayasan wakaf. Anak syarikat atau subsidiari akan memperuntukkan peratusan keuntungan tertentu kepada yayasan untuk diaghikhan semula kepada masyarakat. Institusi pendidikan, hospital dan Pusat kebudayaan adalah antara badan-badan yang sangat popular mendapat bantuan kewangan dari dana wakaf.

Wakaf Sebagai Satu Tanggungjawab Sosial: Potensi di WPI

Badan-badan korporat boleh melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dalam bentuk wakaf. Bentuk-bentuk wakaf yang boleh dilaksanakan adalah sama ada mewakafkan bangunan atau kompleks atau mewakafkan wang tunai kepada tabung wakaf WPI atau bekerjasama dengan MAIN memajukan projek wakaf mereka.

1. Mewakafkan Kompleks atau Bangunan Wakaf Sebagai Tanggungjawab Sosial

Selain bentuk-bentuk tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan oleh badan-badan korporat seperti yang dinyatakan tadi, syarikat korporat juga boleh melaksanakan tanggungjawab sosial dalam bentuk amalan wakaf. Oleh itu adalah dicadangkan badan-badan korporat ini turut serta dalam mewujudkan zon pembangunan wakaf di WPI. Antara sumbangan yang boleh dilakukan oleh syarikat korporat untuk memenuhi tanggungjawab sosial mereka dalam konteks mewujudkan zon pembangunan wakaf ialah dengan cara mendirikan kompleks atau bangunan-bangunan wakaf.

Kompleks wakaf ini boleh didirikan dengan cara pembelian saham wakaf kompleks wakaf oleh badan-badan korporat. Kompleks ini akan digunakan untuk tujuan yang tidak berlawanan dengan hukum syarak. Kompleks ini boleh dibahagikan kepada hotel, unit kedai,

²⁵ Untuk pendedahan mengenai kategori-kategori lain membabitkan tanggungjawab ekonomi, Tanggungjawab Perundangan dan Tanggungjawab Etika, lihat Carroll, A.B (1979), "A Three dimensional model of corporate social performance". *Academy of Management Review*, vol. 4, h 497-505.

²⁶ Ararat, Melsa, "Drivers for Sustainable Corporate Responsibility, Case of Turkey" (April 2006). Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=965136>

bangunan pejabat, surau, tempat makan, klinik, tempat letak kereta dan sebagainya.

Contohnya, satu kompleks wakaf bernilai RM200 juta. Pentadbir wakaf boleh memecahkan satu saham wakaf kompleks kepada RM1 juta satu saham. Oleh itu, pentadbir wakaf perlu mewujudkan 200 saham wakaf, badan-badan korporat akan membeli satu saham wakaf yang bernilai RM1 juta atau boleh berkongsi dengan rakan perniagaan mereka untuk membeli satu saham yang bernilai RM1 juta tersebut. Hasilnya, apabila cukup dana sebanyak RM200 juta maka kompleks tersebut boleh ditubuhkan dan setiap unit kedai di kompleks tersebut boleh dinamakan dengan nama badan-badan korporat yang telah membeli saham wakaf kompleks tersebut. Contohnya boleh dinamakan seperti berikut:

- a) Lot 1 Wakaf Tenaga Power Bhd
- b) Lot 2 Wakaf Mesra Group Bhd
- c) Lot 3 Wakaf Bank Cekap Bhd
- d) Lot 4 Wakaf Takaful Tabarru' Sdn Bhd

Seterusnya, kompleks tersebut boleh disewakan dan hasil sewaan dimasukkan ke dalam tabung dana wakaf kompleks berkenaan. Dana ini akan digunakan untuk menyelenggara kompleks wakaf. Sekiranya terdapat lebihan boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain yang bersesuaian dengan prinsip perundangan wakaf.

Kompleks ini boleh disewakan kepada sesiapa sahaja dengan syarat perniagaan yang akan dijalankan tidak berlawanan dengan hukum syarak. Untuk memenuhi hasrat Kerajaan yang ingin melihat penyertaan golongan Bumiputera Muslim dalam pembangunan Wilayah Iskandar ini maka dengan adanya kompleks wakaf ini dilihat sebagai satu cara masyarakat Bumiputera Muslim boleh ikut serta merebut peluang bermula di dalam wilayah ini.

2. Mewakafkan Dana Tunai Untuk Pembangunan WPI Sebagai Tanggungjawab Sosial

Selain itu, badan-badan korporat boleh mewakafkan sejumlah wang tertentu untuk disumbangkan kepada dana wakaf bagi pembangunan ekonomi di WPI. Dana-dana ini boleh digunakan untuk mendirikan taman-taman rekreasi, tempat istirahat, pusat pendidikan dan sebagainya yang diperlukan oleh masyarakat.

Oleh itu, jumlah yang boleh diwakafkan oleh badan-badan korporat adalah tidak ada had minimum atau maksimum dan bergantung

kepada syarikat korporat berapakah jumlah wang yang akan diwakafkan oleh mereka.

3. Bekerjasama dengan pihak MAIN atau Kerajaan membangunkan projek-projek wakaf MAIN sebagai satu tanggungjawab sosial Selain itu badan-badan korporat boleh bekerjasama dengan pihak MAIN memajukan projek-projek wakaf yang dicadangkan oleh MAIN dengan cara kerjasama menggunakan prinsip-prinsip muamalat Islam yang dibenarkan seperti mudharabah, musyarakah, ujrah, ijarah, wakalah dan sebagainya.

Melalui konsep mudharabah, badan-badan korporat yang mempunyai kepakaran tertentu bertindak sebagai pengusaha dan pihak MAIN bersama badan korporat kewangan lain boleh bertindak sebagai pengeluar modal. Mereka boleh menjalankan projek yang berpotensi di dalam WPI. Hasil keuntungan dari projek akan diagihkan kepada badan-badan korporat dan MAIN mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Sebagai menunaikan tanggungjawab sosial, badan-badan korporat akan memberikan sebahagian keuntungan dari keuntungan projek mudharabah ini kepada tabung wakaf MAIN atau tabung wakaf zon wakaf di WPI.

Begitu juga konsep musyarakah boleh dilaksanakan di antara badan-badan korporat dan pihak MAIN menjalankan projek usahasama yang tertentu. Hasil keuntungan projek musyarakah ini akan diagihkan oleh badan-badan korporat kepada tabung dana wakaf MAIN.

Konsep ijarah juga boleh dipakai iaitu dengan cara badan-badan korporat menerbitkan REIT Islam wakaf dan membeli harta tanah yang berpotensi untuk disewakan di WPI. Sebahagian pulangan pelaburan daripada REIT akan diberikan kepada badan-badan korporat dan sebahagian tertentu pula akan diberikan kepada tabung wakaf pembangunan wakaf WPI.

IMPLIKASI EKONOMI HASIL KEWUJUDAN ZON PEMBANGUNAN WAKAF DI WPI

Penubuhan Zon Pembangunan Wakaf di Wilayah Iskandar dilihat akan memberi impak positif kepada ekonomi antaranya:

1. Peluang Penyertaan Bumiputera Muslim dalam pembangunan WPI
Hasil penubuhan Zon pembangunan wakaf di WPI akan membuka ruang kepada penyertaan lebih ramai golongan Bumiputera Muslim

dalam menjayakan WPI. Golongan Bumiputera Muslim tidak akan menghadapi masalah untuk menyewa premis perniagaan kerana kompleks wakaf dan bangunan wakaf yang ada boleh disewakan dengan harga yang lebih murah kepada umat Islam. Dengan polisi sebegini dapat mengurangkan masalah usahawan muslim yang mungkin tidak mampu membeli atau menyewa premis-premis perniagaan yang dijangkakan akan melambung tinggi berbanding nilai harta tanah pada masa kini.

Usahawan-usahawan yang menyewa kompleks wakaf juga perlu digalakkan untuk membudayakan amalan wakaf. Oleh itu mereka juga digalakkan menyumbang hasil keuntungan perniagaan mereka kepada tabung dana wakaf bagi zon pembangunan wakaf di WPI.

Hasilnya WPI akan dibangunkan dan didiami oleh pelbagai masyarakat yang boleh saling bantu-membantu dan tidak terhad kepada golongan korporat gergasi yang bermodal besar sahaja. Sekiranya ia dimonopoli oleh badan-badan korporat gergasi sahaja maka akan menyebabkan ketidakseimbangan taraf hidup di kalangan komuniti WPI kerana hanya golongan elit dan berkemampuan sahaja yang mampu membeli harta tanah di situ.

2. Menarik Minat Pelabur-pelabur dari Negara-negara Islam Melabur di WPI

Hasil penubuhan Zon pembangunan wakaf di WPI dijangka akan menarik minat pelabur-pelabur dari negara-negara Islam terutamanya negara-negara yang memperjuangkan instrumen wakaf sebagai satu mekanisme pembangunan ekonomi umat Islam seperti Kuwait, Qatar, Singapura dan sebagainya.

Negara-negara Islam akan melihat zon pembangunan wakaf sebagai satu tarikan untuk sama-sama melabur bagi memajukan WPI sebagai satu semangat ukhuwwah dan kerjasama sesama umat Islam.

AGENDA PEMBANGUNAN WPI BERDASARKAN KONSEP WAKAF

Secara khususnya, pembangunan yang dicadangkan ini boleh diletakkan di bawah zon wakaf komersial, wakaf industri & kediaman, wakaf peribadatan dan wakaf rekreasi. Penulis mencadangkan agar diwujudkan Kompleks Komersial Halal Wakaf (*Wakaf Halal Commercial Complex*) bagi Zon Komersial. Hotel Wakaf pula akan diwujudkan bagi Zon Industri &

Kediaman, Manakala bagi Zon Peribadatan pula, sebuah Masjid eksklusif bercirikan fasiliti moden akan didirikan. Seterusnya bagi Zon Aktiviti, sebuah Wakaf Recreation Centre akan diwujudkan. Pusat Perubatan Wakaf (*Wakaf Medical Centre*) juga boleh dijadikan sebahagian daripada komponen di dalam Zon Wakaf Komersial & Industri.

Selepas pembinaan Kompleks Komersial Halal (*Wakaf Halal Commercial Complex*), ia akan disewa kepada peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan Bumiputra Muslim warganegara Malaysia yang akan memasarkan produk-produk halal mereka. Produk-produk ini akan terdiri daripada pelbagai kategori, iaitu makanan & minuman, produk harta dan kewangan Islam yang dimiliki oleh 100% Bumiputra serta lain-lainnya yang termasuk di bawah kategori ini. Dengan adanya kompleks seumpama ini, maka hasrat Malaysia untuk menjadi hab industri halal Malaysia akan dapat direalisasikan sewajarnya. Produk-produk halal Malaysia bukan sahaja dapat dijual dan dipasarkan pada tempoh waktu tertentu sahaja sebagaimana yang berlaku pada International Halal Showcase (MIHAS), namun ianya dilaksanakan secara tetap dan berterusan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, Hotel Wakaf yang akan dibina di bawah Zon Wakaf Industri & Kediaman pula, ianya akan dilengkapkan dengan fasiliti biasa sesebuah hotel, namun perlu dipastikan ianya adalah selaras dengan kehendak Islam.

Bagi masjid yang dibangunkan di bawah kategori Zon Wakaf Peribadatan pula, ianya akan dilengkapi dengan fasiliti-fasiliti mewah dan moden seperti alat pendingin hawa, lift, perpustakaan dengan dilengkapi portal carian bahan secara online, nuseri untuk ibu-ibu yang ada membawa anak-anak kecil mereka dengan seorang pengurus dan beberapa orang pembantu serta lain-lain fasiliti berkaitan.


Bagi Pusat Rekreasi Wakaf (*Wakaf Recreation Centre*) di bawah Zon Wakaf Rekreasi, ianya akan menempatkan lokasi-lokasi bagi aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada ummah meliputi Kolam Renang, Gimnasium, Gelanggang tenis, badminton dan lain-lain bentuk permainan dan aktiviti. Apapun, peraturan-peraturan tertentu perlu dirangka agar konsep penggunaannya selaras dengan hukum syarak.²⁷

²⁷ Seperti mengadakan waktu atau lokasi penggunaan kolam renang yang berasingan untuk lelaki dan wanita, berpakaian gim yang mendatangkan fitnah dan sebagainya.

Selanjutnya Pusat Perubatan Wakaf (*Wakaf Medical Centre*) bagi Zon Wakaf Komersil & Industri boleh dibina bagi melengkapkan lagi keperluan pembangunan komuniti WPI. Kemudahan servis perubatan dan ubat-ubatan boleh disediakan secara percuma atau dengan diskau berpatutan kepada pesakit yang tidak berkemampuan tanpa mengira agama. Selain daripada itu, pakar-pakar/doktor-doktor perubatan boleh mewakafkan servis kepakaran mereka dalam perubatan pesakitnya dalam ertikata tidak mendapat pembayaran bagi perkhidmatan yang dibuat. Ianya boleh dibuat pada ketika-ketika tertentu (seperti “*on call service*” dan lain-lainnya yang bersesuaian). Dalam masa yang sama, satu Tabung Wakaf boleh disediakan untuk para pengunjung khususnya bagi mereka yang berada (kaya) di mana ianya akan diaplikasikan kepada pembangunan dan pengurusan Pusat Perubatan Wakaf ini.

Akhirnya, dicadangkan agar keempat-empat premis tadi, iaitu Wakaf Halal Commercial Complex, Hotel Wakaf, Pusat Perubatan Wakaf dan Wakaf Recreation Centre dihubungkan dengan premis masjid supaya penggunaan rumah ibadat ini dapat dioptimumkan oleh para pengguna pusat-pusat tersebut. Ia seakan menyamai model pembinaan Petronas Twin Towers, Kuala Lumpur yang dihubungkan secara bersama dengan sebuah jejambat. Pentadbir masjid pula hendaklah mempastikan para pengguna mengikuti peraturan-peraturan menggunakan masjid sebagaimana biasa.²⁸

Rajah 1: Cadangan Projek Komersial Di WPI



²⁸ Seperti menutup aurat, berkelakuan sopan, menjaga kebersihan dan sebagainya.

Kadar caj dan sewaan bagi penggunaan premis-premis yang dibangunkan di atas akan dibuat dengan takat yang berpatutan. Objektif dan semangat wakaf yang bersifat tolong-menolong dan saling membantu sesama ummah akan dijadikan teras dalam perkara ini. Justeru, ia dapat menghakis pandangan serong pihak-pihak tertentu bahawa pembangunan WPI hanya menguntungkan pelabur-pelabur asing khususnya Singapura sebagai negara jiran yang berdekatan. Ini kerana objektif pembangunan di Zon Wakaf ini lebih difokuskan untuk membantu ummah di Malaysia khususnya masyarakat beragama Islam itu sendiri. Institusi wakaf pula hendaklah dimartabatkan ke tempat yang sewajarnya.

Selanjutnya, dicadangkan agar pembinaan kesemua projek-projek wakaf ini direalisasikan dengan ciri Islamic Architecture yang pastinya akan menarik ramai pengunjung ke sana. Ini dengan sendirinya akan membolehkan kesemua premis-premis WPI di Zon Wakaf ini dimanfaatkan di mana penjanaan pendapatan yang tinggi dapat dihasilkan. Kemungkinan zon ini menjadi mercu tanda (landmark) WPI ataupun Negeri Johor sendiri khususnya dan Malaysia amnya adalah besar.

STRATEGI PEMBIAYAAN PREMIS PEMBANGUNAN WAKAF

Terdapat beberapa cara untuk membiayai Wakaf Halal Commercial Complex, Hotel Wakaf, Masjid, Pusat Perubatan Wakaf dan Wakaf Recreation Centre sebagaimana berikut:

Pertama: Wakaf Irsad: pelaksanaan menerusi kaedah ini boleh direalisasikan menerusi sumbangan dana sedia ada bagi pembelian hartaan oleh pihak Kerajaan (Negeri atau Pusat) dan badan-badan korporat. Setakat inipun, sumbangan Kerajaan kepada Majlis-Majlis Agama Islam Negeri untuk tujuan-tujuan pembinaan tempat-tempat peribadatan telah termasuk ke dalam kategori wakaf irsad.²⁹ Dalam konteks ini, kegunaan wakaf irsad adalah meluas bukan sahaja kepada masjid, malah juga kepada pusat-pusat komersil, kediaman, pusat kesihatan dan rekreasi yang diwujudkan berteraskan Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan tadi. Bagi badan-badan korporat pula, adalah jelas ianya bagi memenuhi tanggungjawab SCRnya.

²⁹ Lihat misalnya fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak yang telah digazetkan pada 26 Februari 2004 bahawa tanah-tanah pemberian Kerajaan kepada Majlis Agamanya untuk tujuan ibadat orang Islam, masjid, surau dan tanah perkuburan yang telah diiktiraf sebagai waqf. Namun jika diberikan untuk tujuan pembangunan, ianya dikira harta Baitulmal sahaja. Rujuk Fatwa Negeri Perak 1994-2004, Jabatan Mufti Negeri Perak, t.t., h.26. Fatwa ini bertarikh 16 Februari 2004 menerusi [MNPKA. 351/14/5(44): PU.PK.07/2001].

Kedua: Wakaf Istibdal: pelaksanaannya adalah MAIN, khususnya Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) boleh bertindak mengistibdalkan³⁰ tanah-tanah wakaf sedia ada yang bermasalah (seperti pampasan daripada pengambilan tanah oleh Kerajaan yang belum/sukar ditukar kepada aset, tanah wakaf yang tidak sesuai dengan tujuan ianya didedikasikan³¹ dan sebagainya). Segala hasil pembangunan (misalnya menerusi WakafREIT dan lain-lainnya) akan disalurkan kepada pembangunan wakaf sedia ada di negeri MAIN masing-masing.

Ketiga: Wakaf Tunai – sumbangan dana tunai untuk diwakafkan boleh dibuat oleh Kerajaan,³² masyarakat, MAIN dan juga badan-badan korporat sebagai menunaikan tanggungjawab SCRnya. MAIN di semua negeri boleh memasuki skim wakaf tunai ini dengan dana Baitulmal atau dana wakaf sedia ada. Dana ini dan hasilnya akan dilaburkan dan digunakan untuk projek-projek harta tanah WPI yang dicadangkan di atas tadi. Walaubagaimanapun, bagi MAIN, hasilnya akan diaplikasikan kepada harta wakaf (sama ada memakmurkan wakaf sedia ada ataupun membeli asset baru wakaf) negeri masing-masing, kecuali MAIN bersetuju ianya diaplikasikan terus ke dalam projek-projek WPI tersebut, tertakluk kepada kontrak perjanjian yang dibuat.

Keempat: Saham Wakaf – skim ini boleh disertai oleh Kerajaan, MAIJ, masyarakat dan juga badan-badan korporat lainnya. Ianya akan diaplikasikan kepada apa-apa harta yang sedia diperolehi atau yang akan diperolehi di mana pihak-pihak ini akan membeli saham-saham itu dan kemudiannya diwakafkan untuk tujuan umum.

Kelima: Wakaf Saham- skim ini adalah berkaitan dengan cadangan pembangunan WPI berasaskan WakafREIT yang dinyatakan dalam kertas ini (sila rujuk kepada bahagian berkenaan).

Keenam: Penawaran WakafREIT- bagi menambah dana untuk pembangunan zon wakaf di WPI, pengurus wakaf boleh juga menerbitkan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) yang diwakafkan sebagaimana ditunjukkan dalam rajah 2. Misalnya bangunan yang didirikan hasil pembelian saham wakaf oleh badan-badan korporat boleh diterbitkan

³⁰ Namun, segala keperluan Hukum Syarak berkaitan istibdal hendaklah diikuti terlebih dahulu khususnya mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Fatwa Negeri dll. Sebagai rujukan, lihat Siti Mashitoh Mahamood, opcit., 2002, hh.30-31.


³¹ Seperti tanah wakaf yang dibina bangunan (bangunan wakaf) di mana tanah yang ditentukan oleh pewakaf bertukar menjadi tanah berpaya dan lain-lain lagi.

³² Geran berbentuk dana pemberian kerajaan boleh disalurkan kepada wakaf tunai ini.

REIT. Sekiranya bangunan tersebut bernilai RM200 juta maka unit saham sebanyak 200 juta unit boleh diterbitkan dengan nilai satu unit REIT bernilai RM1.00. WakafREIT ini mesti beroperasi selari dengan kehendak syariah.³³

WakafREIT ini boleh ditawarkan kepada orang ramai untuk dibeli dan diwakafkan. REIT ini bersekali dengan pulangan kepada pelaburan REIT tersebut. Orang ramai boleh membeli seberapa banyak unit yang mereka mampu contohnya 10 unit, 100 unit dan sebagainya. Dana yang diperolehi dari terbitan saham REIT ini pula akan dilaburkan oleh pengurus ataupun mutawalli wakaf ke dalam pelaburan lain yang menepati prinsip syariah untuk memberi pulangan kepada dana REIT ini. Ini bermakna untuk jangka panjang WakafREIT ini akan berkembang dan bertambah. Wang keuntungan ini akan diagihkan kepada MAIN negeri-negeri atau digunakan untuk membangun zon wakaf di WPI.

Rajah 2: Penawaran WakafREIT




³³ Antara REIT Islam yang diterbitkan di Malaysia ialah dan Al-Aqar KPJ REIT dan Al-Hadharah Boustead REIT.

Ketujuh: Sukuk Wakaf: bagi tanah-tanah wakaf yang diperolehi melalui wakaf irsad projek-projek pembangunan di tanah wakaf tersebut boleh dimajukan dengan cara pengurus ataupun mutawalli wakaf mengeluarkan suuk. Sukuk ini boleh dikeluarkan dalam bentuk suuk bay' bithaman ajil/murabahah, suuk musyarakah, suuk mudharabah, suuk ijarah dan suuk istisna'.

Sebagai contoh pengurus ataupun mutawalli wakaf ingin membangunkan tanah wakaf irsad untuk didirikan kompleks komersial. Oleh itu pengurus ataupun mutawalli wakaf boleh mengeluarkan suuk musyarakah.

RAJAH 3: SUKUK WAKAF



Dalam rajah 3 di atas, pengurus ataupun mutawalli wakaf bekerjasama dengan badan-badan korporat memeterai kontrak musyarakah. Masing-masing menyumbang modal untuk membina bangunan di atas tanah wakaf irsad. Pengurus ataupun mutawalli wakaf menyediakan tanah wakaf untuk dimajukan sebagai modal musyarakah. Tanah tersebut hendaklah dinilaikan supaya peratus sumbangan modal oleh pengurus ataupun mutawalli wakaf dapat ditentukan. Sementara badan-badan korporat pula

menyumbang modal dalam bentuk wang. Bagi membuktikan pemilikan pelabur ke atas projek tersebut, pengurus wakaf menerbitkan suuk musyarakah. Bangunan/kompleks tersebut apabila siap dibina akan disewakan untuk tujuan komersial dan pulangan dalam bentuk bayaran sewa dikongsi bersama antara pihak pengurus wakaf dan pelabur badan-badan korporat mengikut persetujuan.

Dalam tempoh perjanjian badan-badan korporat digalakkan mewakafkan suuk yang dipegang oleh mereka. Ini bermakna bagi badan-badan korporat yang mewakafkan suuk mereka maka pengurus wakaf tidak perlu memberikan pulangan keuntungan suuk kepada mereka sebaliknya dimasukkan ke dalam dana wakaf.

Setelah tamat tempoh perjanjian misalnya 10 tahun, pemegang suuk musyarakah akan mendapat bayaran keuntungan dan modal yang telah disumbangkan (daripada bayaran sewa). Pengurus wakaf pula akan menjadikan bahagian keuntungannya untuk membeli semula bahagian aset yang dikongsikan dengan badan-badan korporat. Selepas tempoh 10 tahun, pengurus wakaf akan memiliki aset tersebut sepenuhnya yang sebelum ini dikongsikan bersama dengan badan-badan korporat.

Ini bermakna, selepas 10 tahun sebarang perolehan dan aset kembali sepenuhnya kepada pengurus wakaf. Hasil sewa bangunan/kompleks tersebut akan dimasukkan ke dalam dana wakaf dan boleh digunakan untuk projek pembangunan wakaf yang lain. Perolehan tersebut boleh digunakan untuk kebaikan umat Islam atau digunakan semula untuk pembangunan harta wakaf seterusnya.

KEPERLUAN & IMPLIKASI PERUNDANGAN NEGARA

Pertama: Siapakah Pengurus Wakaf WPI

Di Malaysia, semua akta/enakmen negeri telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas. Selain daripada itu, MAIN juga menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua nazar am dan semua amanah khairat yang diwujudkan di negeri berkenaan yang bertujuan untuk kemajuan Islam dan umatnya.³⁴ Peruntukan ini menunjukkan bahawa hanya MAIJ sahaja yang diberikan kuasa untuk bertindak sebagai pengurus ataupun mutawalli bagi Zon-zon wakaf

³⁴ Lihat misalnya Seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) dan Seksyen 83, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 10 tahun 2003).

tadi. Walaubagaimanapun, peruntukan tersebut tidak pula melarang MAIJ untuk menubuhkan mana-mana perbadanan ataupun syarikat untuk menguruskan wakaf berdasarkan Seksyen 8 dan 9, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No.16 tahun 2003). Justeru, satu perbadanan ataupun syarikat boleh dibentuk oleh MAIJ untuk merealisasikan tugas-tugas pembangunan dan pengkomersialan wakaf WPI yang mana lokasinya adalah terletak di Negeri Johor. Malah, syarikat/perbadanan MAIJ ini boleh juga memasuki kontrak-kontrak perjanjian pembangunan wakaf WPI ini. Model bagi pembentukan dan bidang tugas syarikat/perbadanan ini bolehlah dilihat menerusi kejayaan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) yang telah menubuhkan syarikat subsidiarinya, iaitu Warees Investments Pte Ltd. untuk tujuan komersialisasinya. Menerusi pengasingan tugas MAIJ sebagai pentadbir wakaf dan syarikat/perbadanan MAIJ untuk mengendalikan tugas-tugas pembangunan dan komersialisasi, maka beban tugas MAIJ akan berkurangan.

Kedua: Pembabitan MAIN Dan Badan Lain Dalam Pembangunan WPI

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam strategi pembiayaan premis pembangunan wakaf, MAIN dan badan-badan lain juga boleh terlibat sama dengan projek-projek pembangunan harta tanah WPI. Persoalan timbul sama ada ianya selaras dengan kehendak undang-undang negara memandangkan pengurusan wakaf lebih bersifat kenegerian (*state based*)? Untuk mempastikan pembabitan badan-badan ini konsisten dengan undang-undang, maka kesemua urusan dan kontrak perjanjian pembangunan WPI hendaklah dibuat menerusi MAIJ selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di Negeri Johor. Ianya dibenarkan mengikut Seksyen Seksyen 7(2)(c), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 yang memberi kuasa kepada MAIJ untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak sama ada Kerajaan, badan korporat atau syarikat lainnya untuk membangunkan ekonomi wakaf negerinya. Justeru, mana-mana urusan pengendalian yang bertindak terus dan melepassi ketetapan ini dianggap tidak selaras dengan statut semasa yang ada.

Ketiga: Penggunaan Dana Atau Harta Wakaf Negeri Lain Di Bawah MAIN

Seperkara lagi adalah masalah penggunaan dana atau mawquf negeri-negeri lain di bawah MAIN; sejauhmanakah ianya dibenarkan untuk dipindahkan ke Negeri Johor? Penulis berpandangan pemakaian kuasa umum MAIN yang ada di setiap negeri,³⁵ iaitu MAIN mempunyai kuasa

³⁵ Lihat misalnya Seksyen 7(2)(h) yang diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No.16 tahun 2003), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, (no.4 tahun 2004), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, (no. 7 tahun 2002) dan lain-lain lagi.

untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkannya dikehendaki atau suaimanfaat untuk pembangunan ekonomi (dalam konteks ini ekonomi wakafnya) boleh dijadikan dasar untuk mengesahkan keterlibatan mereka. Ini kerana hasil pelaburan dan pembangunan harta tanah WPI menerusi skim-skim yang dicadangkan seperti menerusi sukuk musyarakah, WakafREIT, wakaf *Istibdal* dan lainnya dapat memberi pulangan secara perkonsian bersama dan menjana pendapatan serta membentuk aset baru wakaf yang ada di negeri-negeri di bawah MAIN berkenaan.

STRATEGI MENARIK MINAT PEWAKAF & PELABUR

Terdapat beberapa strategi untuk menarik minat golongan pewakaf dan pelabur untuk menyertai skim-skim wakaf bagi pembangunan WPI ini. Ianya berteraskan kepada strategi berbentuk spiritual, material dan sosial. Strategi-strategi tersebut adalah:

Pertama: Mempromosi bahawa wakaf adalah satu-satunya sedekah jariah yang diiktiraf oleh Hukum Syarak: masyarakat perlu didedahkan bahawa wakaf adalah suatu bentuk dedikasi kehartaan untuk tujuan-tujuan kebaikan yang satu-satunya diiktiraf oleh Islam sebagai sedekah jariah (*sadaqah jariyah*) di mana ianya akan memberikan balasan pahala kepada mereka yang berwakaf untuk selama-lamanya selagi mana kekalnya harta yang diwakafkan walaupun pewakaf meninggal dunia. Ini dapat dilihat dalam sebuah hadis yang begitu popular di kalangan masyarakat kita hari ini, iaitu:³⁶

“Apabila telah mati seorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara: *sadaqah jariyah*, ataupun ilmu yang dimanfaatkan (oleh orang lain), ataupun anak yang soleh yang mendoakan untuknya”.

Merujuk kepada hadis di atas, ahli-ahli tafsir telah mentafsirkan perkataan “*sadaqah jariyah*” dalam hadis berkenaan sebagai merujuk kepada amalan perwakafan. Ini kerana, menurut mereka bentuk-bentuk sedekah yang lain tidak mengandungi elemen kekal atau berpanjangan (*jariyah*) sebagaimana yang terdapat dalam ibadat wakaf yang kita bincangkan ini.³⁷ Atas dasar inilah, para sahabat Rasulullah S.A.W. telah berlumba-

³⁶ Muslim, Abu al-Husayn Muslim b. al-Hujjaj b. Muslim al-Qushayri, (t.t.), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *bab ma yulhiq al-insan min al-thawab ba'd wafatihi*, *kitab al-wasiyyah*, vol. 11, ttp., h. 85; al-Zayla'i, Jamal al-Din Abi Muhammad 'Abdullah b. Yusuf al-Hanafi (1938), *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*, edisi pertama, vol. 3, Dar al-Ma'mun, h. 159.

³⁷ *Sahih Muslim*, *ibid*; al-Shawkani, Muhammad b. 'Ali b. Muhammad (d.1255 AH) (n.d.), *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqi al-Akhbar*, vol. 5, ttp.: Dar al-Fikr, h. 127; Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad b. Abi al-'Abbas Ahmad b. Hamzah ibn Shihab al-Din (1967), *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, last edition, vol. 5, Egypt: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, h. 359.

lumba untuk melaksanakan amalan jariah melalui ibadat pewakafan ini sehingga Jabir ada mengatakan bahawa “tidak ada para sahabat yang kaya, melainkan mereka melakukan wakaf”.³⁸

Walaubagaimanapun, masyarakat Islam di hari ini nampaknya kurang memahami hakikat ini, malah ada yang tidak menyedarinya langsung. Bagi mereka, amalan bersedekah biasa juga dianggap sebagai ‘amal jariah’ yang menepati kehendak sedekah jariah yang dianjurkan di dalam hadis popular di atas. Sebenarnya, fenomena ini tidak menghairankan kita kerana perkataan ‘sedekah’ (*sadaqatun jariyah*) telah digunakan dengan terang di dalam hadis berkenaan.

Kedua: Menghebahkan kepada masyarakat tentang pelepasan Cukai Pendapatan kepada mereka yang berwakaf: masyarakat perlu dipromosikan bahawa pewakaf yang terlibat dalam skim-skim wakaf tunai dan saham wakaf setakat ini dibenarkan mendapatkan pelepasan cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Penulis yakin, pelepasan ini akan dapat dipanjangkan kepada wakaf-wakaf lain termasuk wakaf saham jika pihak yang menawarkannya dapat meyakinkan pihak LHDN bahawa ianya termasuk ke dalam bayaran-bayaran keagamaan yang dibenarkan untuk pelepasan sebagaimana yang berlaku sebelum ini kepada wakaf tunai dan saham wakaf.

Sebagai contoh bagi wakaf tunai ini, penderma-penderma Dana Klinik Waqaf An-Nur di bawah Johor Corporation telah mendapat pelepasan cukai berkuatkuasa pada 1 Disember 1999.³⁹ Bagi pewakaf skim Saham Wakaf pula, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) misalnya telah merealisasikannya di bawah Akta 53 yang sama.⁴⁰

Ketiga: Menyedarkan badan-badan korporat bahawa selain penunaian CSR mereka, badan-badan korporat yang memberi sumbangan sebagai wakaf (wakaf tunai, irsad, saham wakaf) juga akan mendapat potongan cukai sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

PERANAN JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR) DALAM PEMBANGUNAN INSTITUSI WAKAF NEGARA

Selayang Pandang

Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) merupakan jabatan baru yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato' Seri

³⁸ Lihat dalam Ibn Qudamah, Muwaffiq al-Din Abu Muhammad `Abdullah b. Ahmad b. Muhammad (1972), al-Mughni, vol. 6, Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi, h. 187.

³⁹ Siti Mashitoh Mahamood, 2005b, opcit, h.7.

⁴⁰ No. Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-1.

Abdullah Ahmad Badawi pada 27 Mac 2004 sebagai penzahiran utama pelaksanaan dasar Islam Hadhari. Jabatan ini telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pengurusan hal ehwal wakaf, zakat, mal dan haji dilaksanakan dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan. Bahagian wakaf adalah salah satu bahagian di JAWHAR yang ditugaskan membantu dalam membangunkan tanah wakaf dengan lebih tersusun untuk mewujudkan kehidupan yang selesa serta meningkatkan ekonomi masyarakat keseluruhannya.

Matlamat penubuhan JAWHAR adalah sejajar dengan teras ketiga RMK 9 untuk “menanganai masalah ketidaksamaan sosio ekonomi secara membina dan produktif”. Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi di dalam ucapan pembentangan RMK 9 dipetik sebagai berkata “bahawa kerajaan komited untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti bumiputra ... kita akan membangunkan sumber modal bumiputra seperti tanah dan tanah wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat islam dan membantu usaha pembangunan insan.”

Pengurusan hal ehwal agama termasuk wakaf terletak di bawah bidang kuasa negeri dan badan yang bertanggungjawab adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Dalam hubungan ini, pembangunan projek-projek wakaf yang dilaksanakan memerlukan kerjasama penuh daripada MAIN selaku pemegang amanah tunggal ke atas semua tanah-tanah wakaf. JAWHAR selaku agensi Persekutuan komited dalam membantu MAIN membangunkan projek-projek yang berbentuk sosial mahupun ekonomi demi kepentingan masyarakat umum. Pelbagai instrumen wakaf seperti Irsad dan Istibdal boleh digunakan dalam merealisasikan matlamat yang murni.

Program Pembangunan Tanah Wakaf JAWHAR

Program Pembangunan Tanah Wakaf bertujuan membangunkan tanah-tanah wakaf dan tanah-tanah baitulmal yang selama ini telah terpinggir daripada arus pembangunan ekonomi negara, di samping dapat digembelengkan untuk meningkatkan sosio-ekonomi bumiputera. Program pembangunan tanah wakaf dirancang bagi mewujudkan kelompok masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera muslim dan membantu ke arah pembinaan modal insan yang berwibawa dan produktif. Program ini akan mengambil pendekatan berikut:

i. Memperbaiki Taraf Hidup Masyarakat di Atas Tanah Wakaf

Menyusun dan membangunkan semula penempatan melayu/muslim agar setaraf dengan pembangunan sedia ada dari segi tempat tinggal yang selesa dan kemudahan prasarana yang lengkap. Ia juga turut membantu masyarakat berpendapatan rendah dengan cara menyediakan unit perumahan yang lebih sempurna dan selesa terutamanya dalam kawasan bandar.

ii. Pembangunan Insan di Atas Tanah Wakaf

- Membangun dan menyediakan pusat-pusat perlindungan dan latihan kemahiran kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti rancangan pembangunan rumah perlindungan wanita teraniaya dan sebagainya.
- Menggandingkan program sosial lain di bawah MAIN seperti zakat dan baitumal.
- Merencana masa depan yang cemerlang melalui bantuan dan sokongan pendidikan dan latihan kemahiran.
- Mengurangkan implikasi gejala sosial di masyarakat.

iii. Pembangunan Keusahawanan di Atas Tanah Wakaf

- Mewujudkan ruang-ruang niaga dan membangunkan keusahawanan dalam kalangan umat Islam di lokasi strategik bagi menyelesaikan keperluan fardhu kifayah umat Islam.
- Membantu dalam usaha meningkatkan bilangan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera / muslim (MPPB).

iv. Pembangunan Industri Perhotelan di Atas Tanah Wakaf

- Menyelesaikan keperluan fardhu kifayah khususnya bagi umat Islam yang bermusafir dan para pelancong tempatan dan luar negeri.
- Membangunkan kepakaran pengurusan hotel dan rangkaian hotel di kalangan usahawan umat Islam.
- Menyediakan peluang pekerjaan dan mewujudkan peluang perniagaan kepada peniaga dan pembekal-pembekal keperluan hotel.
- Mewujudkan kerjasama antara semua MAIN dengan Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan wakaf.

PENUTUP

Adalah diharapkan agar segala cadangan untuk pembangunan WPI menerusi konsep wakaf ini dapat dipertimbangkan oleh pihak berautoriti yang berkenaan. Projek-projek hartanah Wakaf Halal *Commercial Complex*, Hotel Wakaf, Masjid, Pusat Perubatan Wakaf dan Wakaf *Recreation Centre* dapat menyeimbangkan pembangunan fizikal dan juga spiritual yang didasarkan kepada prinsip-prinsip syariah. Ianya juga dapat merealisasikan hasrat Perdana Menteri Malaysia yang menekankan juga pembangunan modal insan dalam kalangan masyarakat. Fokus penjanaan keuntungan kepada ummah dalam negara khususnya masyarakat Bumiputra Muslim dapat mempastikan mereka terbela. Sokongan dan dokongan padu JAWHAR dalam memartabatkan institusi wakaf negara melambangkan komitmen utuh Kerajaan dalam merealisasikan pembangunan wakaf di era globalisasi ini. Ianya juga selaras dengan matlamat Islam Hadhari yang bukan sahaja menekankan elemen-elemen materialistik dalam agendanya malah juga elemen-elemen spiritual bagi menyeimbangkan pembangunan negara yang tercinta. Mudah-mudahan segala perancangan yang dimuatkan di sini boleh dimanfaatkan sewajarnya insyaAllah.

RUJUKAN

- Abu Zuhrah, Muhammad, 1959, *Muhadarat fi al-Waqf*, t.tp.: Ahmad `Ali Mukhaymar.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta 505).
- Al-Bukhari, Abu `Abdullah Muhammad b. Isma`il (t.t.), *Sahih al-Bukhari, kitab al-wasaya*, vol. 2, Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Al-Nasa`i, Ahmad Ibn Shua`yb (t.t.), *Sunan al-Nasa`i bi sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hashiyah al-Imam al-Sindi*,, bab ahbas, vol. 6, Beirut: Dar al-Kutb al-`Ilmiyyah.
- Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad b. Abi al-`Abbas Ahmad b. Hamzah ibn Shihab al-Din, 1967, *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, last edition, vol. 5, Egypt: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- al-Shawkani, Muhammad b. `Ali b. Muhammad (d.1255 AH) (n.d.), *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhbar*, vol. 5, ttp.: Dar al-Fikr.
- Al-Tarabulsi, Burhan al-Din Ibrahim b. Musa b. Abi Bakr Ibn al-Shaykh `Ali (1981), *al-Is`af fi Ahkam al-Awqaf*, Beirut: Dar al-Rai'd al-`Arabi.
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad, 1997, *Ahkam al-Awqaf*. Amman: Dar 'Ammar.
- al-Zayla`i, Jamal al-Din Abi Muhammad `Abdullah b. Yusuf al-Hanafi (1938), *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*, edisi pertama, vol. 3, Dar al-Ma'mun.
- Ararat, Melsa, "Drivers for Sustainable Corporate Responsibility, Case of Turkey", April 2006. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=965136>
- Carroll, A.B, 1979, "A Three dimensional model of corporate social perfomamce". *Academy of Management Review*, vol. 4, h 497-505.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), 2003, (No.16 tahun 2003).

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka), 2002, (no. 7 tahun 2002).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan), 2003, (No. 10 tahun 2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004, (no.4 tahun 2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam, 1978, (No.14 tahun 1978).
- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka), 2005, (No. 5 tahun 2005).
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor), 1999, (No.7 Tahun 1999).
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan), 2005, (No. 5 tahun 2005).
- Hariz, Salim, (Dr.), (1994) *al-Waqf: Dirasat wa Abhath*, Beirut: al-Jami`ah al-Lubnaniyyah.
- Ibn `Abidin, Muhammad Amin, 1966, *Hashiyah Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar*, edisi 2, vol. 4, ttp: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Muwaffiq al-Din Abu Muhammad `Abdullah b. Ahmad b. Muhammad, 1972, *al-Mughni*, vol. 6, Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Kaedah-kaedah Wakaf, 1983, (J.P.U. 51).
- Md Nurdin Ngadimon, 2006, "Pengembangan Harta Wakaf Menggunakan Instrumen Sukui" kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan, 12-14 September 2006.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim b. al-Hujjaj b. Muslim al-Qushayri, (t.t.), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, bab ma yulhiq al-insan min al-thawab ba`d wafatihi, kitab al-wasiyyah*, Vol. 11
- Sha`ban, Zaki al-Din et.al 1989, *Ahkam al-Wasiyyah wa al-Mirath wa al-Waqf fi al-Shari`ah al-Islamiyyah*. Edisi Kedua, Kuwait: Maktabah al-Fallah.
- Siti Mashitoh Mahamood, 2001, *Bagaimana Membuat Wakaf*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Siti Mashitoh Mahamood, 2002, *Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Mashitoh Mahamood, 2005a, " Wakaf: Kajian Amalan Di Malaysia Dan Peranannya Dalam Pembangunan Masyarakat", Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Penerangan Saham Wakaf Selangor Sempena Program Bulan Wakaf Negeri Selangor 2005 Anjuran Majlis Agama Islam Selangor pada 27 Ogos 2005, h.15.
- Siti Mashitoh Mahamood, 2005b," Pembangunan Dana Wakaf Dari Perspektif Syariah dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia", Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Dana Wakaf Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di Bilik Auditorium, Dewan Milenium, Kepala Batas, Seberang Perai Utara pada 17 Julai 2005, h.3.
- http://www.cimb.com/index.php?ch=group_ch_acg_csr&pg=group_pg_csr_oi&ac=209&tpt=cimb_group, telah dilayari pada: 20 April 2007.
- <http://www.Epu.Jpm.My/Bajet/Bmbajet2007.Pdf>, tarikh akses: 24 April 2007.
- http://www.sc.com.my/eng/html/resources/guidelines/UTs/GL_REIT.pdf, telah dilayari pada: 20 April 2007.
- http://www.sc.com.my/eng/html/resources/speech/sp_20040621DPM.html, telah dilayari pada: 20 April 2007.
- http://www.tm.com.my/about_tm/cor_social/about_social.htm, Telah dilayari pada: 20 April 2007.

DANA WAKAF UNTUK PENDIDIKAN: SATU TINJAUAN AWAL

Oleh:
Abdul Halim bin Sunny

ABSTRAK

Walaupun ramai pihak telah menulis pelbagai topik berkenaan wakaf, penulisan tersebut menjurus kepada bidang pengkhususan dan kecenderungan masing-masing. Artikel ini adalah berkenaan penggunaan harta wakaf bagi membiayai pendidikan di Malaysia. Ini berdasarkan kepada potensi harta wakaf yang banyak dan berdaya maju. Berdasarkan "Situational Analysis", penulis yakin bahawa jikalau usaha dilakukan secara istiqamah dan berterusan, kejayaan akan dapat dicapai oleh umat Islam di Malaysia setanding dengan negara-negara yang telah lama mengaplikasikan harta wakaf dalam bidang pendidikan.

Perkataan Teras : Dana Wakaf, Peranan Wakaf Untuk Pendidikan, Kebajikan Pelajar Bumiputera.

Klasifikasi JEL : Z12, R12, I22

1.0 PENGENALAN

Kos untuk membiayai pendidikan semakin mahal berikutan yuran pengajian semakin meningkat terutama bagi kursus-kursus kritikal dalam bidang sains dan teknologi seperti perubatan, sains kesihatan, farmasi, kejuruteraan, sains angkasa dan lain-lain. Tidak terkecuali juga bidang sastera dan agama yang merupakan bidang tradisi bagi majoriti pelajar Bumiputera Muslim.

Oleh kerana beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh mereka adalah tinggi, maka ramai pelajar tersebut membuat pinjaman pendidikan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN), yayasan-yayasan negeri dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Lazimnya, pelajar yang telah menamatkan pengajian diminta untuk membayar balik pinjaman tersebut mengikut kadar yang dinyatakan di dalam surat perjanjian

sama ada satu perempat, setengah atau bayaran penuh. Jika seseorang itu mendapat ijazah Kelas Pertama, pinjaman tersebut akan ditukar menjadi biasiswa. Bagi PTPTN, setiap pelajar dikehendaki membayar faedah sebanyak empat peratus.

Pembayaran balik ini menimbulkan beban dan masalah kepada peminjam dan juga pemberi pinjaman itu sendiri. Peminjam biasanya sukar untuk membayar balik pinjaman atas sebab-sebab tersendiri, manakala pemberi pinjaman menghadapi masalah jika peminjam lambat atau tidak mahu membayar balik pinjaman. Walau apa pun alasannya, wang pinjaman tersebut wajib dibayar untuk memberi peluang kepada orang lain turut sama mendapatkan hak dalam membiayai yuran pengajian dan kos sara hidup sewaktu berada di institusi pengajian. Dalam konteks hutang atau pinjaman, pandangan Islam adalah jelas iaitu ianya wajib dilunaskan sepertimana yang ditegaskan oleh Rasulullah dalam beberapa hadis antaranya:

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa mati, sedangkan dia masih menanggung hutang satu dinar atau satu dirham, maka akan diambil (diganti) daripada kebaikannya, kerana di sana tidak ada dinar dan tidak ada pula dirham."

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Tirmizi dan Ibnu Majah, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Jiwa seorang mukmin tergantung kepada hutangnya sehingga ia membayar hutangnya."¹

2.0 LATAR BELAKANG

Isu pembayaran balik pinjaman pendidikan oleh graduan kita sama ada di IPTA atau IPTS sering kedengaran. Malah, ada kes yang terpaksa diberi amaran akan disiarkan nama mereka di akhbar, disenaraihitamkan nama hingga melibatkan keturunan dan ada juga kes yang mahu dibawa ke mahkamah. Perkara sebegini ini amatlah mengaibkan masyarakat kita kerana pihak yang terlibat dalam kegagalan pembayaran balik pinjaman ini adalah kebanyakannya

¹ Hadis Akham, Haji Zakaria Haji Omar.

orang Melayu Islam. Maka, adalah menjadi kewajipan kita untuk mencari cadangan alternatif bagaimana cara untuk mengelakkan masalah ini terus berlarutan di antara peminjam dan agensi-agensi yang memberikan pinjaman. Salah satu alternatifnya ialah dengan mewujudkan entiti wakaf yang menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar tersebut untuk sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi tanpa mengira kursus dan potensi masa hadapan. Oleh yang demikian, perancangan dan usaha mewujudkan entiti wakaf di peringkat nasional amatlah dialu-alukan kerana potensi besarnya meningkatkan pemilikan ummah dalam ekuiti ekonomi negara di samping dapat memberikan sumbangan terhadap kemajuan pendidikan anak bangsa.

Tarikh 14 Februari 2008 adalah tarikh keramat dalam bidang wakaf di negara kita dengan tertubuhnya Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) untuk menjana sumber ekonomi serta pembangunan sosial umat Islam. YWM dilancarkan oleh mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Dr. Abdullah Md. Zin bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). YWM berperanan sebagai satu badan yang akan menggembangkan sumber-sumber wakaf yang boleh dijadikan sumber modal ekonomi berpotensi bagi dimanfaatkan oleh semua umat Islam. YWM juga ditubuhkan bagi memastikan penggembangan sumber wakaf selaras dengan pensyariatan wakaf. Dengan dana sebanyak RM4.5 juta sebagai permulaan, YWM mampu menjana sumber ekonomi berpotensi tinggi serta pembangunan sosial umat Islam. Sebagai negara yang baru mula mengorak langkah dalam memajukan institusi wakaf, kita boleh meniru pendekatan yang digunakan oleh negara-negara yang maju ke hadapan seperti Mesir dan Turki di mana mereka telah melakukan penggembangan sumber-sumber wakaf menerusi bidang perdagangan dan perindustrian yang terbukti meningkatkan taraf hidup umat Islam seperti pendidikan dan kesihatan ummah.

Projek-projek ekonomi yang dirancang dapat meningkatkan kehidupan sosio ekonomi umat Islam dalam bidang pelajaran, keusahawanan dan kesihatan. Hasilnya, ia dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan terutama kepada golongan miskin dengan bantuan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi-agensi kerajaan berkaitan.

3.0 PENGALAMAN PELAKSANAAN DANA WAKAF UNTUK PELAJAR

Sejak dahulu hingga ke hari ini belia-belia Melayu dari Nusantara pergi ke Mesir menuntut ilmu di Universiti Al-Azhar. Mereka telah memainkan peranan yang penting dengan mencorakkan peradaban masyarakat Melayu setelah kembali ke tanah air masing-masing. Melalui peranan yang mereka mainkan pelbagai idea baru telah dibawa masuk seperti idea islah, idea kemajuan dan sebagainya yang memberikan acuan baru kepada masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu yang terdedah kepada idea ini telah menjadikan mereka masyarakat yang lebih mampu membina jati diri yang boleh dijadikan model. Hakikatnya, biaya kewangan mereka seperti pembayaran yuran adalah sebenarnya sumbangan daripada dana wakaf Kementerian Wakaf Mesir.

Sejarah wakaf di Mesir sangat lama iaitu sejak Islam bertapak di sana pada zaman Khilafah Amawiyyah (Bani Umayyah). Sejak itu ia berkembang hingga ke hari ini dan menjadi salah satu sumber pendanaan projek untuk maslahat umum, berupaya mewujudkan keseimbangankekayaan dalam masyarakat dan keadilan sosial serta menjamin kehidupan para pelajar. Sejarah pembiayaan keperluan pelajar yang menuntut di Universiti Al-Azhar bermula pada zaman reformasi Islam yang diketuai oleh Syeikh Muhammad Abduh (1849 - 1905). Beliau adalah seorang tokoh pembaharuan (mujaddid abad ke-14 Hijrah) atau *reformer* pada awal abad ke-20. Beliaulah yang mencadangkan agar para pelajar yang menuntut di universiti tersebut diberikan biasiswa bagi membiayai pembayaran yuran. Malah gaji para pensyarah dan kakitangan pentadbiran juga dibayar menerusi dana wakaf. Mesir merupakan negara terkaya dan paling berjaya dalam aspek pengurusan wakaf melalui pengurusan berkesan Kementerian Wakaf. Maka, tidak hairanlah ia mampu membiayai kos kewangan untuk penuntut, pensyarah dan kakitangan universiti tersebut.²

Selain daripada pembiayaan kewangan bagi pelajar tempatan dan asing, banyak lagi kejayaan yang dicapai oleh Kementerian Wakaf Mesir yang mana hasilnya dapat memberikan sumbangan dalam pembangunan fizikal dan rohani umat Islam. Di antara sumbangan-sumbangan ini adalah seperti pembinaan masjid,

² Dr. Ibrahim Ahmad Fares, Kertas Kerja "Sejarah dan Kemajuan Wakaf di Mesir".

sekolah, perpustakaan, sekolah tahliz Al-Quran, pusat perubatan dan hospital, jalan raya beserta pengurusannya seperti penyelenggaraan dan pembinaan semula, menjamin keperluan wanita-wanita yang tidak mempunyai keluarga atau ibu tunggal, membantu orang kurang upaya dan orang yang menderita penyakit kritis, menyiapkan hidangan buka puasa dan sahur bagi fakir miskin dan orang asing pada bulan Ramadhan. Selain itu, aspek-aspek penguburan bagi kalangan fakir miskin dan orang asing, mendirikan perkuburan sedekah untuk menguburkan kaum fakir miskin, orang-orang asing dan para ibnu sabil, mendirikan kompleks perniagaan dan perdagangan di kawasan yang strategik, hotel penginapan dan mendirikan institusi penjagaan anak yatim dan fakir miskin, juga dibiayai oleh dana wakaf.³

Demikian juga pelajar-pelajar Islam di Pakistan yang menerima bantuan wakaf bukan sekadar dalam bentuk pembayaran yuran, malah penyediaan makanan. Dari Karachi di selatan hingga Peshawar di utara, yuran pengajian diberi secara percuma dan kos sara hidup yang sangat murah menjadikan Pakistan adalah negara tumpuan pelajar dari seluruh pelusuk Dunia Islam termasuk dari negara-negara Arab, Afrika dan Nusantara. Pelajar yang kehabisan wang tidak menghadapi masalah dalam soal makanan kerana universiti menyediakan hidangan makanan percuma. Semua ini menyebabkan ramai pelajar Malaysia tertarik untuk melanjutkan pengajian Islam di negara tersebut meskipun mereka menyedari bahawa kebanyakan universiti tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Malah ada segelintir daripada mereka terjebak dalam fahaman Islam yang menyimpang dan berfikiran militan. Namun, apa yang penting di sini ialah persoalan bagaimanakah sebuah negara yang berkonflik dengan India dalam isu Kashmir dan keadaan politik dalamannya yang sering bergelora dan huru hara mampu memberi sumbangan dalam bidang pendidikan. Rahsianya ialah budaya berwakaf, berzakat dan ibadat korban yang kuat sangat ketara dan dapat dilihat memandangkan majoriti penduduknya berfahaman Hanafi yang menekankan aspek muamalat secara holistik, fleksibel dan progresif, bukan dalam bentuk yang sempit.

Umat Islam di Malaysia juga mampu menikmati kemudahan tersebut seperti mana umat Islam di beberapa negara yang telah lama maju dalam bidang wakaf seperti Turki, negara-negara Arab

³ <http://www.csric.or.id/artikel/?Kategori=27 Irfan Abu Bakar, Wakaf Alternatif.>

dan Pakistan. Apatah lagi reputasi dan imej Malaysia yang baik di kalangan negara-negara Islam dan Dunia Ketiga. Kita amat berharap harta wakaf yang terkumpul nanti mampu memberi pembiayaan kepada pelajar-pelajar kita yang menuntut di sekolah rendah, sekolah menengah, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Mereka tidak perlu lagi membuat pinjaman kepada JPA, MARA, PTPTN, GLC dan yayasan-yayasan negeri yang mengenakan pembayaran balik selepas tamat pengajian. Ada yang menuntut pembayaran balik sebanyak satu perempat, separuh, penuh malah ada juga yang mengenakan faedah yang membebankan para graduan tersebut kerana mereka masih menganggur.

Pembiayaan pendidikan menerusi kekayaan dana dan harta wakaf ini dapat menghapuskan masalah kecinciran anak-anak orang Islam yang tidak dapat bersekolah dan gagal melanjutkan pelajaran ke universiti atas alasan kemiskinan. Kita sangat sedih melihat masalah kemiskinan umat Islam seperti yang ditayangkan dalam slot *Bersamamu* TV3 dan TV9 meskipun negara telah mencapai kemerdekaan 50 tahun lalu dan mencipta banyak kemajuan dalam pelbagai bidang. Dengan penguasaan yang besar dalam bidang politik dan pentadbiran negara, daripada sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan, jawatan Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet, jawatan tertinggi dalam pentadbiran awam, angkatan bersenjata, kedudukan Islam sebagai agama rasmi dan Hak-hak Istimewa Orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan, peluang ini sepatutnya direbut oleh kita untuk menjadi bangsa dan ummah paling perkasa di bumi bertuah ini. Justeru, bidang wakaf adalah antara pemangkin yang mampu melonjakkan ummah ke mercu kegemilangan.

4.0 FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN PELAKSANAAN WAKAF UNTUK PENDIDIKAN

4a. Kesedaran masyarakat

Kekuatan ekonomi ummah yang terbentuk hasil daripada kekayaan harta wakaf berkait rapat dengan kesedaran agama masyarakat Islam di sesuatu tempat itu untuk membelanjakan wang mereka secara fi sabilillah. Jikalau kesedaran mereka berada pada tahap yang tinggi, maka natijahnya dapat dilihat melalui aktiviti pewakafan yang menjanjikan keuntungan besar untuk ummah. Amalan

berwakaf yang dibuat oleh wakif dapat mengaktifkan aktiviti ekonomi ummah itu sendiri sekiranya ia dibuat secara bersungguh-sungguh dan ikhlas. Kesedaran ummah untuk berwakaf juga berkait rapat dengan faktor pendidikan dan publisiti yang dimainkan oleh pemimpin, ulama', pendidik dan pegawai Kerajaan. Jikalau semua pihak ini memainkan peranan mengikut kapasiti masing-masing, maka dana wakaf yang terkumpul akan meningkat berganda-ganda kerana ramainya jumlah orang yang melibatkan diri dalam amalan wakaf di samping amalan berzakat yang merupakan perkara fardhu dalam Islam. Apatah lagi dengan kefahaman ummah yang semakin meningkat tentang amalan wakaf kontemporari yang telah membebaskan fikiran mereka daripada kejumudan fikiran dan persepsi salah tentang amalan berwakaf. Adalah diharapkan dengan tertubuhnya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) akan dapat merancakkan lagi aktiviti pewakafan dan ekonomi ummah secara sistematis melalui urus tadbir yang cekap dan bertaraf dunia.

4b. Keadaan demografi

Populasi penduduk Islam yang tinggi dalam sesebuah negara dan pemilikan harta tanah yang luas memainkan peranan penting dalam menjayakan misi harta wakaf untuk pendidikan. Sesetengah negara Islam mempunyai peratusan penduduk beragama Islam yang tinggi seperti Arab Saudi 100%, Bahrain 100%, Yaman 99%, Oman 99%, Jordan 92%, Turki 99%, Pakistan 97%, Maghribi 98%, Iran 99% dan Mesir 94%.⁴ Faktor sumber manusia yang berpopulasi banyak ini memainkan faktor dari segi kelahiran umat Islam yang berkualiti dan berdaya maju dalam pelbagai bidang.

Pemilikan harta tanah seperti premis perniagaan dan kompleks membeli belah adalah lambang kekuatan dan kemampuan ummah mendominasi negara mereka sendiri iaitu bukan sekadar dari sejumlah populasi, malah tanah dan bangunan. Keadaan di Malaysia adalah sangat membimbangkan kerana jumlah populasi umat Islam yang majoritinya kaum Melayu hanya sekitar 54% sahaja dan pada masa yang sama

⁴ http://www.geocities.com/alazhar_mirc/negaraislam.htm

mereka menghadapi pelbagai masalah dalam bidang sosio-ekonomi. Meskipun kaum Cina hanya sekitar 25% daripada jumlah penduduk, namun pemilikan harta tanah mereka yang strategik terutama di bandar-bandar sangat luas dan banyak.⁵ Keadaan ini kelihatan signifikan kerana mereka menjadi tulang belakang, *landmark* dan lanskap kepada kemajuan negara. Banyak kajian menunjukkan bahawa banyak tanah milik orang Melayu di kawasan strategik di bandar-bandar telah dijual kepada kaum bukan Bumiputera untuk pembinaan kondominium, kompleks membeli belah, premis perniagaan dan sebagainya. Ada juga tanah wakaf yang terlepas ke tangan orang bukan Islam seperti yang berlaku di Pulau Pinang ketika institusi yang menguruskan hal ehwal wakaf masih belum diwujudkan.⁶ Hal ini sangat merugikan umat Islam kerana tanah yang terlepas amat sukar untuk ditebus kembali.

4c. Kedudukan ekonomi

Kejayaan institusi wakaf di negara-negara luar banyak disumbangkan oleh kekuatan ekonomi yang dimiliki oleh umat Islam di negara mereka. Negara-negara Islam yang terletak di Asia Barat (kecuali negara-negara Teluk) dan Afrika Utara rata-ratanya adalah negara membangun dan terkebelakang dalam bidang sains, teknologi dan kadangkala memiliki iklim politik yang tidak stabil. Walau bagaimanapun, dengan kuantiti dan peratusan penduduk Islam yang tinggi, pemilikan harta tanah yang besar dan luas menjadi aset dan sumber golongan kaya untuk melakukan amalan berwakaf dan berzakat secara aktif dan berterusan. Berbeza dengan Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk dengan jumlah masyarakat bukan Islam yang signifikan (35 peratus), negara-negara ini tidak menghadapi cabaran dari segi pemilikan harta tanah, sistem perundangan dan masalah politik antara kaum yang kompleks. Oleh yang demikian, kemunduran mereka dari segi teknologi dan sosial tidak menjadi halangan kepada mereka dalam melakukan sumbangan wakaf secara efektif.

Sebenarnya amalan yang menyerupai wakaf dalam memberi dana bagi pelajar telah diamalkan oleh masyarakat

⁵ http://ms.wikipedia.org/wiki/Demografi_Malaysia

⁶ *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kamarudin Ngah.

Cina di Malaysia. Melalui dana persatuan-persatuan Cina yang besar, mereka mampu memberikan pinjaman dengan faedah rendah kepada peminjam. Jikalau pelajar tersebut terlalu miskin, bantuan tersebut akan dijadikan biasiswa. Bukan setakat pelajar, malah bantuan kewangan secara percuma turut diberikan kepada peniaga yang baru memulakan perniagaan atau peniaga yang mengalami masalah kewangan. Ada di antara peniaga yang menerima bantuan tersebut telah dikecualikan dari membayar balik pinjaman. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam kita harus merasa tercabar dengan keupayaan kaum bukan Islam yang telah melaksanakan konsep 'wakaf' dan budaya 'tabarru' di kalangan masyarakat mereka sedangkan Islamlah yang merintis dan mempelopori usaha-usaha ini demi kemaslahatan umat Islam sebagai *khayra ummah*.

Jika kita memandang ke arah negara-negara Barat, kita juga dapat melihat situasi yang sama di mana masyarakat Barat turut mengaplikasikan konsep wakaf Islam dalam menjana kemajuan dan memperkasakan nilai-nilai kemanusiaan, tetapi dalam bentuk yang telah diubahsuai mengikut gaya hidup dan citarasa mereka. Antaranya ialah penubuhan institusi dan yayasan kebajikan. Amerika Syarikat sebagai contoh adalah merupakan sebuah negara yang paling banyak memberi sumbangan dalam kerja-kerja kebajikan. Pemilikan dana juga sangat besar di mana institusi-institusi di sana mempunyai simpanan sebanyak USD137.5 bilion seperti yang dicatatkan pada tahun 1989.⁷ Daripada jumlah tersebut, sebanyak USD7 bilion telah digunakan untuk aktiviti-aktiviti kebajikan dan bantuan kemanusiaan. Dalam bidang pendidikan, Barat sangat berjaya dalam memberikan sumbangan terhadap kemajuan sains dan teknologi melalui dana yayasan-yayasan yang ditubuhkan atas nama '*endowment*' dan '*trust*'. Yayasan-yayasan tersebut telah menyumbangkan dana yang besar kepada institusi-institusi pengajian tinggi dalam melaksanakan kajian-kajian ilmiah dan pembangunan teknologi demi kemajuan masyarakat mereka.⁸ Daripada dua contoh tersebut, umat Islam di Malaysia boleh mengambil iktibar dan merangka strategi sendiri bagaimana untuk memajukan ummah

⁷ *Wakaf, Perannya Dalam Masyarakat Islam Masa Kini*, Dr. Sulaim Hani Mansur.

⁸ *Peranan Wakaf Islam Dalam Pembangunan Dan Perkembangan Teknologi*, Ir. Abdul Latif Muhammad As-Sorikh.

melalui bantuan dana wakaf yang besar dan kukuh agar kita mampu berdikari tanpa mengharapkan bantuan subsidi dan ihsan pihak lain. Dengan pemerkasaan ekonomi umat Islam melalui wakaf, kita merasa optimis bahawa kedudukan ekonomi ummah dapat ditingkatkan hingga mencapai tahap yang boleh dibanggakan setanding dengan kaum-kaum lain bak kata pepatah "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi".

4d. Tadbir urus yang cekap dan profesional

YWM tidak akan bermakna sekiranya pengurusan yang mengendalikannya tidak mempunyai tenaga kerja yang profesional. Tadbir urus yang cekap dan sistematik adalah penentu kejayaan sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah menyediakan satu pasukan tenaga kerja yang bertanggungjawab dalam memajukan harta wakaf seperti JAWHAR dan MAIN yang boleh melaksanakan tadbir urus agensi tersebut dengan profesional. Mereka perlulah terdiri daripada kakitangan-kakitangan yang berintegriti, cekap dan berkualiti.⁹

Penubuhan JAWHAR dan YWM adalah sebagai usaha perintis dan *turning point* untuk kemajuan bidang wakaf yang dapat memberi manfaat kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Kita berharap suatu hari nanti sebuah Kementerian Wakaf Malaysia akan dapat diwujudkan oleh Kerajaan bagi merancang dan menyelaraskan kesemua pembangunan tanah-tanah wakaf di seluruh negeri. Penyelaras dan urus tadbir yang cekap akan dapat menambahkan hasil keuntungan aktiviti-aktiviti wakaf yang dijalankan. Ini kerana dana yang dapat dikumpulkan adalah lebih besar yang memungkinkan lebih banyak program untuk ummah dapat dilaksanakan dan lebih ramai pelajar Muslim yang dapat dibiayai dengan dana tersebut. Kita hendaklah menyedari bahawa perancangan pembangunan bidang wakaf ialah "*is a means, not an end*". Masih banyak lagi perkara dan kerja yang perlu diteliti dan dikemaskini untuk menjadikan kejayaan bidang wakaf khususnya dana untuk pendidikan ini menjadi realiti.

⁹ *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kamarudin Ngah.

PENUTUP

Amalan wakaf adalah merupakan amal jariah yang sangat di tuntut oleh Islam dan ia merupakan satu sistem yang beroperasi untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Islam dalam pelbagai bidang kehidupan. Adalah diharapkan pembiayaan pendidikan menerusi dana wakaf ini dapat direalisasikan dan dilaksanakan dengan komitmen dan sokongan yang padu daripada pihak-pihak yang berkenaan. Justeru, apabila ianya diaplikasikan dengan sempurna dan mantap, ia akan dapat memainkan peranan penting dengan membantu membiayai kewangan kepada pelajar-pelajar yang layak di sepanjang tempoh pengajian mereka. Di samping itu, pembiayaan pendidikan ini juga dapat mengurangkan masalah keciciran dan ketinggalan anak-anak bangsa yang tidak dapat meneruskan pengajian atas alasan kemiskinan. Faktor-faktor penentu kejayaan pelaksanaan wakaf untuk pendidikan ini adalah dengan adanya kesedaran masyarakat, keadaan demografi iaitu populasi penduduk Islam yang tinggi, kedudukan ekonomi yang mantap yang dimiliki oleh umat Islam dan tadbir urus yang cekap dan profesional.

RUJUKAN

- Ir. Abdul Latif Muhammad As-Sorikh, 2003, *Dawr Al-Waqf Al-Islami Fi Tanmiyyati Al-Qudurat At-Tiknolojiyyah (Peranan Wakaf Islam Dalam Pembangunan Dan Perkembangan Teknologi)*, Kuwait Awqaf Public Foundation.
- Dr. Sulaim Hani Mansur, 2004, *Al-Waqf Wa Dawruh Fi Al-Mujtama' Al-Islami Al- Mu'asir (Wakaf, Peranannya Dalam Masyarakat Islam Masa Kini)*, Muassasah Ar-Risalah Nasyirun, Beirut, Lubnan.
- Pembentangan Kertas Kerja "Sejarah dan Kemajuan Wakaf di Mesir", Dr. Ibrahim Ahmed Fares, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Kamarudin Ngah, 1993, *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Zakaria Haji Omar, 2002, *Hadis Ahkam*, Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur.
- <http://www.csric.or.id/artikel/?Kategori=27> Irfan Abu Bakar "Wakaf Alternatif". Telah dilayari pada 31 Januari 2008.
- http://ms.wikipedia.org/wiki/Demografi_Malaysia. Telah dilayari pada 29 Januari 2008.
- http://www.geocities.com/alazhar_mirc/negaraislam.htm Biodata Negara Islam. Telah dilayari pada 12 Februari 2008.

PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM PERSEKUTUAN (MAIWP)¹

Oleh:

Dr.Muhammad Yamin Ismail

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan pelaksanaan agihan zakat di Wilayah-Wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berperanan dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan agihan zakat di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Selain itu, usaha-usaha MAIWP untuk memperkasakan lagi agihan zakat juga turut dibincangkan. Dalam hal ini, MAIWP berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan jumlah agihan zakat dengan memperkenalkan pelbagai skim yang mencakupi segenap aspek keperluan masyarakat dan menyebarkan promosi agihan agar golongan yang layak memohon bantuan.

Perkataan Teras : Pengagihan Zakat di Wilayah Persekutuan, Memperkasakan Agihan Zakat, Perbelanjaan/Penggunaan Zakat.

Klasifikasi JEL : Z12; K10; C8; N90

PENDAHULUAN

Institusi zakat adalah satu mekanisma untuk menjamin keadilan sosio-ekonomi dalam masyarakat dan menyediakan suasana yang membolehkan masyarakat melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah SWT. Zakat telah ditetapkan oleh Allah dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan dalam masyarakat, membangunkan pertumbuhan ekonomi

¹ Kertas yang dibentangkan di Mesyuarat Penyelarasan Baitulmal Peringkat Kebangsaan pada 30 November 2007 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC) Putrajaya.

yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dan juga satu bentuk penyucian dan pembangunan spiritual.

LATARBELAKANG PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DAN BAITULMAL

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan melalui Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). **Seksyen 4(1)** menyatakan, “Maka hendaklah ada satu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan” untuk menasihati Yang Di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.” Manakala **seksyen 14(1)** Akta tersebut menyatakan bahawa Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan hendaklah menjadi Setiausaha Majlis. **SEKSYEN 14(2)** pula menyebut bahawa Setiausaha hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan pentadbir Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis.

Penubuhan Baitulmal MAIWP pula mengikut **seksyen 60(1)** yang memperuntukkan “suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang ini hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang”. Bagi memudahkan pengurusan Baitulmal khususnya dari segi perbelanjaan dan pengagihan, satu kaedah yang dikenali dengan **Kaedah-kaedah Baitulmal Wilayah Persekutuan (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980 (Pindaan) 1988 (Pindaan 1996)** telah dibuat.

AGIHAN ZAKAT DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA

Penyata Hasil dan Perbelanjaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sehingga 22 November 2007 adalah seperti berikut:

Perkara	Nov 06	Nov 07	Perbandingan %
<u>HASIL/TERIMAAN</u>			
Zakat	117,726,786.06	140,311,982.86	19.18%
Sumber Am	7,328,388.30	1,165,467.89	-84.10%
Wang Amanah	303,006.37	381,471.07	25.90%
Geran Kerajaan	7,781,133.84	1,193,648.76	-84.66%
Wakaf	17,986.52	10,785.07	-40.04%
Jumlah	133,157,301.18	143,063,355.65	7.44%
<u>PERBELANJAAN</u>			
Zakat	82,092,755.90	96,587,699.15	17.66%
Sumber Am	1,280,622.10	1,858,729.21	45.14%
Wang Amanah	288,564.01	947,590.20	228.38%
Geran Kerajaan	3,587,379.82	3,181,971.11	-11.30%
Wakaf	20,522.01	5,159.43	-74.86
Jumlah	87,269,843.84	102,581,149.10	17.54%
Lebihan/ Kurangan	45,887,457.34	40,482,206.55	-11.78%
Pemberian kepada MAIWP Labuan			
Zakat	7,285,180.00		
Sumber Am	70,686.92		
Jumlah	7,355,866.92		

* Laporan belum beraudit sehingga 22 November 2007.

Manakala Penyata Perbelanjaan Zakat mengikut asnaf bermula 1 Januari 2007 hingga 22 November 2007 adalah seperti berikut:

Bil	Butiran	Jumlah
1.	Fakir	14,161,271.22
2.	Miskin	14,887,920.90
3.	Amil	10,345,304.11
4.	Muallaf	3,112,588.75
5.	Al-Riqab	-
6.	Al-Gharimin	1,100,270.40
7.	Ibnu Sabil	263,600.80
8.	Fisabilillah	36,432,461.32
9.	Harta modal	1,928,891.00
10.	Projek	2,580,428.22
11.	Bayaran Pinjaman LTH (keuntungan)	6,752,709.52
12.	Perbelanjaan MAIWP Labuan	5,022,252.91
	Jumlah	96,587,699.15

Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berperanan dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan agihan zakat di Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sebelum ini agihan zakat dilakukan melalui **17 skim bantuan zakat**. Pada tahun 2005, sebanyak **9 skim tambahan** telah diwujudkan menjadikan skim bantuan zakat di Baitulmal MAIWP kesemuanya berjumlah **26 skim**. Bantuan ini disalurkan kepada pemohon-pemohon melalui kaunter di Bahagian Baitulmal MAIWP beralamat di Bangunan Daruzzakah, Lorong Haji Hussein, Kuala Lumpur. Skim-skim berkenaan ialah:

- 1) Bantuan Kewangan Bulanan
- 2) Bantuan Persekolahan
- 3) Bantuan Perniagaan
- 4) Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
- 5) Bantuan Membina/Membaiki Rumah Dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
- 6) Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri (Ibnu-Sabil)

- 7) Bantuan Wang Segera
- 8) Bantuan Al-Riqab
- 9) Bantuan Am Pelajaran
- 10) Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB)
- 11) Bantuan Perkahwinan
- 12) Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan
- 13) Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)
- 14) Bantuan Musibah & Agensi Pendidikan
- 15) Biasiswa Baitulmal / Insentif Khas Pelajar Cemerlang
- 16) Bantuan Peralatan Dan Kecemasan Persekolahan
- 17) Bantuan Tuisyen
- 18) Bantuan Perubatan
- 19) Bantuan Kepada Agensi-Agenzi Kebajikan
- 20) Bantuan Ramadhan
- 21) Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran
- 22) Bantuan Pertanian
- 23) Bantuan Deposit Van / Bas Sekolah
- 24) Bantuan Deposit Membeli Motorsikal Roda Tiga Untuk OKU
- 25) Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI
- 26) Bantuan Guaman Syarie

Baitulmal juga mempunyai 2 Jawatankuasa yang berperanan untuk meneliti dan meluluskan agihan zakat. Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan ialah **Jawatankuasa Baitulmal (JKB)** yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan **Jawatankuasa Agihan Baitulmal (JKA)** yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

USAHA-USAHA MAIWP UNTUK MEMPERKASAKAN AGIHAN ZAKAT

Para pembayar zakat akan merasa yakin terhadap institusi zakat apabila mereka dapat melihat dan mengetahui ke manakah wang zakat mereka diagihkan. Dengan kata lain, untuk meningkatkan kutipan, agihan perlulah jelas dan diyakini. Dalam meningkatkan prestasi agihan zakat setiap tahun, MAIWP telah menjalankan usaha-usaha berikut:

(a) Majlis Agihan Zakat Bagi Menyebarluaskan Promosi Agihan

Pihak Baitulmal MAIWP telah mengadakan majlis-majlis agihan zakat bagi mempromosi bentuk-bentuk agihan zakat kepada para asnaf. Sebagai contoh, bantuan pendidikan berbentuk biasiswa untuk para pelajar universiti, bantuan zakat kepada pelajar yang cemerlang, bantuan bulanan kepada golongan fakir dan miskin, bantuan kepada badan-badan bukan kerajaan dan sebagainya. Promosi ini bertujuan menyebarluaskan maklumat agar mereka yang layak boleh memohon dan dalam masa yang sama diharap dapat meningkatkan keberkesanan program agihan tersebut.

(b) Mengkaji semula bentuk dan jumlah agihan zakat yang diberi

Setiap 5 tahun MAIWP akan mengkaji skim-skim bantuan sedia ada dengan mengambil kira had kifayah dan taraf kehidupan yang semakin meningkat. Dalam kajian ini, skim-skim yang sedia ada akan disemak semula dan kemungkinan akan diwujudkan skim-skim agihan yang baru bersesuaian dengan keperluan semasa.

(c) Penubuhan Pusat Agihan Zakat (PAZA)

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengumumkan bahawa MAIWP akan menubuhkan Pusat Agihan Zakat (PAZA) bagi memudah dan melancarkan lagi agihan dari semua hasil zakat dan Baitulmal untuk disalurkan sepenuhnya kepada golongan sasaran. Ia bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan dan membangun serta memajukan taraf hidup mereka. Menurut Yang Berhormat Menteri, jika zakat di Wilayah Persekutuan boleh dikutip oleh sebuah badan khas (Pusat Pungutan Zakat), maka agihan dari hasil kutipan yang dikumpul itu juga perlu dikendalikan oleh sebuah agensi khas yang lain pula. Melalui PAZA ini juga akan menjadi satu aktiviti promosi

kepada MAIWP di mana masyarakat akan dapat melihat bagaimana wang zakat diagihkan dan seterusnya mengekalkan kesetiaan pembayar-pembayar zakat untuk mereka terus membayar zakat kepada MAIWP (PPZ) setiap tahun. Sehubungan itu satu Pasukan Petugas (Task Force) telah ditubuhkan bagi membuat kajian tentang konsep dan modus operandi PAZA dan kajian berkenaan akan dibentangkan dalam Mesyuarat MAIWP.

(d) Projek-projek Agihan Zakat

MAIWP telah mewujudkan anak-anak syarikat yang memberikan perkhidmatan dan latihan kepada mereka yang berhak menerima bantuan zakat. Pada setiap tahun MAIWP telah menyalurkan bantuan wang zakat kepada anak-anak syarikat dan institusi latihan iaitu Hospital PUSRAWI, Hotel Putra, Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Institut Profesional Baitulmal (IPB), Kolej Kejururawatan PUSRAWI (Anggun Mulia), Darul Saadah, Darul Kifayah dan Darul Hanan. Institusi-institusi ini memainkan peranan penting di dalam melahirkan modal insan bagi membangunkan negara ini.

PENUTUP

Zakat sekiranya diagihkan dengan berkesan bukan sahaja akan meningkatkan aspek kerohanian masyarakat, ia juga akan meningkatkan tahap sosio ekonomi ummah. Dalam hal ini MAIWP berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan jumlah agihan zakat dengan memperkenalkan pelbagai skim yang mencakupi segenap aspek keperluan masyarakat dan menyebarluaskan promosi agihan agar golongan yang layak boleh memohon. Adalah menjadi harapan agar segala usaha MAIWP dalam memperkasakan agihan zakat di Wilayah Persekutuan ini dapat menjadi pemangkin ke arah perkembangan institusi zakat di Malaysia demi meningkatkan martabat ummah.

RUJUKAN

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan),
1993, Akta 505.

Dr. Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

AMALAN 'CORPORATE GOVERNANCE' DALAM PENGURUSAN INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

Oleh:

Shawal Kaslam¹

Prof. Madya Dr. Hasan Bahrom*

ABSTRAK

Konsep 'corporate governance' semakin menjadi perhatian pelbagai pihak terutamanya di kalangan penguasa negara dan profesional pengurusan. Konsep ini menekankan pentingnya peranan dan tanggungjawab pengurusan untuk melaksanakan amalan pengurusan yang terbaik bagi menjamin integriti dan keyakinan masyarakat dapat ditingkatkan. Berdasarkan konsep ini, peranan dan tanggungjawab utama pengurusan ialah melaksanakan ciri-ciri pengurusan yang telus, bertanggungjawab, amanah dan profesional supaya matlamat organisasi dapat dicapai dan kepentingan pihak-pihak yang tertentu dapat dipenuhi. Kertas ini membentangkan secara ringkas hasil tinjauan awal terhadap amalan 'corporate governance' beberapa pengurusan institusi zakat di Malaysia. Tujuan utama tinjauan ini ialah untuk mengenalpasti sejauhmanakah prinsip-prinsip 'good governance' menjadi teras dan amalan pengurusan. Tinjauan dibuat berdasarkan maklumat-maklumat asas yang diperolehi melalui laman web beberapa institusi zakat, hasil lawatan dan temubual dengan pegawai pengurusan institusi zakat yang pernah dilawati oleh penulis.

Perkataan Teras : 'Corporate Governance', Integriti, Zakat

Klasifikasi JEL : G 30, H83, Z12

PENGENALAN

Matlamat utama pengurusan sesebuah institusi ialah untuk memastikan pencapaian visi, misi dan objektif yang telah digariskan oleh institusi. Matlamat seterusnya ialah untuk memastikan kepentingan pemilik (*owners*) dan pihak-pihak lain yang berkepentingan (*stakeholders*)

¹ Pensyarah Kanan Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi/ Felo Institut Kajian Zakat Malaysia

* Pensyarah Kanan CITU/Felo Institut Kajian Zakat Malaysia (IkaZ) Universiti Teknologi MARA.

dapat dipenuhi. Untuk mencapai matlamat ini, pihak pengurusan yang telah diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan institusi berkenaan mestilah mengamalkan prinsip-prinsip ‘Good Governance’ dan amalan pengurusan yang terbaik (*Best Management Practices*). Prinsip ini amat penting untuk memastikan tahap etika yang tinggi dalam amalan pengurusan institusi. Berdasarkan kepada prinsip ini pengurusan bukan sahaja tertakluk kepada undang-undang dan peraturan dalam menjalankan urusniaga dan pengurusan institusi, bahkan mereka mestilah melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan secara profesional, cekap, amanah dan dengan penuh bertanggungjawab (*with full accountability*) selaras dengan dasar dan kepentingan yang telah ditetapkan oleh institusi berkenaan (Brendan, 1999). Pihak pengurusan mestilah mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan yang menjamin pelaksanaan berkesan terhadap dasar-dasar dan matlamat institusi.

Konsep tadbir urus atau ‘*governance*’ adalah satu aspek asas yang amat perlu diamalkan untuk memastikan pencapaian urusniaga organisasi. Dalam sektor swasta, konsep ‘*governance*’ menekankan kepada tanggungjawab pihak Lembaga Pengarah, sistem kawalan dalaman dan peranan audit untuk memastikan urusniaga institusi dapat dilaksanakan dengan jayanya dan kepentingan pemilik dan pihak-pihak lain dapat dipenuhi. Dalam sektor awam, konsep ‘*governance*’ menjadi teras bagi institusi awam untuk menjamin akauntabiliti awam dan membina integriti dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi berkenaan selaras dengan kehendak dan harapan masyarakat awam serta kepentingan negara (Tony, 2003).

Kertas ini membentangkan hasil tinjauan awal terhadap amalan prinsip-prinsip ‘*governance*’ dalam pengurusan institusi zakat di beberapa buah negeri terpilih di Malaysia. Objektif utama pembentangan ini ialah untuk mengenalpasti sejauhmanakah konsep ‘*corporate governance*’ menjadi teras dalam amalan pengurusan zakat dan menganalisa keberkesanannya pelaksanaan prinsip-prinsip ini untuk mencapai matlamat ‘*good governance*’ dalam pengurusan institusi zakat di Malaysia.

SKOP DAN KAEADAH KAJIAN

Skop kajian ini ialah kepada beberapa aspek asas pengurusan yang diamalkan oleh beberapa institusi zakat. Tinjauan utama ialah kepada beberapa prinsip asas amalan ‘*corporate governance*’ seperti struktur pengurusan, kepimpinan, ketelusan, akauntabiliti pengurusan kewangan, dan penyertaan pihak-pihak yang tertentu dalam menentukan perjalanan pengurusan institusi zakat. Bagi setiap aspek ini, maklumat dikumpul

dan dianalisa berdasarkan analisa kandungan (*content analysis*). Kaedah pengumpulan maklumat ialah tinjauan terhadap maklumat yang terkandung dalam laman web institusi yang berkenaan dan dokumen-dokumen yang diterbitkan oleh beberapa institusi zakat. Penyelidik telah berkesempatan untuk menemubual pegawai pengurusan zakat hasil daripada beberapa lawatan yang telah dijalankan.

ULASAN KARYA

Pengurusan Institusi Zakat Di Malaysia

Pengurusan institusi zakat di Malaysia telah banyak mengalami perubahan sejak Kerajaan melaksanakan dasar '*Islamization*' yang menyeluruh sekitar tahun 1980an. Institusi zakat telah dikenalpasti sebagai antara institusi awam yang perlu diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan bagi melaksanakan syariat Islam yang syumul. Zakat telah dikenalpasti sebagai satu syariat Islam yang perlu ditadbirkan dengan sempurna malah ia menjadi satu tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan bagi menjaga kepentingan ummah Islam. Hasil kutipan zakat telah dikenalpasti sebagai sumber dana yang boleh di gunakan untuk menyelesaikan permasalahan ummah Islam, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi ummah. Penstrukturuan semula institusi zakat dan penubuhan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) telah menjadi strategi utama untuk mencapai hasrat ini. Kesan utama daripada strategi ini ialah hasil kutipan zakat telah meningkat, bermula sekitar akhir tahun 1990an hingga sekarang (*lampiran 1*). Tidak dinafikan bahawa peningkatan ini adalah hasil daripada pengenalan strategi pengurusan yang lebih profesional. Hasil daripada perubahan ini, Kerajaan sering mengharapkan agar institusi-institusi zakat mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan yang lebih telus, bertanggungjawab, amanah dan profesional bagi menjamin integriti dan keyakinan awam terhadap institusi zakat terutamanya di kalangan pembayar dan penerima dana zakat sebagai pihak utama yang berkepentingan. Institusi zakat bukan sahaja berperanan untuk memastikan penyempurnaan syariat Islam, bahkan juga berperanan sebagai satu institusi sosial yang amat berpotensi untuk menjana pembangunan ekonomi ummah. Peranan ini memerlukan kepada pendekatan pengurusan institusi zakat yang lebih '*competence*' dan berdaya maju. Untuk mencapai matlamat ini, pengurusan institusi zakat perlu mengamalkan prinsip-prinsip '*good governance*' atau amalan pengurusan terbaik.

Konsep Tadbir Urus atau ‘Governance’ Dalam Pengurusan

Tadbir urus atau ‘governance’ merupakan satu konsep yang semakin mendapat perhatian dan diperbahaskan secara profesional oleh sarjana pengurusan dan pentadbiran negara. Ia merupakan amalan pengurusan yang telah dipraktikkan secara meluas terutama dalam sektor swasta. Dalam amalan pengurusan, konsep ini dipraktikkan pada asasnya ialah untuk memenuhi keperluan undang-undang dan memastikan kehendak *stakeholders* organisasi dapat dipenuhi. The Webster’s Third New International Dictionary (1986) mentakrifkan konsep ‘governance’ sebagai “*the act or process of governing, specifically authoritative direction and control*”. UNDP (1997) mentakrifkan “*governance is the exercise of political, economic and administrative authority to manage a nation’s affairs*”. Isabelle, J. (1997) menghuraikan konsep ini sebagai “*the institutions, processes and traditions which determine how power is exercised, how decisions are taken and how citizens have their say*”. Pada dasarnya, ia adalah satu konsep yang berkaitan dengan proses mengurus, membuat keputusan dan kawalan aktiviti tadbir urus sesebuah institusi atau perbadanan.

Konsep ‘governance’ bukan hanya menekankan kepada elemen-elemen asas dalam pengurusan bahkan juga menggabungkan prinsip-prinsip bagaimana keberkesanan sesebuah organisasi dalam merangka dan melaksanakan dasar, terutamanya dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Melalui konsep ini, pihak pengurusan organisasi yang diberi amanah dan tanggungjawab tertentu perlu melaksanakan peranan dan tugas dengan penuh integriti, bertanggungjawab, telus, konsisten dan efisien.

Dengan adanya amalan konsep ini, matlamat organisasi akan dapat dicapai dan kepentingan pihak-pihak yang berkenaan dapat dipenuhi. Konsep *governance* ialah satu amalan pengurusan yang berteraskan kepada tiga asas iaitu akauntabiliti, integriti dan ketelusan. Berdasarkan konsep ini, pengurusan sesebuah organisasi tertakluk kepada amalan pengurusan yang menunjukkan komitmen, azam dan kesungguhan yang amat tinggi, dan menjamin bahawa matlamat serta kepentingan pihak-pihak yang berkenaan dapat dicapai. Dan untuk merealisasikan konsep ini, prinsip-prinsip ‘*good governance*’ mesti diterapkan dalam setiap pelaksanaan operasinya.

Prinsip Asas ‘Good Governance’

‘*Good governance*’ ialah konsep yang perlu dipraktikkan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Konsep ini menggariskan bahawa

pelaksanaan kuasa mestilah “*effective, honest, equitable, transparent and accountable*”. Bank Dunia telah mentakrifkan:

“Good governance is epitomized by predictable, open and enlightened policy-making, a bureaucracy imbued with a professional ethos acting in furtherance of the public good, the rule of law, transparent process, and a strong civil society participating in public affairs. Poor governance (on the other hand) is characterized by arbitrary policy making, unaccountable bureaucracies, unenforced or unjust legal systems, the abuse of executive power, a civil society unengaged in public life, and widespread corruption”.

Bagi merealisasikan konsep ‘good governance’, beberapa prinsip perlu dipatuhi sebagai asas dan garis panduan dalam menjalankan pengurusan organisasi. The Commonwealth Association for Corporate Governance (1999) telah menggariskan prinsip-prinsip berikut:

- Lembaga pengurusan mestilah mengamalkan prinsip kepimpinan yang terbaik dan sentiasa mengambil ‘*good judgement*’ dalam membuat keputusan untuk mengarahkan institusi mencapai kejayaan yang berterusan dan bertindak dengan cara yang terbaik dalam memastikan kepentingan pihak-pihak yang tertentu dapat dicapai.
- Pihak pengurusan mestilah telus dan sentiasa bersedia menerima teguran.
- Pihak yang berkepentingan diberikan ruang penyertaan untuk menentukan keputusan tertentu dan diberi hak untuk mendapatkan maklumat mengenai institusi secara berterusan.
- Sistem audit yang diyakini dan bebas mestilah dilaksanakan untuk melihat sejauhmanakah pelaksanaan kuasa yang telah diberikan.
- Hak dan kepentingan pihak-pihak tertentu mengikut undang-undang dan perjanjian mestilah dilindungi dan pihak yang berkepentingan mempunyai hak untuk mendapatkan penjelasan terhadap sebarang ketidakpuasan mereka.
- Pengurusan mestilah melaporkan (*disclose*) apa-apa maklumat yang berkaitan dengan institusi secara tepat mengikut masa dan keadaan yang sesuai untuk kepentingan ‘*stakeholders*’.


Berdasarkan kepada konsep ‘*good governance*’, sesebuah organisasi perlu melaksanakan prinsip-prinsip ini sebagai amalan pengurusannya. Amalan prinsip-prinsip ini, khususnya dalam pengurusan awam

sebenarnya bertujuan untuk menggalakkan *transparency, predictability and competence* dalam menjalankan urusan awam. Dan amalan prinsip-prinsip ini akan dapat memberi jaminan kepada masyarakat terhadap kewibawaan kepimpinan institusi. Untuk mencapai tahap tadbir urus yang tinggi, beberapa ciri '*good governance*' perlu diterapkan dalam pengurusan.

Ciri-ciri '*Good Governance*' Dalam Pengurusan

Dalam mengamalkan prinsip '*good governance*' terdapat 8 ciri utama yang perlu diterapkan. Ciri-ciri tersebut ialah *participatory, consensus oriented, accountable, transparent, responsive, effective and efficient, equitable and inclusive, and follows the rule of law* (Rajah 1).

Rajah 1: Ciri-Ciri '*Good Governance*'



Rajah di atas menunjukkan bahawa amalan '*good governance*' hanya akan dapat direalisasikan sekiranya ciri-ciri ini berjaya diterapkan dalam semua keputusan dan tindakan yang dilaksanakan oleh pengurusan organisasi. Pengurusan organisasi perlu melibatkan penyertaan setiap pihak dalam membuat keputusan. Tindakan yang hendak dilaksanakan mestilah telus berdasarkan undang-undang dan peraturan. Maklumat mengenai institusi boleh diperolehi dan pihak-pihak yang berkepentingan boleh mendapatkan maklumat tersebut. Keputusan dan tindakan yang dilaksanakan mestilah cekap dan berkesan, dan memenuhi keperluan masyarakat. Dan akhir sekali, institusi adalah sentiasa dipertanggungjawabkan kepada masyarakat dan pihak

yang berkepentingan terhadap organisasi berkenaan. Prinsip 'good governance' tidak akan tercapai tanpa ketelusan dan mengikuti prinsip undang-undang yang tidak memihak kepada mana-mana pihak dan sentiasa melindungi hak mereka.

HASIL TINJAUAN MENGENAI AMALAN 'CORPORATE GOVERNANCE' DALAM PENGURUSAN INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

Tinjauan ini berdasarkan kepada beberapa maklumat pengurusan yang diperolehi daripada sumber laman web beberapa institusi zakat di Malaysia. Antara prinsip-prinsip pengurusan utama yang dikenalpasti untuk menilai sejauhmanakah amalan 'corporate governance' ialah struktur pentadbiran zakat, kepimpinan dalam pengurusan zakat, ketelusan, akauntabiliti dalam pengurusan kewangan zakat dan penyertaan pihak berkepentingan. Kaedah tinjauan ini ialah dengan menumpukan kepada beberapa institusi zakat yang terpilih sebagai sampel mudah.

Prinsip 1: Struktur Pentadbiran Zakat Di Malaysia

Pentadbiran zakat di Malaysia adalah berdasarkan kepada peruntukan Perlembagan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan Agama Islam (Peruntukan 74, Jadual Ke-9). Melalui peruntukan ini, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan dengan zakat dan lain-lain yang berkaitan dengan pentadbiran Agama Islam. Melalui kuasa ini keseluruhan Kerajaan Negeri di Malaysia mempunyai Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk melaksanakan hukum zakat. Misalnya, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) Tahun 1959 memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Pentadbiran zakat dibahagikan kepada dua iaitu kutipan dan agihan yang terletak di bawah pengawasan langsung MAIM. Namun, sejak tahun 1990an pengenalan sistem kutipan zakat secara profesional telah banyak mengubah sistem pentadbiran zakat di Malaysia. Penubuhan Pusat Pungutan/Kutipan Zakat (PPZ) merupakan agenda pengurusan yang membahagikan dua struktur pentadbiran zakat yang berlainan. Misalnya, di Negeri Melaka pengurusan kutipan zakat diurus oleh Pusat Zakat Melaka (PZM) dan pentadbiran agihan masih kekal diletakkan di bawah pengawasan *BaitulMal MAIM*. Begitu juga di Wilayah Persekutuan, kutipan dibawah Pusat Zakat Wilayah dan agihan di bawah Jawatankuasa Agihan Baitumal Wilayah. Di Negeri Selangor, Peraturan Pentadbiran Undang-Undang Islam (Zakat dan Fitrah) Pindaan

1955 memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk mengutip dan mengagihkan hasil zakat. Pada tahun 1994, Pusat Zakat Selangor (PZS) ditubuhkan diberi kuasa untuk mengutip zakat. Pada tahun 1998, agihan zakat telah diserapkan menjadi satu entiti perbadanan. Tahun 2006 struktur pentadbiran PZS dinaiktaraf sebagai Lembaga Zakat Selangor (LZS). Sebahagian Pusat Zakat bertanggungjawab untuk mengutip dan mengagihkan dana zakat, seperti Johor, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu, Kelantan dan Perlis di mana kedua sektor pentadbiran kutipan dan agihan diletakkan di bawah Pusat Zakat yang terletak di bawah pengawasan *BaitulMal* Majlis Agama Islam Negeri. Di Negeri Kedah Jabatan Zakat Negeri Kedah diberi kuasa mentadbir urusan kutipan dan agihan yang diletakkan di bawah pengawasan secara langsung KDYM Sultan Kedah.

Sehingga kini, struktur pentadbiran zakat di Malaysia berbeza antara negeri-negeri. Di beberapa buah negeri kutipan dan agihan ditadbir oleh entiti yang berbeza. Walau bagaimanapun, Majlis dan baitumal negeri masih memainkan peranan penting dalam pentadbiran zakat.

Prinsip 2: Kepimpinan Pengurusan Institusi Zakat

Kepimpinan pengurusan merupakan aspek penting dalam menentukan keberkesanan pengurusan institusi zakat. Kepimpinan memainkan peranan penting untuk menentukan dasar dan hala tuju operasi institusi zakat. Kepimpinan pengurusan bertindak sebagai badan pengurusan yang membuat keputusan dan memastikan dasar-dasar yang telah diputuskan dilaksanakan dengan berkesan oleh pengurusan institusi zakat. Hasil tinjauan mendapati keseluruhan institusi zakat di Malaysia diawasi oleh satu badan pentadbir yang dilantik secara langsung di bawah Majlis Agama Islam Negeri yang dilantik dan ahli-ahli terdiri daripada beberapa kalangan orang yang tertentu termasuk ahli profesional. Misalnya, di Negeri Pahang Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bertindak sebagai Lembaga Pengarah MUIP dan institusi zakat. Di Negeri Kedah, Jabatan Zakat Negeri Kedah diawasi oleh satu Lembaga Pengurus yang dilantik oleh Sultan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Jabatan Zakat Kedah. Di Wilayah Persekutuan, PZ Wilayah yang bertanggungjawab mengenai kutipan di awasi oleh Lemabaga Pengarah yang dilantik khas. Sementara bahagian agihan diletakkan di bawah pengawasan Ahli Majlis JAWI. Pada keseluruhannya, terdapat perbezaan yang nyata mengenai kepimpinan pengurusan zakat antara negeri-negeri di Malaysia. Pengurusan kutipan dan agihan zakat diawasi oleh Lembaga Pengarah yang berbeza.

Prinsip 3: Ketelusan Institusi Zakat

Prinsip ketelusan dalam '*corporate governance*' menjelaskan bahawa sesebuah institusi mestilah sedia mendedahkan dengan tepat maklumat yang berkaitan dengan urusniaga institusi. Maklumat ini disebarluaskan dan boleh diperolehi melalui media atau dilaporkan dalam laporan resmi institusi berkenaan. Mana-mana pihak yang berkepentingan boleh mendapatkan maklumat secara tepat. Dalam pengurusan institusi zakat, ketelusan merupakan aspek penting untuk memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap kewibawaan dan integriti institusi zakat. Pada keseluruhannya, terdapat amalan prinsip ketelusan dalam pengurusan zakat di Malaysia. Hasil tinjauan mendapati setiap negeri melaporkan hasil kutipan dan agihan zakat samada melalui media cetak atau dalam laman web yang disediakan. Misalnya PZ Selangor melaporkan aktiviti zakat melalui laman web PZ Selangor (<http://www.e-zakat.com.my/>). PZ Pahang melaporkan aktiviti zakat melalui laman web (<http://www.zakatpahang.com.my/>). PPZ Wilayah melalui laman web (<http://www.zakat.com.my/>). Pelbagai maklumat dimasukkan terutama mengenai sistem dan prestasi kutipan dan agihan zakat. Kebanyakan Pusat Zakat juga menerbitkan buletin zakat untuk diedarkan kepada orang ramai terutama bagi tujuan promosi. Keseluruhan Pusat Zakat telah mempunyai kaunter zakat bagi melayan orang ramai untuk berurusan mengenai zakat.

Prinsip 4: Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Zakat

Prinsip akauntabiliti dalam amalan pengurusan kewangan menjadi aspek penting dalam '*corporate governance*'. Prinsip ini boleh digunakan bagi mengukur tahap profesionalisme, kecekapan dan prestasi pengurusan. Prinsip ini juga boleh menentukan keyakinan pihak luar terhadap kewibawaan institusi. Dalam pengurusan institusi zakat, amalan pengurusan kewangan menjadi pengukur penting dalam menentukan pencapaian institusi zakat. Tinjauan ini mendapati secara keseluruhan institusi zakat di Malaysia mengamalkan prinsip perakaunan kewangan yang selaras dengan prinsip perakaunan institusi awam. Hasil tinjauan mendapati keseluruhan Pusat Zakat mempunyai kakitangan yang bertanggungjawab untuk menguruskan akaun kewangan zakat. Misalnya di Negeri Kedah, Jabatan Zakat Kedah melantik seorang akauntan yang bertanggungjawab mengenai perakaunan zakat. Di Pahang, PZ Pahang melantik dua orang Penolong Pegawai Akaun. Di Wilayah Persekutuan, PZ Wilayah melantik seorang Pengurus Pentadbiran dan Kewangan dan seorang Akauntan untuk mengurus hal-hal kewangan. Maklumat daripada laman web Pusat Zakat, kebanyakan Pusat Zakat melaporkan hasil kutipan dan agihan zakat untuk maklumat orang ramai. Hasil tinjauan

juga mendapati Pusat Zakat melaksanakan pengurusan kewangan untuk dilaporkan kepada Ahli Majlis Agama Islam Negeri dan seterusnya kepada pihak berkuasa negeri. Akauntabiliti Pusat Zakat ialah kepada Majlis Agama Islam dan Kerajaan Negeri.

Prinsip 5: Penyertaan Pihak Berkepentingan Dalam Pengurusan Zakat

Penyertaan pihak terutama dalam menentukan urusniaga institusi merupakan antara prinsip dan mekanisme penting dalam '*corporate governance*'. Prinsip ini menjelaskan bahawa pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) mempunyai hak untuk terlibat dalam menentukan dasar dan keputusan yang akan diambil. Dalam pengurusan zakat, pihak yang berkepentingan terdiri daripada pemerintah, pembayar zakat, penerima zakat dan orang ramai. Hasil tinjauan ini mendapati prinsip ini masih belum diamalkan secara meluas. Ruang penyertaan pihak-pihak yang berkepentingan dalam menentukan dasar dan keputusan masih terhad. Walau bagaimanapun, Pusat Zakat menyediakan ruang kepada orang ramai untuk mengemukakan pandangan melalui saluran terus yang disediakan oleh Pusat Zakat melalui *e-mail*, ruang soal jawab zakat, seminar zakat dan peti cadangan. Orang ramai juga boleh menyalurkan sebarang pandangan melalui saluran tidak rasmi, misalnya melalui wakil-wakil rakyat yang dipilih. Penyertaan secara rasmi masih belum dipraktikkan secara meluas sebagai mana dalam sektor swasta di mana pihak-pihak yang berkepentingan mempunyai hak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

KESIMPULAN

1. Terdapat amalan '*corporate governance*' dalam pengurusan zakat berdasarkan kepada beberapa prinsip asas yang telah dilaksanakan.
2. Amalan '*corporate governance*' dalam pengurusan institusi zakat suatu amalan yang bersifat tidak wajib kerana tiada undang-undang khusus yang menguatkuasakan peraturan dan amalan '*governance*' dalam pengurusan zakat sebagaimana yang dipraktikkan dalam sektor swasta.
3. Beberapa prinsip '*corporate governance*' masih kurang diamalkan terutama aspek penglibatan pihak-pihak tertentu secara rasmi dalam menentukan pelaksanaan dasar zakat.
4. Penggunaan teknologi maklumat (ICT) boleh meningkatkan tahap amalan '*corporate governance*' dalam pengurusan zakat. Walau bagaimanapun, peluang untuk menggunakan kemudahan teknologi

ini masih terhad. Tidak semua golongan masyarakat terutama penduduk luar bandar dan golongan yang berpendapatan rendah khusususnya golongan fakir miskin yang boleh menggunakan kemudahan ini. Penggunaan media secara menyeluruh perlu diperluaskan.

5. Institusi zakat semakin menuju ke arah '*performance oriented*' dan institusi zakat perlu melaksanakan '*performance evaluation indicator*' untuk mencapai matlamat '*corporate governance*' yang sempurna bukan sahaja untuk menyempurnakan amanah dan tanggungjawab agama (*religious obligation*), bahkan juga sebagai satu tanggungjawab sosial (*social obligation*) terutama untuk membangunkan ummah Islam.


Secara amnya, konsep '*corporate governance*' dipraktikkan oleh institusi zakat di Malaysia terutamanya institusi zakat yang telah diperbadankan sebagai satu entiti korporat. Namun begitu, usaha yang lebih gigih perlu dijalankan oleh pengelola-pengelola zakat di Malaysia untuk mengamalkan konsep '*governance*' yang lebih komprehensif. Institusi zakat di Malaysia perlu mengekalkan kewibawaannya sebagai institusi agama yang profesional.

RUJUKAN

- Brendan, B.C. ,1999, *Corporate Governance in the Public Sector*, 4th Annual Public Sector Conference, Brisbane.
- Carino L. V. *The Concept of Governance*. National College of Public Administration and Governance, University of the Philippines.
- Isabelle, J. ,1997, *Redefining the Concept of Governance*. Canadian International Development Agency.
- Tony, W. ,2003, *Achieving Best Practice Corporate Governance in the Public Sector*, Chartered Secretaries Australia's Public Sector Governance Forum, New South Wales.
- UNDP, 1997, *Reconceptualising Governance*. Discussion paper 2. New York.
- OECD, 1999, Principles of Corporate Governance. <http://www.oecd.org/daf/governance/principles.htm>. telah dilayari pada 11 Disember 2007.
- Pusat Pungutan Zakat Selangor <http://www.e-zakat.com.my/baru/> telah dilayari pada 13 Disember 2007.
- Pusat Zakat Pahang <http://www.zakatpahang.com.my/> telah dilayari pada 13 Disember 2007.
- Pusat Zakat Melaka <http://pzm.mmu.edu.my/> telah dilayari pada 13 Disember 2007.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan <http://www.zakat.com.my/> telah dilayari pada 13 Disember 200.
- Trairatvorakul, P. ,1999, Challenges of Good Governance: Accountability and Rule of Law. <http://wb-cu.car.chula.ac.th/papers/corpgov/cg072.htm>. telah dilayari pada 11 Disember 2007.
- Understanding the Concept Governance <http://www.gdrc.org/ugov/governance.understand.html>. telah dilayari pada 10 Disember 2007.
- What is Good Governance. <http://www.unescap.org/huset/gg/governance.htm>. telah dilayari pada 10 Disember 2007.

Lampiran 1
STATISTIK KUTIPAN ZAKAT DI MALAYSIA TAHUN 2001 - 2006

NEGERI	2001		2002		2003		2004		2005		2006	
	(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%	(RM)	%
Persekutuan	72,886,035.71	22.8	84,533,227	22.6	96,380,801.25	23.6	110,631,584.04	23	130,141,209.97	22.7	147,587,898.48	22.0
Selangor	61,432,750.66	19.2	78,724,128	21.1	86,200,315.23	21.1	108,826,547.05	23	133,121,829.00	23.2	159,836,252.79	23.8
Johor	31,432,921.95	9.8	29,735,777	8.0	33,959,015.68	8.3	38,052,802.64	8	49,357,154.03	8.6	54,732,942.45	8.2
Terengganu	28,247,343.21	8.8	32,982,990	8.8	40,058,735.20	9.8	36,147,739.28	7.6	40,365,590.96	7.0	46,795,544.61	7.0
Perak	20,468,412.04	6.4	20,803,536	5.6	21,698,518.02	5.3	25,724,715.39	5.4	27,543,535.48	4.8	33,848,479.38	5.0
Pulau Pinang	17,550,949.00	5.5	20,101,578	5.4	21,317,975.00	5.2	23,288,019.00	4.9	28,000,426.00	4.9	30,589,545.62	4.6
Paahang	16,625,473.84	5.2	18,379,997	4.9	20,616,368.04	5.0	22,917,724.25	4.8	31,032,233.57	5.4	31,721,733.59	4.7
Kelantan	16,582,718.19	5.2	16,877,786	4.5	18,140,371.63	4.4	22,440,931.30	4.7	29,372,551.46	5.1	35,641,537.75	5.3
Negeri Sembilan	13,230,123.80	4.1	15,019,051	4.0	16,520,810.59	4.0	19,037,286.24	4	23,098,180.81	4.0	25,821,205.04	3.8
Kedah	12,487,629.33	3.9	18,275,109	4.9	18,559,387.21	4.5	22,205,222.54	4.7	30,185,661.45	5.3	35,227,089.74	5.2
Malaka	12,034,520.43	3.8	12,342,303	3.3	13,037,830.48	3.2	14,238,492.58	3	17,692,093.97	3.1	19,454,653.26	2.9
Sarawak	8,318,162.67	2.6	13,808,155	3.7	10,264,513.31	2.5	15,566,982.51	3.3	15,299,300.04	2.7	20,548,322.81	3.1
Sabah	5,331,116.09	1.7	6,183,540	1.7	5,102,537.00	1.2	7,784,937.74	1.6	11,314,073.92	2.0	16,648,793.71	2.5
Perlis	3,720,504.09	1.2	6,157,050	1.6	6,573,224.92	1.6	6,406,109.00	1.4	6,564,465.08	1.1	12,641,889.66	1.9
Jumlah	320,348,661.01	100.0	373,924,167	100.0	408,430,403.56	100.0	473,269,093	100	573,088,305.74	100.0	671,095,888.89	100.0



Sumber: PPZ Wilayah Persekutuan


Lampiran 2
JUMLAH KUTIPAN SUMBER-SUMBER UTAMA ZAKAT\ZAKAT MAL\FITRAH TAHUN 2005/2006

State	2006 [RM]			2005 [RM]	
	Zakat mal	Zakat fitrah	Total	Zakat Mal	Zakat fitrah
W.					Total
Persekutuan	143,304,403.08	4,283,495.40	147,587,898.48	126,746,029.77	3,395,182.20
Selangor	149,943,584.69	9,892,668.10	159,836,252.79	123,782,912.00	9,338,917.00
Johor	46,478,287.95	8,254,654.50	54,732,942.45	41,166,136.48	8,191,017.55
Terengganu	38,936,751.94	3,933,824.48	42,870,576.42	36,301,165.95	4,064,425.01
Perak	28,933,330.38	4,915,149.00	33,848,479.38	22,680,408.78	4,863,126.70
Pulau Pinang	28,065,598.62	2,523,947.00	30,589,545.62	25,559,617.00	2,440,809.00
Pahang	31,721,733.59	4,250,000.00	35,971,733.59	26,991,593.00	4,040,640.57
Kelantan	30,727,316.35	4,914,221.40	35,641,537.75	24,641,490.46	4,731,061.00
Kedah	34,727,669.74	499,420.00	35,227,089.74	29,761,051.45	424,610.00
N. Sembilan	23,155,041.54	2,666,163.50	25,821,205.04	20,493,433.91	2,604,746.90
					23,098,180.81

Melaka	17,314,704.06	2,149,949.20	19,464,653.26	15,695,466.47	1,996,627.50	17,692,093.97
Sarawak	17,749,105.61	2,799,217.20	20,548,322.81	12,486,438.30	2,812,861.74	15,299,300.04
Sabah	12,073,068.71	4,575,725.00	16,648,793.71	7,060,358.92	4,253,715.00	11,314,073.92
Perlis	11,052,393.66	794,748.00	11,847,141.66	5,837,157.58	727,307.50	6,564,465.08
TOTAL	614,182,989.92	56,453,182.78	670,636,172.70	519,203,260.07	53,885,047.67	573,088,307.74


Sumber: PPZ Wilayah Persekutuan

Lampiran 3
STRUKTUR PENTADBIRAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR



Sumber : Lembaga Zakat Selangor <http://www.e-zakat.com.my/baru/>

Lampiran 4
**STRUKTUR PENTADBIRAN PPZ WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**



PERFORMANCE INDICATORS MODEL FOR ZAKAT INSTITUTION

By:

Abd Halim Mohd Noor¹

Rozman Hj Md Yusof²

Ahmad Che Yaakob³

ABSTRACT

The raison detre of any organizations is their ability to fulfill its organizational objective. Similarly, zakat institutions being one of the Islamic organization entrusted to address the economic imbalances among the Muslim ummah have a daunting task. Studies on zakat have mostly focused on various fundamental aspects of zakat such as determining haul and nisab and other syariah related issues. Data on zakat collection in several countries suggest that despite its increase, it is yet to reach its potential. This scenario is further compounded by the perceived inability of various zakat institutions to timely disburse their zakat fund. The general perception on zakat institutions was mainly on expectations, inefficiencies and cases of syariah non-compliance matters. These perceptions, proven or not, has a detrimental effect on the institutions to meet their objectives. This paper aims at presenting a performance indicators model in a way that facilitates its use in examining and intervening in organizational issues in zakat institutions. The organizations and its systems that support workers is an expensive proposition. Therefore, the model will serve as a guide to professional practice for those interested in establishing and maintaining particular kind and specific levels of performance in an organization.

Key words : Zakat, Organization Performance,
Performance Indicator

JEL Classification : Z12, L31, O43

INTRODUCTION

Organization-specific factors played major roles in determining success of any organizations. In the case of zakat institutions, there are reported

¹ Deputy Director, IKaZ and Associate Professor Faculty of Business Management, UiTM

² Member, IKaZ and lecturer at Academy of Language Studies, UiTM

³ Fellow, IKaZ and Senior lecturer at Center for Islamic Thought and Understanding (CITU), UiTM

incidences of negative perceptions on the management of zakat funds which, if not addressed amicably, will have an impact on further development of zakat institutions. Other organization-specific factors are corporate governance, economic and managerial efficiency, syariah-compliance accounting system, human resource, knowledge and productivity. Zakat institutions have a task to ensure and convince the public that not only the fund collected will be distributed in accordance with syariah but zakat institutions will be administered professionally and efficiently. The failure to achieve these objectives will reduce public confidence and zakat payers will decline and may choose other alternatives to fulfill their zakat obligations. The ability of zakat institutions to exhibit excellent performance is of paramount importance in sustaining the confidence of the muslim public.

Maintaining excellent performance is not an option, it is a requirement for organizational existence. This paper proposed a comprehensive indicator to measure performance of zakat institutions. The proposed indicator measures performance of zakat institutions in multiple aspects namely output, input, processes, productivity and quality. Once developed, the indicator will assist zakat institutions in determining their performance.

Performance is an abstract concept and it must be represented by concrete, measurable phenomena or events in order to be measured. Performance is a measure of results achieved while performance efficiency is the ratio between effort expended and results achieved. Performance has several dimensions: individual performance; group performance and organizational performance. The difference between current performance and the theoretical performance limit is the performance improvement zone.

When seeking to improve the performance of an organization, it's very helpful to regularly conduct assessments of the current performance of the organization. Assessments might be planned, systematic and explicit (these often are the best kinds of assessments) or unplanned and implicit. Well-done assessments typically use tools, such as comprehensive questionnaires, SWOT analyses or models along with comparison of results to various best practices or industry standards.

This paper is divided into four sections. The following sections will present the background of zakat management in South East Asia and Malaysia in particular. This will be followed by literature on various performance measurements. The third section will propose a 'work-in progress model of zakat performance. The final section will conclude the paper on the

need to implement a performance indicator for zakat institutions in South East Asia.

BACKGROUND STUDY

Zakat institution in the South East Asian region has registered an impressive growth and development due to the existence of many organizations that manage the zakat funds. Presently, there are fourteen zakat institutions in Malaysia managing zakat in various states. While Indonesia has countless zakat institutions due to her vast geographical regions and the administrative approach/nature of its religious governing body. Brunei and Singapore each has one ours to administer its zakat institution. The following table summarizes zakat institutions in South East Asia.

Table 1: Summary of Zakat Institutions

Country	
Malaysia	Federal Constitution allocates the authority to manage zakat to the states. Each state in Malaysia has its own Syariah Enactment to manage religious issues. As a matter of fact, all religious issues and its implementation are under the ambit of state authorities instead of Federal. The Sultans are the states' religious heads, while states with no king or sultan are headed by the Yang di-Pertuan Agong. There are fourteen states in Malaysia; as such each state has one zakat authority to manage zakat in the state.
Indonesia	The creation of a zakat organizing body (Badan Pengelolaan Zakat dan Infaq/Sedeqah, BAZIS) in 1968 began the history of zakat management in Indonesia. To further strengthen and enhance zakat management, the Law of Zakat Management 38/1999 was enacted. This has led to the creation of Badan Zakat Nasional (BAZNAS) and Lembaga Amil Zakat (LAZ) to better manage zakat in the country ⁴ .

⁴ Al Fitri (2006) The Law of Zakat Management and Non-Governmental Zakat Collectors in Indonesia, *International Journal of Not-for-Profit Law / vol. 8, no. 2 /January 2006*

Singapore	Majlis Agama Islam Singapura (MUIS) is responsible in zakat and the management of wealth for the muslim. The committee members are responsible in formulating policies on Islamic matters in Singapore. Meanwhile, the mufti is the advisor in zakat and Islamic laws. Since the mufti is also a member of MUIS, this facilitates the implementation and the development of zakat in Singapore.
Brunei	The Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) is responsible on the management of zakat. The Law of Zakat and Fitrah, 1969 provides power to MUIB to implement and enforce the collection and the distribution of zakat and fitrah to various <i>asnaf</i> .

As of 2005, there are 14 independent zakat institutions in Malaysia, one each in Singapore and Brunei. There are numerous zakat agencies in Indonesia with a handful of big players. The table below provides detail of the zakat institutions.

Table 2: Zakat Institutions and Collections, 2005

	Country	Number of zakat institutions	Collection US\$ million (2005)
1	Malaysia	14	127
2	Singapura	1	8.77
3	Indonesia	Not available*	Not available **
4	Brunei	1	9.19

* There is no official data, however, in Jakarta alone there are more than 20 agencies that collect and distribute zakat. ** Dompet Dhuafa, one of the zakat organizations reported a collection of US\$ 1.56 million in 2004⁵.

Source: Annual Zakat Report 2006, PPZ MAIWP; Majlis Ugama Islam Brunei; Majlis Ugama Islam Singapura; Dompet Dhuafa, Republic, Indonesia.

⁵ Laporan Keuangan 1425 H, Dompet Dhuafa Republika, Indonesia

Although in general, zakat collections in Islamic countries have increased, but the realities is that the amount collected is still low and has yet to reach its full potential. Zakat collection is estimated to be less than one percent of a nation's gross domestic product (GDP) (Kahf, 1999). This small percentage will not have a significant impact on a nation's socioeconomics.

Salih (1999) has identified several factors that contribute to the low collection of zakat in Islamic countries. The factors are as below:

- Ineffectiveness of zakat collecting organizations
- High administrative costs in managing zakat fund (up to 30% of zakat collected)
- Ineffectiveness of information dissemination on the importance of paying zakat
- Lack of confidence among zakat payers on the current zakat institution

The following table provides important comparison between countries in South East Asia.

Table 3: Data Comparison Among Countries

	GDP US\$ bil (2005)	Income per Capita (US\$) 2005	Zakat Collection US\$ mill (2005)	% of zakat collection as to GNP	Populations, millions (2004)	Estimate % of muslim populations (2004)
Brunei	6.842*	23,600*	6.6**	na	0.361	67
Indonesia	899	3,700	1.56***	na****	241	88
Malaysia	248	10,400	148	0.11	25.2	61
Singapore	131.3	24,220	8.77	-	4.3	14.9

*Data 2003

**Data 2002


*** Dompet Dhuafa collection only

**** Salih (1999) estimated that zakat collection in Indonesia is between 1% to 2% depending on the method of calculation used. However, actual data showed a much lower percentage. For details, refer Salih (1999)

Source: Laporan Zakat 2004, PPZ MAIWP; Majlis Ugama Islam Brunei; Majlis Ugama Islam Singapura; Dompet Dhuafa, Republika, Indonesia; <http://cia.gov/cia/publications/factbook/geos/xx.html>

In spite of the current global scenario of zakat collection, countries in the South East Asian region have registered a positive growth. Overall, Malaysia, Indonesia, Singapore and Brunei have experienced an increase in their zakat collection. Malaysia, for example, has registered strong growth in zakat collection since 1991 up to the present as illustrated in the following diagram.

Figure 1: Zakat Collection in Malaysia, 1991-2006




Note: At an average exchange rate of US\$ 1 = RM 3.50

Source: www.zakat.com.my/laporan/statistik.htm

As far as zakat distribution in South East Asia is concerned, the issues of zakat fund not being distributed in total and defining the asnaf is well articulated. In Malaysia for example, in 2004 on average only 78.7% of zakat collected were distributed in the same year⁶. Similarly, despite collecting zakat amounting to RB 19.5 millions, only RB 6.2 millions were distributed in Brunei in 1999 (Majlis Ugama Islam Brunei 2001). Singapore, however distributed S\$13.9 millions out of S\$14.5 millions zakat collected in 2004.

⁶ Laporan Zakat 2004, PPZ MAIWP

Figure 2: Percentage of Zakat Fund Distributed, 2004

Note: Indonesia data based on Dompet Dhuafa distribution only

Source: Laporan Zakat 2005, PPZ MAIWP; Majlis Ugama Islam Brunei; Majlis Ugama Islam Singapura; Dompet Dhuafa, Republika.

ZAKAT MANAGEMENT

Effective management of zakat is highlighted in al-Quran and al-Sunnah and clearly practiced by the caliphates. The verse 9: 103, which meant “Of their goods take alms, That so thou mightest purify and sanctify them.” The verse stressed that zakat is not only a religious duty but also a financial commitment that must be managed by the state.

The Holy Prophet pbuh also provides similar emphasis, in one of the hadith, when commanding Mu’az Ibn Jabal as a governor to Yemen:

فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكَ فَاعْلَمْهُمْ أَنَّ اللَّهَ أَفْرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تَوْعِذُ
مِنْ أَغْنِيَاهُمْ فَتَرَدَّ عَلَى فَقَرَائِهِمْ” – متفقٌ عَلَيْهِ

Which meant “...If they obey you in this aspect then tell them that Allah make it compulsory to collect zakat from them”.

The management of zakat has to operate professionally as required by syarak. This will lead to increase in confidence and thus motivate zakat payers. For example, zakat managers should also incorporate long term planning as to increase the skill through human development programs. Ultimately, the asnaf will in future be zakat payer themselves.

ORGANIZATIONAL PERFORMANCE

Today's organizations demand a high level of flexibility, coordination and adaptability in the face of rapidly shifting markets and competitive strategies. There are a number of performance-enhancing solutions available such as training, process improvement initiatives, quality management, lean manufacturing, and balanced scorecards, among others.

Organizational performance is described in the literature in terms of many aspects, varying from financial measurement, to group performance and to the performance of the physical workplace. According to Burke (1992), in order to provide a model of organizational performance and change, at least two lines of theorizing need to be explored: organizational functioning and organizational change.


Change is depicted in terms of both process and content, with particular emphasis on transformational as compared with transactional factors. Transformational change occurs as a response to the external environment and directly affects organizational mission and strategy, the organization's leadership, and culture. In turn, the transactional factors affected structure, systems, management practices, and climate. These transformational and transactional factors together affect motivation, which, in turn, affects performance.

There are two important lines of thinking that need to be explored in the process of building a most likely model that describe the causes of organizational performance and change: how organizations function (i.e., what leads to what) and how organizations might be deliberately changed (Katz and Kahn, 1978). Therefore, the fundamental framework for the model should evolve from theory and the components of the model and what causes what and in what order, on the other hand, have evolved from our practice.

ORGANIZATIONAL MODEL

The most commonly used model in explaining organizational performance was the 7-S-Model. This model was developed by Pascale and Athos (1981) and further honed by Peters and Waterman (1982). The model starts on the premise that an organization is not just structure, but consists of seven elements:

Figure 3: The 7S organizational Performance Model



According to Peters and Waterman (1982), those seven elements are distinguished in so called hard S's and soft S's. The hard elements (green circles) are feasible and easy to identify. They can be found in strategy statements, corporate plans, organizational charts and other documentations. The four soft S's however, are hardly feasible. They are difficult to describe since capabilities, values and elements of corporate culture are continuously developing and changing. They are highly determined by the people at work in the organization. Therefore, it is much more difficult to plan or to influence the characteristics of the soft elements. Although the soft factors are below the surface, they can have a great impact on the hard Structures, Strategies and Systems of the organization.

Effective organizations achieve a fit between these seven elements. This criterion is the origin of the other name of the model: Diagnostic Model for Organizational Effectiveness whereby if one element changes then this will affect all the others.

The concepts of performance measurement and performance management have existed for many years, there is increasing demand that agencies begin to transform their organizations to institutionalize these practices. This pressure is the result of the convergence of two forces: (1) increased demand for accountability on the part of governing bodies, the media, and the public in general; (2) a mounting commitment of managers and

government agencies to focus on results and work more deliberately to strengthen performance.

Organization's performance goals can be achieved significantly through its employees. An effective performance measurement and management system links individual and teamwork behaviors to the organization's business strategies, goals, and values. For an organization to achieve its goals, it is essential for each employee to understand individual roles and responsibilities for goal achievement, and there must be continuous dialogue between leaders and employees to set performance expectations, monitor progress, and evaluate results.

Furthermore, nowadays organization and work as a whole are undergoing dramatic change which has implications for conceptualizing and understanding performance. There are five major trends namely: continuous learning; proactivity; teamwork; globalization; and technology.⁷

PERFORMANCE INDICATOR: A PROPOSAL


Each zakat management team must be able to demonstrate the capability to operate at its optimum and efficient level in ensuring the rational of its existence. Collection and distribution of zakat must be implemented as such it yield maximum benefits intended. Collection is important to ensure that zakat is collected duly while distribution must reach the intended recipients and also provides confidence to the payer that zakat is distributed fairly.

As such the objective of this paper is to develop a set of performance indicators to measure organization effectiveness in collecting and distributing zakat. This paper proposed a model in measuring organizational performance. Performance of a zakat institution is influenced by input, process, quality issues and output of the organization⁸. These are the dimensions that have significant influence on performance of an organization. The diagram below illustrates the proposed performance indicator model.

Input dimension refers to the factors needed to run an organization. Data for input include from the perspective of asnaf (zakat recipients), staff and the institution. To asses the level of input of an organization, the following

⁷ Please refer to Sonnentag and Freese (2002) for details.

⁸ Abd Halim et al (2004)

Figure 4: Performance Indicator Model

items are considered, namely: the availability of infrastructure, number of staff, knowledgeable staff and the presence of data base.

Output or end product refers to the distribution of zakat. The end product is benefit/result obtained by the final recipient of the institution in this case by the asnaf. Using output as an indicator is indeed an objective measurement. Output is proxy from various perspectives such as number of asnaf who are paying zakat instead of receiving it. This would indicate success of the institution's distribution of zakat which enabled past recipients to increase their income. Other output proxies include whether zakat given fulfill their necessities, perception of asnaf on the organization and satisfaction of amount and type of zakat received by the asnaf.


Processes within an organization are one of the components to measure performance. There are many processes in distributing zakat, for example, it involves budgeting process. Process here refers to annual budget, distribution procedures and feedback from zakat payers. Quality is an important aspect of performance indicator. The variable used is status of distribution, status of collection, accounting system and financial audit used in the organization.

Twenty five variables were selected to measure the performance of zakat institutions. Each variable were assigned weight to reflect the importance of their contribution to the performance of the organizations. The table below list the variables used to proxy the dimensions.

Table 4: Variables for Performance Indicators

Dimensions	Variables
Input	Zakat distribution based on fatwa's Recipients are aware of their rights as asnaf Office infrastructure Number of staff Availability of data base system
Output	Are grants sufficient? Perception on amils Perception on type of grants Evaluation on panel of shops / food aids Is current distribution efficient? Satisfied with current distribution? Grant solves current problems? Number of recipients remove from receiving aids due to increase in economic status of the asnaf
Process	Availability of annual budget Perception on distribution procedure Perception on recipients Information and feedback from recipients
Quality	Status of distribution Status of collection Adhering to Accounting system Availability of independent audit

An earlier survey, as depicted in the following graph, seemed to confirm the index produce in by the model with the perception of the zakat community in terms of performance of participating zakat institutions in Malaysia. Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Lembaga Zakat Selangor or Lzs (formerly Pusat Zakat SelangorZs) and Pusat Urus Zakat, Pulau Pinang (PUZ) occupied the top three in terms of performance among zakat institutions in Malaysia.

Figure 5: Performance Indicators for Zakat Organizations, 2000

Source: Abd Halim et al, 2004

This proposed model is an initial attempt to measure performance of zakat organizations. Obviously the proxies used to capture the dimensions are not exhaustive while weights used in assigning the importance of each dimensions to the performance indicator can be subjected to further deliberations.

CONCLUSION

Overall, zakat in South East Asia has experienced tremendous growth in terms of collection and distribution. However, further progress could only be materialized through increase efficiency and consistency of zakat institutions in fulfilling their noble tasks. The need of performance indicators and benchmarking could never be understated. Its presence instills competitiveness among institutions that lead to increase efficiency. Probably more importantly, zakat will be better managed and the ummah gain tremendous benefits.

REFERENCES

- Abdullah Yusuf Ali, 1996, The Meaning of The Holy Quran
- Abd Halim Mohd Noor et al., 2004, Prestasi Pengagihan Dana Zakat di Malaysia, *Conference on Scientific and Social Research*, Institute of Research, Development and Commercialization (IRDC), UiTM, Kuching, Sarawak
- Al Fitri, 2006, The Law of *Zakat* Management and Non-Governmental *Zakat* Collectors in Indonesia, *International Journal of Not-for-Profit Law / vol. 8, no. 2 /January 2006.*
- Burke, W.W. ,1992, "A causal model of organizational performance and change". JAI Press, Inc.
- Kahf, M, 1999, The Performance of the Institution of Zakah in Theory and Practice, *International Conference in Islamic Economics in the 21st Century*, 9-12 August, Kuala Lumpur.
- Katz, D., & Kahn, R. L. ,1978, *The social psychology of organizations* (2nd ed.). New York: Wiley.
- Laporan Keuangan, 1425 H, Dompet Dhuafa Republika, Indonesia
- Pascale, R., Athos, A. ,1981, "The Art of Japanese Management", London: Penguin Books;
- Peters, T., Waterman, R. ,1982, "*In Search of Excellence*", New York, London: Harper & Row.
- Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan , 2005, *Laporan Zakat Wilayah Persekutuan 2004*, Kuala Lumpur
- Sonnentag, S., & Freese, M., 2002, *Performance concepts and performance theory*. John Wiley and Sons, Ltd.
- <http://cia.gov/cia/publications/factbook/geos/xx.html>. Telah dilayari pada 15 Februari 2008.
- www.zakat.com.my/laporan/statistik.htm. Telah dilayari pada 15 Februari 2008.

SISTEM PENGURUSAN DANA SECARA ISLAM: SATU PENELITIAN

Oleh:
Norhazimah Che Hassan

ABSTRAK

Sistem Kewangan Islam merupakan satu bidang yang amat menarik untuk diperhalusi. Pengurusan dan pengendalian dana secara Islam pula adalah salah satu daripada contoh pelaksanaan Sistem Kewangan Islam itu sendiri. Justeru, kertas ini cuba membincangkan konsep dan tuntutan Islam terhadap pengurusan dan pengendalian dana. Perbincangan ini juga akan menyentuh dari sudut operasinya dengan mengambil contoh salah sebuah institusi kewangan Islam terawal di Malaysia, iaitu Lembaga Tabung Haji meliputi aspek pengurusan organisasi, perancangan, pelaksanaan, dan pencapaian institusi ini dalam bidang tersebut. Ia juga turut memuatkan dari mana punca dana diperolehi dan agihan penggunaannya dengan mengkaji kaedah-kaedah serta instrumen-instrumen yang digunakan. Umumnya, Sistem Kewangan Islam telah terbukti dapat diaplifikasikan dengan efektif dan mampu membuatkan pulangan yang lumayan. Ini dapat dilihat daripada kemantapan Lembaga Tabung Haji yang terus kukuh dan teguh memperjuangkan visi dan misi masyarakat Islam.

**Perkataan Teras : Pengurusan Dana, Sistem Ekonomi Islam,
Dana Tabung Haji**

Klasifikasi JEL : Z12; A11; D92; E52

PENGENALAN

Mengimbas firman Allah S.W.T dalam al-Qur'an :

*"Pada hari ini telah Kusempurnakan untukmu agamamu
dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmatKu..."*

(Surah al-Mâ'idah (5): 3)

Islam mengutarakan satu sistem dan panduan yang 'cukup sempurna' bagi umatnya menjalani kehidupan sehari-hari. Ajaran Islam menekankan

peri pentingnya kesepaduan semua aspek kehidupan yang merangkumi sosio-budaya, ekonomi, politik dan agama. Sistem dan panduan yang sempurna ini merupakan sumbangan ‘besar’ Islam kepada peradaban dunia sejak zaman-berzaman lagi. Rentetan daripada itu, umat Islam pada hakikatnya mempunyai peluang dan ruang yang terbaik untuk menyusun sistem sosio-budaya, ekonomi dan politik mereka mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh agama bagi menjamin kesempurnaan hidup bukan sahaja di dunia malahan untuk akhirat kelak.

SISTEM EKONOMI ISLAM

Menyentuh tentang sistem ekonomi, sebenarnya Islam mempunyai satu sistem yang unik dan kompleks jika dibandingkan dengan sistem lain. Ekonomi Islam adalah sebahagian dari konsep kehidupan Islam yang menyeluruh. Ia tidak dapat dipisahkan dari aspek-aspek kehidupan yang lain sama ada dari segi hubungan manusia dengan Allah S.W.T., hubungan manusia sesama manusia, dan juga hubungan manusia dengan kejadian-kejadian alam yang lain. Dalam usaha kita membangunkan satu sistem ekonomi Islam yang dinamis, penekanan mestilah diberikan kepada aspek kepelbagaian dimensi dalam sistem tersebut. Bagi memahami dan menghayati kepelbagaian dimensi dalam sistem ekonomi Islam, prinsip-prinsip asas berikut perlu diberikan keutamaan:

- i. Kebebasan individu¹
Individu Muslim mempunyai hak dan kebebasan sepenuhnya membuat sesuatu keputusan, menuarkan pandangan dan menentukan apa yang seharusnya diperlukan dalam sesebuah negara Islam. Tanpa kebebasan tersebut, individu Muslim tidak dapat menunaikan kewajipan asas dan melaksanakan hal-hal penting dalam mencapai kesejahteraan hidup.
- ii. Hak terhadap harta
Islam memberikan hak kepada individu untuk memiliki harta. Namun begitu, Islam juga menghadkan batasan-batasan tertentu supaya kebebasan itu tidak menggugat kepentingan masyarakat.
- iii. Ketidaksamaan ekonomi dalam batasan semulajadi
Islam mengakui wujudnya ketidaksamaan ekonomi di antara manusia tetapi tidak membiarkannya menjadi bertambah meluas.

¹ Afzal ur-Rahman (1980), **Economic Doctrines of Islam**, Vol. 1, 2nd Edition, Lahore : Islamic Publication Ltd., hal. 7.

ia cuba mengekalkan perbezaan tersebut dalam batasan-batasan semulajadi, adil dan munasabah.²

iv. Kesamaan sosial

Islam tidak memberikan penekanan kepada kesamaan ekonomi tetapi menggalakkan kesamaan sosial. Setiap individu perlu menikmati peluang yang sama untuk mendapatkan pekerjaan dan terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi.

v. Keselamatan sosial

Individu Muslim mempunyai hak untuk hidup, dan dijamin memperolehi keperluan asas masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab utama negara Islam untuk menjamin keselamatan dan memberi peluang kepada setiap individu bagi mendapatkan keperluan asas mereka.

vi. Pengagihan kekayaan secara meluas

Islam menuntut pengagihan kekayaan kepada semua lapisan masyarakat dan mencegah pengumpulan kekayaan oleh kelompok-kelompok tertentu sahaja. Beberapa langkah positif pengagihan kekayaan secara meluas perlu diambil.

vii. Larangan mengumpulkan kekayaan

Sistem ekonomi Islam melarang individu mengumpulkan kekayaan dengan berlebih-lebihan kerana ia boleh membawa kepada jalan kemungkaran.

viii. Larangan terhadap institusi anti-sosial

Sistem ekonomi Islam melarang semua amalan yang merosakkan dan anti-sosial dalam masyarakat seperti kegiatan berjudi, riba dan pasar gelap.


ix. Kebajikan individu dan masyarakat

Kebajikan individu dan kebajikan masyarakat adalah pelengkap antara satu sama lain dan bukannya saling bersaing dan bertentangan. Segala konflik yang wujud perlu diredakan bagi menjamin faedah dan kepentingan bersama anggota masyarakat dalam sebuah negara Islam.

² *Ibid.*, hal. 8

Melalui pemahaman, penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip asas dalam sistem ekonomi Islam ini akan dapat menjamin keutuhan dan keunggulan sistem ekonomi serta panduan kehidupan dalam sesebuah negara Islam. Ia bolehlah diringkaskan melalui Rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Prinsip Asas Dalam Ekonomi Islam



Apabila menyentuh tentang sistem ekonomi Islam yang unggul, kita tidak dapat lari daripada mengaplikasikan sistem kewangan Islam yang mana kedua-dua sistem ini mempunyai hubungan yang saling berkait. Malahan dari satu perspektif, sistem kewangan Islam itu dilihat sebagai sebahagian daripada sistem ekonomi Islam. Ia sebenarnya merupakan jelmaan daripada urusniaga-urusniaga kewangan (*financial transactions*) yang dilakukan dalam sistem ekonomi Islam.³

³ Ab. Mu'min b. Ab. Ghani (1999), **Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia**, Kuala Lumpur : JAKIM, hal. 46.

SISTEM KEWANGAN ISLAM

Sistem Kewangan adalah terdiri daripada instrumen-instrumen, institusi-institusi, pasaran-pasaran, dan peraturan-peraturan mengenai kelakuan perdagangan yang mempercepatkan laluan dana daripada pembeli kepada penjual dan daripada penyimpan kepada peminjam.⁴

Secara mudahnya, istilah Sistem Kewangan menerangkan secara kolektif tentang pasaran kewangan, peserta-peserta dalam pasaran, dan instrumen-instrumen yang diniagakan. Ia merupakan saluran yang menggerakkan dana lebihan dan mengagihkannya ke seluruh negara. Peranan utamanya adalah untuk melaksanakan mekanisme pembayaran dan menjadi pengantara antara penyimpan dan pelabur dalam sesebuah ekonomi.⁵

Umumnya terdapat dua kumpulan institusi dan aktiviti yang bergerak dalam mana-mana sistem kewangan. Kumpulan pertama terdiri daripada sistem perbankan (*banking system*), iaitu Bank Negara atau Bank Pusat dan pelbagai jenis bank yang lain, termasuk pasaran wang jangka pendek (*money market*) dan pasaran tukaran asing (*foreign exchange market*). Kumpulan kedua pula terdiri daripada institusi-institusi kewangan bukan bank (*non-bank financial intermediaries*) yang juga mempunyai pelbagai jenis. Antara institusi kewangan jenis ini adalah Lembaga Tabung Haji.

Latar Belakang Sistem Kewangan Islam

Sistem Kewangan Islam pula bolehlah didefinisikan sebagai satu sistem kewangan yang mana prinsip perjalanan dan amalannya adalah berlandaskan hukum Islam.

Sistem Kewangan Islam mula beroperasi sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi dan ia berterusan sehingga kini. Ini terbukti apabila Sistem Kewangan Islam adalah sebahagian daripada keseluruhan sistem ekonomi Islam dan sedang berkembang pesat sehingga menjadi satu disiplin sosial yang tersendiri dan meliputi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan dalam semua sektor ekonomi.

Sistem Kewangan Islam mula dibentuk secara beransur-ansur sejak zaman Rasulullah S.A.W. dan hanya pada zaman Saidina Umar al-Khattab barulah ia dikemaskinikan semula dan jelas fungsinya. Ini

⁴ James L. Pierce (1984), **Monetary and Financial Economics**, New York : John Wiley & Sons Inc., hal. 7.

⁵ Ab. Mu'min b. Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, hal. 31.

berikut dengan berlakunya peningkatan jumlah penganut agama Islam setelah berlaku perluasan kuasa. Dari masa ke semasa sistem tersebut mula diperbaiki dan diperkembangkan. Walaupun begitu, pada prinsipnya Sistem Kewangan Islam ketika itu hanya merujuk kepada Baitulmal iaitu institusi perbendaharaan negara. Ini kerana institusi lain yang menjalankan urusan berasaskan kewangan Islam belum lagi wujud.⁶

Sistem Kewangan Islam merupakan satu bidang yang amat menarik untuk diperkatakan terutamanya ia merupakan realiti baru yang dipraktikkan semula sejak dua dekad yang lampau. Sistem Kewangan Islam dibangunkan atas dasar-dasar tertentu, iaitu :⁷

- i. Menghindari daripada aktiviti-aktiviti yang terlibat dengan riba dalam semua urusan dan ini memberi implikasi bahawa :
 - (a) Aktiviti-aktiviti pelaburan hendaklah berasaskan perkongsian untung rugi; dan
 - (b) Tidak dibenarkan langsung mengambil kira sebarang bentuk faedah atau riba dalam mempertimbangkan kes-kes hutang.
- ii. Semua aktiviti pelaburan mestilah mengikut lunas-lunas dan prosedur yang telah digariskan dalam kontrak muamalah; dan
- iii. Berasaskan penyertaan dalam proses pengeluaran dan bukannya perniagaan secara hutang. Ini bermakna institusi kewangan Islam turut serta dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran sama ada sebagai pelaksana projek ataupun menjadi rakan kongsi dalam projek tersebut.

Sesuatu Sistem Kewangan Islam itu mestilah mempunyai dua unsur penting, iaitu :⁸

- i. Ia hendaklah berteraskan Islam sepenuhnya, bukan setakat nama dan labelnya sahaja, ia mesti mencerminkan falsafah, nilai, etika, dan matlamat syariah Islam; dan

⁶ Ab. Halim Ismail (1999), "Pasaran Modal Islam", **Kertas Kerja Seminar Ke Arah Pemantapan Pasaran Modal Islam**, 6 Dis. 1999, Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam, hal. 1.

⁷ Sila lihat Ahmad Majdub Ahmad (1989), **as-Siyāsah al-Naqdiyyah fi al-Iqtisād al-Islāmī**, Riyadh : Dār al-Liwi'ā, hal. 234.

⁸ Ab. Mu'min b. Ab. Ghani (1999), **op.cit.**, hal. 46-47.

- ii. Ia hendaklah mempunyai ciri-ciri suatu sistem yang canggih dan berdaya maju agar dapat bersaing dengan sistem konvensional dalam semua aspek.

Bagi merealisasikan maksud ini, tiga pra-syarat mesti wujud dalam sesebuah sistem kewangan itu, iaitu :

- a) Mempunyai pelbagai instrumen;
- b) Jumlah institusi yang banyak dan mencukupi; dan
- c) Mewujudkan satu mekanisme bagi menghubungkan antara institusi dan instrumen tersebut.

Ciri-Ciri Sistem Kewangan Islam

Untuk mencapai objektif di atas, Sistem Kewangan Islam haruslah berteraskan ciri-ciri berikut :

- i. Tidak mementingkan diri sendiri serta mempunyai sifat tolong-menolong antara satu sama lain dan mempunyai persaingan yang sihat serta dibenarkan oleh syariah;
- ii. Aktiviti perekonomian yang dilakukan berasaskan kepada konsep persetujuan bersama;
- iii. Kegiatan perekonomian yang dijalankan mestilah mengikut senarai keutamaan di dalam Islam;
- iv. Aktiviti perekonomian yang dijalankan mestilah berteraskan kepada penerapan nilai-nilai Islam; dan
- v. Bebas daripada segala larangan termasuk riba, *jahālah*, *gharār*, judi, spekulasi, pembaziran, dan sebagainya.⁹

Justeru, faktor paling penting yang membezakan antara Sistem Kewangan Islam dengan sistem konvensional lain ialah dari segi urusan kewangan yang mestilah dikendalikan tanpa riba. Ini kerana Islam itu sendiri menghalang umatnya dari terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan unsur riba ini. Asas pengendalian kewangan Islam juga adalah berdasarkan konsep adil dan saksama demi kepentingan masyarakat keseluruhannya.¹⁰

⁹ Syed Othman al-Habshi (Dr.) (1989), **Islam, Ekonomi dan Pengurusan**, Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, hal. 106.

¹⁰ Sudin Haron (1996), **Prinsip dan Operasi Perbankan Islam**, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., cet. Pertama, hal. 4.

Umumnya, di Malaysia telah muncul pelbagai institusi yang mengumpulkan dana untuk menguruskan pelaburan bagi pihak pendeposit dan pelabur. Keadaan ini telah menyediakan peluang pelaburan pilihan kepada masyarakat di samping institusi yang sedia ada. Malah terdapat pengurus dana yang mendakwa bahawa mereka mengendalikan dana dan pelaburan secara Islam. Persoalannya di sini, sejauh manakah kebenaran dakwaan tersebut dan apakah pengurusan dana itu benar-benar bertepatan dengan prinsip-prinsip syariah sepertimana yang telah ditetapkan oleh Islam?

KONSEP PENGURUSAN DALAM ISLAM

Ilmu pengetahuan adalah kunci peningkatan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Allah S.W.T. telah menekankan hal ini berulang-ulang kali di dalam al-Quran, sebagaimana firmanNya :

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari seketul darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pen dan tulisan”.

(Surah al-Alaq (96) : 3-5)


Peranan mereka yang berpengetahuan adalah amat penting sebagai pakar rujuk dalam segala hal yang berhubung dengan dunia niawi dan ukhrawi. Keaktifan golongan intelek merupakan satu nikmat yang harus dimanfaatkan oleh semua pihak dalam mengharungi hidup yang berliku ini. Allah S.W.T. berfirman :

“...bertanyalah kepada orang-orang yang berpengetahuan sekiranya kamu tidak tahu”.

(Surah al-Nahl (16) : 43)

Justeru, dalam pengurusan Islam, selain daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber rujukan utama, terdapat beberapa sumber lain yang menjadi panduan termasuklah amalan para khulafa' Al-rashidin, pemikiran klasik para ilmuan Islam seperti Ibn Khaldun dan Al-Mawardi, manuskrip lama dan dokumen lama mengenai pentadbiran, serta ijihad dan ijma' para ulama'.

Rajah 2: Sumber Pengurusan Dalam Islam



Pengurusan Dan Pengendalian Dana

Secara umumnya, pengurusan dan pengendalian dana merupakan kegiatan yang melibatkan usaha mendapatkan dana (perolehan sumber) daripada penyimpan atau mana-mana aktiviti kewangan seperti pelaburan, perniagaan, dan sewaan. Ia juga turut melibatkan kegiatan menggunakan dana (penggunaan sumber) bagi aktiviti yang berkaitan dengan sesebuah organisasi dan matlamatnya, seperti pentadbiran, pelaburan, penyelidikan, kebajikan, dan pengagihan dividen serta bonus.

Dalam institusi perbankan, pengendalian dana disebut juga sebagai pengurusan aset, liabiliti, dan modal yang memerlukan bank mempertimbangkan risiko tambahan serta perbezaan antara kos untuk mendapatkan dana dan pulangan yang akan diperolehi apabila dana itu dilaburkan dalam pelbagai bentuk seperti pinjaman dan sekuriti. Di samping itu, bank juga dikehendaki mengekalkan satu jumlah modal yang minimum mengikut kehendak undang-undang.¹¹ Sejumlah modal ini perlu dikendalikan sebaik mungkin oleh bank.


¹¹ Abd. Ghafar Ismail, Surtahman Kastin Hassan (1993), **Bank Perdagangan di Malaysia: Struktur dan Pengurusan Dana**, Kuala Lumpur : DBP dan Kementerian Pendidikan Malaysia, hal. 121.

Sebagai contoh, setiap komponen dalam kunci kira-kira merupakan sumber dana kepada bank jika pertambahan dalam komponen tersebut akan menambahkan wang tunai bank. Sebaliknya jika pertambahan dalam komponen kunci kira-kira mengurangkan wang tunai bank itu, maka pertambahan tersebut merupakan penggunaan dana. Oleh itu, sumber dana bank perdagangan merupakan perubahan modal dan liabiliti, sementara perubahan aset pula merupakan penggunaan dana bank.¹²

Menurut Abd. Ghafar Ismail, Surtahman Kastin Hassan, terdapat dua pendekatan yang boleh digunakan dalam pengurusan dan pengendalian dana.¹³

Pertama, pendekatan pengumpulan dana, iaitu pendekatan yang paling mudah. Asas yang digunakan dalam pendekatan ini ialah semua dana dikumpulkan bersama. Kemudian dana tersebut diagihkan kepada pelbagai aktiviti yang sesuai. Pendekatan ini tidak mengambil kira dari mana sumber dana yang akan digunakan asalkan ia boleh mencapai matlamat yang digariskan. Pendekatan ini boleh ditunjukkan melalui Rajah 3 :

Rajah 3: Contoh Model Dana Terkumpul




Sumber : Diubahsuai dari Ringkasan Taklimat, Lembaga Tabung Haji

Manakala pendekatan kedua adalah pendekatan agihan aset. Pendekatan ini mengambil kira amaun mudah tunai yang diperlukan oleh sesebuah institusi. Amaun mudah tunai ini boleh dikaitkan dengan cara bagaimana sumber dana diperolehi. Pendekatan ini dapat diilustrasikan melalui Rajah 4:

¹² *Ibid.*, hal. 120.

¹³ *Ibid.*, hal. 103.

Rajah 4: Contoh Model Pengagihan Aset

Sumber : Diubahsuai daripada Ringkasan Taklimat, Lembaga Tabung Haji

Kedua-dua pendekatan ini boleh digunakan kerana tiada satu pendekatan yang dijamin sesuai untuk semua keadaan. Bagaimanapun, pendekatan yang dipilih seharusnya mengimbangi antara risiko dan pulangan. Setiap pendekatan harus dianggap sebagai rangka kerja am yang membolehkan pihak pengurusan merumuskan dasar yang dapat mengawasi masalah pengurusan dana. Tanpa mengira pendekatan mana yang harus digunakan, kumpulan pengurusan yang cekap seharusnya dapat mengenalpasti perhubungan yang kompleks antara satu sama lain dan menggunakan analisis yang objektif dan membuat keputusan yang sesuai dengan keperluan sesebuah organisasi.

Aliran Dana Dalam Ekonomi

Aliran dana dalam ekonomi melibatkan dua perkara penting, iaitu sumber serta perolehan dana, dan arah penggunaan dana.

Dalam ekonomi, punca utama dana adalah dari simpanan orang perseorangan, syarikat, Kerajaan, dan luar negeri. Biasanya mereka ini disebut sebagai unit lebahan. Mereka akan menyimpan dengan tujuan untuk menjamin keselamatan dana mereka atau sebagai pelaburan yang akan menjanjikan pulangan yang lumayan. Ada juga yang menyimpannya sebagai awasan untuk digunakan semasa berlakunya kesempitan.

Dana yang disimpan adalah dalam bentuk matawang, bil, pinjaman, bon, simpanan, unit tabungan, saham, insuran, pinjaman dan pelaburan luar negeri. Instrumen kewangan ini akan beredar dalam pasaran melalui institusi kewangan yang bertindak sebagai perantara.


Institusi kewangan perantaraan pula adalah terdiri daripada bank pusat, bank perdagangan atau komersial, syarikat kewangan, bank saudagar,

rumah-rumah diskaun, bank pembangunan, unit tabungan, dan institusi simpanan seperti Lembaga Tabung Haji.¹⁴

Kemudian, institusi kewangan ini pula akan melabur dan membelanjakan dana ini melalui instrumen Wang Boleh Dipanggil, Overdraft, Bil, Pinjaman Jangka Masa, Sewa Beli, Pajakan, Sekuriti, Bon, Debentur, dan Rezab Luar kepada orang perseorangan, syarikat, Kerajaan, dan para peminjam luar negeri. Mereka inilah yang disebut sebagai unit kurangan dalam ekonomi.¹⁵

Ringkasnya, aliran dana dalam ekonomi ini boleh diilustrasikan oleh Rajah 5 seperti di bawah :

Rajah 5: Aliran Dana Dalam Ekonomi



Sumber : Diubahsuai daripada Ringkasan Taklimat, Lembaga Tabung Haji

¹⁴ Haji Azhar b. Nayan (1996), **Instrumen-Instrumen Pelaburan Islam**, Kuala Lumpur: Jabatan Pembangunan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji, hal. 2.

¹⁵ *Ibid.*

Justeru, jelaslah bahawa perbezaan di antara Sistem Kewangan Islam dengan Sistem Kewangan Konvensional adalah bertitik tolak daripada sudut falsafah dan etika. Sistem Kewangan Islam wujud berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan falsafah Islam kerana Sistem Kewangan Islam adalah juga sebahagian daripada Islam itu sendiri. Manakala sistem kewangan konvensional yang berdasarkan kapitalisme, memisahkan agama dengan lain-lain urusan hidup. Sistem kewangan konvensional menegaskan kebebasan mutlak seseorang. Sistem ini menggalakkan supaya keputusan kewangan dibuat hanya berdasarkan kepada “*bottom line considerations*” iaitu pemaksimuman keuntungan semata-mata. Setiap orang adalah tuan punya hartanya, dan berhak sepenuhnya ke atas harta tersebut. Prinsip ini berkisar atas dasar keuntungan peribadi sebagai matlamat, persaingan sebagai cara, dan kebebasan sebagai syarat.

Sebaliknya dalam Sistem Kewangan Islam, manusia adalah sebagai khalifah Allah S.W.T. di muka bumi. Sebarang pemilikan harta oleh manusia hanyalah merupakan amanah semata-mata dan bukannya milik mutlak. Oleh yang demikian, kebebasan untuk menjalankan urusniaga dalam Sistem Kewangan Islam tidak boleh berdasarkan hanya kepada “*bottom line considerations*”. Keputusan kewangan dibuat oleh seseorang individu atau syarikat dalam Sistem Kewangan Islam mestilah berlandaskan kepada panduan yang telah ditentukan oleh agama Islam dan bukannya kepentingan diri sendiri semata-mata.

PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN DANA DI LEMBAGA TABUNG HAJI

Pada lazimnya, pelaksanaan sistem pengurusan yang terbukti efisyen dan cemerlang mampu memberi gambaran yang sebenarnya tentang kedudukan sesebuah organisasi itu. Faktor ini juga ternyata berpengaruh dalam menarik perhatian dan kepercayaan masyarakat umum terhadap kemampuan sesebuah organisasi kewangan untuk menguruskan wang tabungan mereka.

Operasi sesebuah organisasi lazimnya bermula dengan perancangan belanjawan tahunan. Keadaannya adalah sama di LTH. Sebagai sebuah institusi kewangan yang ditubuh dan ditadbirkan supaya mematuhi tuntutan syarak, LTH memastikan wang simpanan para ahlinya diurusniagakan secara halal di sisi Islam.

Sumber Dana

Sumber dana merupakan item yang paling penting bagi sesebuah institusi kewangan untuk menjalankan operasinya. Tanpa sumber dana, tiada sebarang operasi dapat dilaksanakan. LTH memperolehi dananya dari pelbagai jenis sumber, iaitu melalui:

(a) Simpanan Pendeposit

LTH memperolehi dana melalui simpanan pedeposit menerusi dua akad iaitu akad *al-Wakālah*¹⁶ dan akad *al-Wadi'ah*¹⁷.

Melalui kedua-dua akad ini, LTH menerima deposit daripada penyimpan yang memerlukan penjagaan dana mereka dengan selamat dan kemudahan penggunaan wang mereka. Dana yang terkumpul daripada simpanan pendeposit ini dilaburkan agar menghasilkan pulangan dalam urus niaga-urus niaga yang terpilih dan menepati hukum syarak.

(b) Pendapatan Pelaburan

Pelaburan jangka sederhana dan jangka panjang LTH memberi penekanan kepada sektor-sektor yang berdaya maju dari kesan perubahan atau peningkatan dalam struktur dan ekonomi perindustrian. LTH memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai rekod-rekod sejarah dan ramalan yang cemerlang untuk berkembang mengikut pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, LTH melabur di setiap sektor dan syarikat yang mampu mengekalkan pertumbuhan yang tinggi.

(c) Terimaan Bayaran

Sehingga tahun 2006, LTH memiliki sebanyak 266 buah bangunan siap di seluruh negara.¹⁸ Bangunan-bangunan milik LTH ini adalah terdiri daripada bangunan pejabat, kilang, rumah kedai, dan kediaman. Pada amnya, bangunan-bangunan tersebut menempatkan pejabat-pejabat LTH manakala yang selebihnya disewakan. Dalam tahun 2006, sebanyak RM57 juta kutipan sewa telah diperolehi. Terdapat sejumlah 739 penyewa yang menyewa di

¹⁶ Iaitu merupakan prinsip yang merujuk kepada keadaan di mana seseorang melantik orang lain untuk mewakilinya di dalam sesuatu urusan.

¹⁷ Di bawah prinsip ini, tuan punya harta akan melantik orang lain untuk menjaga hartanya. Ini bererti akan wujud pertalian amanah antara tuan punya harta dengan orang yang menjaganya.

¹⁸ Lembaga Tabung Haji (2006), **Laporan Tahunan TH 2006**, hal. 59

bangunan LTH di seluruh negara. Mereka adalah terdiri daripada jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun, bank, syarikat-syarikat swasta, serta orang perseorangan.¹⁹

Penggunaan Dana

(a) Belanja Mengurus

Menurut Laporan Tahunan LTH 2006, bilangan terkumpul pendeposit di institusi itu sehingga tahun tersebut (31 Disember 2006) adalah berjumlah 5.2 juta orang, dengan sejumlah ribuan anggota dari 124 cawangan. Jumlah tersebut sudah tentu memerlukan pentadbiran dan pengurusan yang efisyen dalam semua aspek terutamanya dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan dana.

Pecahan perbelanjaan mengurus ini mengikut aktiviti adalah merangkumi bayaran emolumen, perjalanan/pengangkutan, perhubungan/utiliti, sewaan, bekalan, penyelenggaraan dan pembaikan, perkhidmatan, cukai, insuran, dan lain-lain.

(b) Pengeluaran Wang

Ini kerana LTH membenarkan mana-mana pendeposit LTH untuk mengeluarkan wang simpanan mereka pada bila-bila masa.

(c) Pelaburan

Keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil menjanjikan pelbagai kemungkinan yang mungkin akan berlaku khususnya terhadap sebuah negara Islam yang kecil seperti Malaysia. Sungguhpun demikian, sebagai sebuah institusi pelaburan, selain terlibat dengan pelaburan jangka pendek dan pelaburan dalam pasaran wang Islam, LTH telah membuat keputusan yang bijak dengan mengambil pendekatan melabur dalam empat (4) bidang utama iaitu pelaburan ekuiti, instrumen pendapatan tetap, pelaburan hartanah, dan instrumen pasaran wang.

¹⁹ *Ibid.*

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengurusan dana secara Islam itu bukanlah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Apa yang penting ialah setiap organisasi itu mestilah mempunyai matlamat yang jelas iaitu melaksanakan perintah Allah S.W.T.. Komitmen dari pelbagai pihak sama ada daripada institusi pelaksana, Kerajaan, sektor swasta, badan bukan Kerajaan (NGO) mahupun orang awam amat penting sebagai sokongan terhadap usaha ini. Pencapaian LTH yang telah berjaya menguruskan sejumlah RM15 bilion saiz dana pada tahun 2006 sewajarnya menjadi pendorong kepada institusi-institusi Islam yang lain untuk turut sama menjulang kejayaan sekali gus meninggikan martabat Islam di mata dunia.

RUJUKAN

- Ab. Mu'min b. Ab. Ghani, 1999, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : JAKIM.
- Abd. Ghafar Ismail, Surtahman Kastin Hassan, 1993, *Bank Perdagangan di Malaysia: Struktur dan Pengurusan Dana*, Kuala Lumpur : DBP dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ab. Halim Ismail, 1999, "Pasaran Modal Islam", *Kertas Kerja Seminar Ke Arah Pemantapan Pasaran Modal Islam*, 6 Dis. 1999, Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam.
- Afzal ur-Rahman, 1980, *Economic Doctrines of Islam*, Vol. 1, 2nd Edition, Lahore : Islamic Publication Ltd.
- Ahmad Majdub Ahmad, 1989, *as-Siyāsah al-Naqdiyyah fi al-Iqtisād al-Islāmi*, Riyadh : Dār al-Liwā'.
- Haji Azhar b. Nayan, 1996, *Instrumen-Instrumen Pelaburan Islam*, Kuala Lumpur : Jabatan Pembangunan Pelaburan, Lembaga Tabung Haji.
- James L. Pierce, 1984, *Monetary and Financial Economics*, New York : John Wiley & Sons Inc.
- Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji*, 2006.
- Sudin Haron, 1996, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Syed Othman al-Habshi (Dr.), 1989, *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*, Kuala Lumpur : Penerbitan Hizbi.

PERBEZAAN RIBA & JUAL BELI: SATU ANALISIS

Oleh:
Naziree Bin Md Yusof¹

ABSTRAK

Kedudukan untung dalam urusan jual beli dan riba kadang-kala disalahafsirkan oleh sesetengah pihak. Mereka beranggapan bahawa untung tersebut adalah sama kerana kedua-dua urus niaga itu mendapat pulangan lebih daripada modal asal. Sedangkan Islam menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Kertas kerja ini akan menghuraikan kekeliruan tersebut di samping membahaskan peranan masa dalam mempengaruhi pertambahan nilai berbanding urus niaga tunai dalam harga pasaran.

**Perkataan Teras : Konsep Riba dan Jual Beli, Harta, Hibah,
Nilai Mata Wang**

Klasifikasi JEL : Z12, M14, E12, E43

TEORI KONTRAK

Secara umumnya terdapat tiga perkara bagi membentuk sesuatu kontrak. Ianya adalah pihak-pihak yang berakad, *sighah* (tawaran dan penerimaan) dan barang yang diurusniagakan.² Kedudukan orang yang berakad perlulah mereka yang berkelayakan dari segi penguasaan dan pengurusan harta, ringkasnya *mukallaf*, *rashid* (matang), merdeka, tidak muflis dan adil. Manakala mana-mana golongan lain yang kurang upaya dan terkandung dalam kategori *al-hajr* (tegahan pengurusan harta) adalah seperti kanak-kanak, orang gila, bankrap, dungu, *safih* (boros dan membazir) dan sebagainya.³

¹ Penulis ialah pensyarah daripada Jabatan Syariah Dan Perundungan, Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). nazireey2000@yahoo.com Hak Cipta Terpelihara.

² Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *Undang-Undang Muamalat Dan Aplikasi Kepada Produk-Produk Perbankan Islam*, Bangi: Fakulti Undang-Undang UKM, hlm 40.

³ Fatimah Sulaiman, 1999, *Tegahan Pengurusan Harta – Al-Hajr: Kajian Perbandingan Antara Syariat Islam Dengan Undang-Undang Sivil*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm 1-236.

Kedudukan *sighah* (tawaran dan penerimaan) harus diadakan dalam pelbagai bentuk selagimana syarat-syaratnya jelas, butirannya khusus dan tidak berlaku kekeliruan (*gharar*) atau penganiayaan (*istighlal*) dalam urus niaga. Kadang-kala *uruf*⁴ persekitaran telah memperakui kesahihan urus niaga sekalipun tiada ungkapan khusus daripada penjual atau pembeli, misalnya ‘*aqd al-muathat*’. Jumhur fuqaha Hanafiah, Malikiah dan Hanabilah mengharuskan kontrak dengan cara memberi dan mengambil tanpa ada ungkapan tawar dan terima. Ia meliputi semua jenis akad *mu’awadhat* seperti jual beli, sewa dan sebagainya. Tetapi ulama Shafeiyyah tidak membenarkan akad dilakukan secara memberi dan mengambil ini kecuali pada perkara-perkara yang kecil dan nilainya rendah. Ini adalah pendapat Nawawi, Mutawali dan Bughawi.⁵

Berkenaan barang yang diniagakan (*al-ma’qud alaih*) adalah menjadi sasaran utama kepada sesuatu akad. Ia merupakan matlamat daripada sesuatu akad dan menjadi perkara penting kepada dua pihak yang berakad. Barang yang diakad adalah menerima hukum dan kesan undang-undang daripada pembentukan akad tersebut.⁶ Secara umumnya, ia dapat diklasifikasikan kepada konsep harta itu sendiri. Harta ialah sesuatu yang mempunyai nilai, sama ada bentuk fizikal atau manfaat, mestilah sesuatu yang halal dan tidak najis menurut syarak, seperti arak, anjing dan babi, dan hendaklah sesuatu yang berkemungkinan untuk dimiliki, iaitu yang telah ditentukan sesuatu barang atau manfaat yang khusus dan bukannya masih ketidaktentuan. Misalnya ikan di kolam atau burung di udara.

Harta juga dapat diklasifikasikan kepada dua bentuk iaitu harta alih dan harta tak alih. Harta tak alih disifatkan sebagai harta kekal yang jika dipindah atau diubah akan membawa kemusnahan seperti bangunan dan tanah manakala harta alih ialah harta yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti mata wang, haiwan, kenderaan, barang bersukat atau bertimbang dan sebagainya.⁷

Harta alih juga boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu harta ketara yang boleh disentuh (*tangible*) yang wujud secara fizikal seperti kerusi meja dan harta tak ketara (*intangible*) seperti ilmu atau pengetahuan yang

⁴ Amalan kebiasaan dan tradisi masyarakat yang diterima sebagai tabiat yang sejahtera dan sempurna. Lihat Hassan Bin Haji Ahmad, *Usul al- Fiqh Dan al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1998, hlm 337-349.

⁵ Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *op.cit*, hlm 45.

⁶ *Ibid*, hlm 72.

⁷ Naziree Bin Md Yusof, 2006, “Konsep Cap Dagangan & Prinsip Mua’malat Islam: Suatu Perbandingan”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Undang-Undang Dan Teknologi: Isu Undang-Undang Dan Syariah* 2006, Bangi: Fakulti undang-undang UKM, hlm 464.

boleh ditukarkan menjadi sesuatu yang bernilai dan dikenali sebagai harta intelek.⁸

KONSEP JUAL BELI

Secara umumnya, jual beli bermaksud pertukaran sesuatu dengan sesuatu, atau pertukaran barang dengan harga. Fuqaha Hanafiah mentakrifkan jual beli sebagai pertukaran harta dengan harta, fuqaha Malikiyah pula mendefinisikan akad pertukaran terhadap sesuatu yang bukan manfaat dan bukan juga untuk kepuasan. Manakala fuqaha Syafeiyah menjelaskan jual beli sebagai pertukaran harta dengan harta mengikut cara yang khusus dan ulama Hanabilah menyatakan ia adalah pertukaran harta dengan harta yang membawa penyerahan dan penerimaan hak.⁹ Setakat pengamatan penulis, kupasan konsep jual beli lazimnya akan memfokuskan kepada sudut rukun yang hampir sama dengan teori kontrak seperti sighah, pihak-pihak yang berakad, barang yang diniagakan, harga dan majlis *khiyar*. Justeru, ciri-ciri khusus jual beli perlu dinyatakan supaya dapat dilihat perbezaannya dengan urus niaga lain seperti hibah, wakaf, wasiat, pinjam, sewa dan lain-lain.

Hibah ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang terhadap hartanya kepada seorang yang lain pada masa hidupnya tanpa pertukaran atau balasan.¹⁰ Wakaf pula tidak melibatkan pemilikan sesiapa kerana ianya penyerahan harta pada jalan Allah yang boleh dinikmati faedah atau manfaatnya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah,¹¹ sama ada khairat umum atau khusus.¹² Jual beli juga berbeza dengan wasiat kerana wasiat tidak mengaitkan hal pertukaran, sebaliknya suatu iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hidup ke atas hartanya, atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu kebajikan menurut hukum syarak, yang bukan untuk ahli warisnya dan ia terlaksana selepas individu tersebut mati. Begitu juga urusan pinjam yang mana pinjam tidak melibatkan pertukaran, ia hanya mendapat perolehan manfaat buat sementara dan tiada pindah milik. Manakala sewa adalah urus niaga pembayaran atau gantian sesuatu yang tidak berpindah milik, sebaliknya mendapat perolehan manfaat buat sementara.¹³ Kesimpulannya, empat elemen utama yang membezakan jual beli dengan urus niaga

⁸ Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul Abd Aziz, 2005, *Undang-undang Harta Intelek di Malaysia*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, hlm 1.

⁹ Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *op.cit*, hlm 89-90.

¹⁰ Al-Sharbini, t.th, *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, Jil. 2, hlm 396.

¹¹ Sayyid Sabiq, 1998, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Darul Fikr, Jil. 2, hlm 267.

¹² Seksyen 2, Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999.

¹³ Mustafa al-Khin dkk, 1998, *al-Fiqh al-Manhaji*, Beirut: Dar al-Qalam, Jil. 3, hlm 121.

lain iaitu aspek pertukaran, perolehan manfaat, proses pindah milik dan pengurusan barang.

KONSEP DAN DEFINISI RIBA

Perkataan riba dari segi bahasa ialah tambahan atau lebihan.¹⁴ Merujuk Kamus Dewan, riba bermaksud pelepas wang, ceti dan bunga wang.¹⁵ Tetapi dari segi ekonomi, ia merujuk kepada pendapatan yang diterima oleh pemutang daripada penghutang, satu jumlah daripada pinjaman pokok sebagai ganjaran kerana menangguhkan penggunaan atau berpisah daripada modalnya dalam tempoh tertentu. Sementara kamus Bahasa Melayu mentakrifkan riba sebagai bunga wang dan anak wang.¹⁶ Manakala Kamus Al-Tullab Arab-Melayu mendefinisikan riba sebagai bunga hutang.¹⁷ Dalam al-Qur'an turut menggunakan perkataan *rabat* yang bererti bertambah dan subur. Hal ini dinyatakan dalam surah Al-Hajj, Ayat 5. Menurut kamus ekonomi pula, riba bermaksud konsep yang ada kaitan dengan agama, iaitu bunga yang dikenakan ke atas pinjaman. Tetapi pada masa sekarang, ia hanya dimaksudkan bagi kadar faedah yang dikenakan terlalu tinggi, lebih tinggi daripada kadar faedah ekonomi yang sepatutnya.¹⁸

Riba dalam ilmu ekonomi, bermaksud jumlah bayaran wang yang dilakukan oleh pihak yang menerima hutang sebagai tambahan ke atas jumlah wang yang dipinjamnya mengikut beberapa syarat khusus yang dikenakan sebelum menerima wang pinjaman.¹⁹ Riba dalam istilah fiqh pula iaitu suatu tambahan sama ada satu atau dua kepada keseimbangan homogenus yang ditukarkan, tanpa tambahan yang sama diberikan kepada pihak yang menerima pertukaran itu.²⁰

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa, riba ialah sejumlah bayaran yang dikenakan terhadap pinjaman pokok sebagai ganjaran terhadap masa pinjaman. Ia terdiri dari tiga unsur iaitu modal pokok, bayaran tambahan mengikut masa dan bayaran jumlah tambahan mengikut kadar yang

¹⁴ Ibrahim Unais dkk, 1972, *al-Mu'jam al-Wasit*, Kaherah: t.pt, hlm 320-321.

¹⁵ Noresah Bt. Baharom dkk, 2002, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 1137.

¹⁶ Zainal Abidin Safarwan dkk, 1995, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, Cetakan Pertama, hlm 1535.

¹⁷ Hussain Bin Unang, 1994, *Kamus al-Tullab Arab – Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, Cetakan Pertama, hlm 517.

¹⁸ *Kamus Ekonomi*, 1978, Petaling Jaya: Adabi Sdn. Bhd, Ed. Ke-2, hlm 1520.

¹⁹ Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, 1992, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Terj. Salahuddin Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. Ke-2, Cetakan Pertama, hlm 412.

²⁰ M. Umar Chapra, 1990, *Ke Arah Sistem Kewangan Yang Adil*. Terj. Ismail Bin Omar, Kuala Lumpur: Dewan dan Pustaka, Cetakan Pertama, hlm 225.

telah dipersetujui. Oleh itu, segala urusniaga yang mempunyai ketiga-tiga unsur ini dikategorikan sebagai riba.

KONSEP RIBA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Para fuqaha telah memberikan takrif riba dari segi istilahnya dalam pelbagai versi. Mazhab Hanafi mentakrifkan riba sebagai lebihan bayaran dalam pertukaran harta, menjadikan lebihan itu tanpa ada tukaran. Sementara Mazhab Syafie mentakrifkan riba sebagai satu kontrak pertukaran harta tertentu yang tidak diketahui ada persamaan nilainya mengikut syarak, ketika kontrak diadakan atau berlakunya penangguhan penyerahan antara dua harta yang dikontrakkan atau salah satu daripadanya. Mazhab Hanbali mendefinisikannya sebagai ada lebihan dalam pertukaran sesuatu, atau ada penangguhan bayaran dalam pertukaran barang-barang tertentu.²¹

Berdasarkan takrifan yang diberikan di atas, dapatlah difahami bahawa kontrak yang membawa kepada riba itu meliputi adanya lebihan salah satu harta (barang yang sejenis) dalam pertukaran yang disebut riba *al-Fadhl*. Wujud atau terjadinya pembayaran lebih daripada hutang asal disebabkan penangguhan bayaran yang dipanggil riba *al-Nasi'ah*, atau berlaku penangguhan serahan pertukaran salah satu daripada barang tertentu yang dikontrakkan seperti riba *al-Yad* (bercerai dari tempat akad sebelum timbang terima).²² Ada sesetengah ulama menyatakan aktiviti meminjam dengan syarat keuntungan (sama ada bentuk perolehan atau manfaat) bagi pemutang, dikategorikan sebagai riba *al-Qardh*.²³

Suatu ketika dahulu terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan ulama sama ada riba yang disebut oleh Islam merujuk kepada perkataan Inggeris *interest* (faedah) ataupun *usury*.²⁴ Jika diteliti semula maksud perkataan faedah dan *usury* pada masa sekarang, maka faedah adalah wang yang dibayar pada kadar yang tetap. Manakala *usury* pula adalah kadar faedah yang berlebihan atau terlalu tinggi dikenakan kepada

²¹ Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *op.cit*, hlm 206.

²² *Ibid.*

²³ Haron Din, 1988, *Manusia & Islam*, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd., Ed. Ke-3, hlm 457.

²⁴ "Interest - The price paid by a borrower for the use of money called the principal. Simple interest is calculated at a fixed rate for a definite time, generally a year. Compound interest is calculated by adding the interest as soon as it becomes due to the principal of the loan, and charging interest on the enhanced sum for the next period.

Legal interest is the interest which will be added to over-due obligations as a matter of law, if no other arrangement is made. Lawful interest is the maximum interest which maybe charged by contract. Any interest beyond this maximum is *usury*'. – Lihat Sinha & Dheeraj, 1996, *Legal Dictionary*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, hlm 104-105.

peminjam dan kadar ini biasanya dianggap kadar yang tidak sah di sisi undang-undang.

Menggunakan definisi tersebut, ada sesetengah ilmuan Islam berpendapat bahawa Islam melarang umatnya memakan *usury* dan bukannya faedah. Kumpulan ini juga berpendapat bahawa *interest* yang diterima melalui pinjaman yang dikeluarkan untuk pelaburan dan aktiviti yang produktif tidak bertentangan dengan al-Qur'an. Apa yang disebut di dalam al-Qur'an adalah riba ke atas pinjaman yang tidak produktif yang wujud pada zaman sebelum Islam. Selain itu, kumpulan ini berpendapat bahawa pada zaman sebelum kedatangan Islam, orang ramai tidak mengetahui apakah pinjaman yang produktif dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi.²⁵ Walau bagaimanapun, dari segi penghujahan nas syarak telah wujud persamaan pendapat antara tokoh ilmuan dan ulama' masa kini mengenai perkataan riba adalah meliputi kedua-dua perkataan *interest* dan *usury*. Ini bermakna dalam Islam tiada riba yang sah dan juga riba yang keterlaluan dari segi undang-undang. Riba tetap riba tanpa mengambil kira sedikit atau banyak jumlahnya.

Pada tahun 1965 suatu ketetapan telah dicapai melalui persidangan tahunan kedua Kolej Penyelidikan Islam, Universiti Al-Azhar Mesir, bahawa faedah yang dikenakan ke atas semua jenis pinjaman oleh bank-bank adalah riba tanpa mengira sama ada pinjaman itu untuk penggunaan peribadi atau untuk perkara-perkara yang produktif. Begitu juga dari segi jumlahnya - kecil atau besar jumlah faedah yang dikenakan, hukumnya tetap haram.²⁶

Pada dasarnya, amalan riba dianggap sebagai suatu sistem yang tidak berakhlik dan sangat memeras masyarakat. Ia merupakan platform yang menjadikan golongan mewah bertambah kaya dan golongan miskin semakin papa kerana bank mestilah bertindak demi kepentingan golongan berada, kerana sumber daripada mereka yang paling utama daripada keuntungan mana-mana bank. Ia juga mewujudkan ketidakseimbangan dalam pelbagai sektor ekonomi yang mengakibatkan mekanisme pengagihan dan pemilikan tidak berfungsi. Selain risiko inflasi,²⁷ kekayaan oleh golongan tertentu akan mengabaikan pelaburan

²⁵ Sudin Haron, 1996, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. Cetakan Pertama, hlm 207.

²⁶ *Ibid*, hlm 208.

²⁷ Kemerosotan nilai mata wang kerana banyaknya wang yang beredar dan menyebabkan harga barang-barang naik. Keadaan harga barang bertambah tinggi disebabkan bertambahnya kuasa membeli. Lihat Noresah Bt. Baharom dkk, 2002, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 490.

jangka panjang yang penting oleh sektor swasta, yang akhirnya Kerajaan perlu menanggung beban tersebut. Scenario ini akan mewujudkan jurang perpecahan dalam sistem perhubungan manusia dalam kalangan masyarakat, baik individu maupun institusi. Lantas menjadikan modal (wang) menguasai nasib orang ramai, sedangkan orang ramailah yang sepatutnya menguasai modal untuk kepentingan sejagat.²⁸

Riba diharamkan atas dasar bahawa segala perbendaharaan di dunia adalah milik Allah S.W.T. yang dikurniakan kepada manusia. Segala makhluk termasuk manusia merupakan para pengguna kepada pemberian-Nya. Oleh itu, Allah S.W.T menyeru agar manusia menggunakan segala anugerah seperti pokok-pokok, hasil bumi dan sebagainya dengan semangat kerjasama. Tiada sifat tamak, monopolii atau manipulasi, mementingkan diri dan sebagainya kerana semuanya adalah milik Allah S.W.T.²⁹

ASAS PENGHARAMAN RIBA

Adalah ditegaskan bahawa riba berlaku disebabkan pembayaran lebih kepada hutang dan harga barang kerana kelewatan bayaran selepas masanya sampai, juga lebihan terjadi pada salah satu barang dalam pertukaran dua barang yang sama jenisnya dan riba boleh wujud oleh kerana penipuan keterlaluan terhadap harga barang.³⁰ Justeru, apakah asas pengharaman riba? Seorang cendekiawan ekonomi iaitu Khurshid Ahmad menghuraikan tiga justifikasi asas pengharaman riba.³¹

Pertama, wang ialah alat pertukaran (komoditi dan perkhidmatan), ukuran dan kekayaan. Wang secara tabi'i bukanlah suatu benda yang boleh bertambah dan menghasilkan sesuatu. Wang tidak boleh bertambah secara sendirian. Wang sebagai satu 'stor nilai' tetap, sama ada semasa berada di tangan si peminjam atau pemutang. Pemutang biasanya meminjamkan wang yang tidak diperlukannya pada waktu-waktu yang tertentu. Oleh itu, dia tidak mengorbankan apa-apa yang bernilai dengan memberikan pinjaman tersebut. Inilah sebabnya mengapa riba diharamkan kerana wang secara sendirinya tidak melahirkan apa-apa hasil.³²

²⁸ Azlan Khalili Shamsuddin, 2000, *Riba: Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm 5-6.

²⁹ Yusof al-Qardhawi, 2000, Terj. Ustaz Mohammad Zaini Yahaya, *Ciri-ciri Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, Selangor : Penerbitan Seribu Dinar, hlm 320-324.

³⁰ Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *op.cit*, hlm 208.

³¹ Ucapan pada the *International Conference on Islamic Banking and Finance*, September 1986, Washington D.C.

³² Saud, M.A., 1957, "The Islamic View of Riba", *The Islamic Review*, Ed. Februari, hlm 14.

Kedua, modal adalah produktif tetapi modal tidak harus ditetapkan, sebaliknya untung dan rugi hendaklah dikongsi bersama (*Lost Profit Sharing*). Nilai semasa modal di mana-mana negara, adalah dengan perdagangan harta seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan untung dan ini akan terus beroperasi, tidak kira sama ada kaedah faedah (riba) naik ataupun turun. Orang ramai akan terus menyimpan dan membina modal mereka walaupun kadar faedah akan jatuh kepada kosong.

Menurut Keynes, ganjaran dan kepuasan yang seseorang individu dapat daripada modal yang berada di bawah penguasaannya adalah jauh mengatasi prospek penghasilan yang boleh didapati daripada pelaburan modal tersebut. Oleh yang demikian, menyimpan untuk maksud membina modal akan terus berjalan, walaupun satu tahap akan sampai apabila tiada langsung faedah diberi kepada pinjaman. Keynes juga menegaskan bahawa kenaikan kadar faedah yang tidak terkawal akan merentangkan kadar pelaburan, kerana satu kadar faedah akan mencacatkan aktiviti industri dan secara tidak langsung, mempengaruhi pendapatan individu yang merupakan sumber modal untuknya. Wujudnya kredit amat penting untuk kemajuan industri, dan jika penggunaan yang sepenuhnya dibolehkan oleh penggunaan kredit melalui satu cara yang dapat menentukan guna tenaga penuh, pendapatan nasional sudah tentu akan bertambah dan modal akan terkumpul pada individu. Dalam keadaan seperti itu, kadar faedah akan jatuh kepada kosong.³³

Ketiga, pertumbuhan ekonomi sepatutnya stabil dan tidak secara *superficial* (andaian kasar atau spekulasi). Boleh ditegaskan bahawa faedah ialah satu faktor terpenting yang mengakibatkan ekonomi tidak stabil dalam sistem kapitalis. Milton Friedmann sewaktu disoal tentang punca berlakunya perkara-perkara tidak menentu dalam ekonomi Amerika adalah disebabkan oleh kadar faedah yang juga tidak menentu.³⁴ Iacocoa, penggerusi Chrysler Corporation memerhatikan bahawa kadar faedah telah berubah dan keadaan menjadi tidak menentu sehingga tiada siapa yang boleh merancang untuk masa depan.³⁵ Sedangkan menurut pendapat Prof R. F. Harrod, pada asasnya ekonomi dapat distabilkan jika modal dan perusahaan produktif didasarkan pada guna tenaga yang penuh.³⁶

³³ *Ibid*, hlm 10-11.

³⁴ Friedmann, M., 1984, "The Yo-Yo U.S. Economy", *Newsweek*, Ed. 15 Februari, hlm 4.

³⁵ Iacocoa, L.A., 1982, "How to Cut Interest Rates", *Newsweek*, Ed. 15 Ogos, hlm 4.

³⁶ Harrod, R.F., t.th, *Towards a Dynamic Economics*, t.pt, hlm 146.

PERBEZAAN ANTARA KEUNTUNGAN JUAL BELI DAN RIBA

Orang-orang Arab Jahiliah berpendapat bahawa keuntungan jual beli sama sahaja dengan riba. Namun, Allah S.W.T. menjelaskan keuntungan yang didapati daripada jual beli adalah tidak sama dengan pendapatan riba.³⁷ Perbezaan yang dapat digariskan antaranya ialah pertama, pertukaran yang berlaku dalam kontrak jual beli, adalah sama-sama mendapat manfaat yang setimpal antara pembeli dengan penjual. Pembeli menerima barang dan penjual menerima harga. Keuntungan yang didapati oleh penjual adalah hasil usahanya untuk mendapatkan barang dan menggunakan modalnya, kemudian dijualnya kepada pembeli.³⁸ Ia berlaku sebaliknya dalam amalan riba, iaitu pemutang (orang yang memberi hutang) mengambil lebih daripada penghutang (orang yang berhutang) untuk manfaatnya, sedangkan penghutang tidak mendapat manfaat daripada pemutangnya kecuali penangguhan masa pembayaran sahaja. Kemungkinan ia mendapat manfaat daripada penangguhan masa itu, dan kemungkinannya tidak jika hutang itu digunakan untuk membiayai keperluan asasi.

Kedua, keuntungan yang diambil oleh penjual daripada pembeli hanya sekali dan ia tidak berulang. Ini berbeza dengan riba kerana pemutang dapat mengambil lebih secara berterusan selama hutangnya tidak dilunasi, sedangkan penghutang dapat menggunakan manfaat hutangnya hanya sekali. Contohnya, kedai pajak. Orang yang berhutang akan terus membayar bunganya selagi tidak dapat menebus hutang pajakannya.

Ketiga, keuntungan yang didapati dalam kontrak jual beli adalah melalui kontrak yang sah antara dua barang yang berlainan tetapi matlamat manfaatnya berbeza, misalnya kontrak jual beli antara makanan dan wang. Sedangkan hutang bukannya suatu kontrak jual beli pada hakikatnya, kerana pulangan adalah barang yang sama tidak lebih dan tidak pula kurang, kalau dibayar lebih bermaksud tidak ada perkara yang mengimbanginya.

Keempat, dalam menjalankan perniagaan, pertanian dan perusahaan, manusia menggunakan tenaga dan waktu untuk mendapatkan balasan usahanya, yang menjadi asas untuk mendapatkan keuntungan. Sedangkan pemutang yang menuntut lebih, tidak menggunakan tenaga atau masanya yang banyak. Ia hanya memadai dengan menghulurkan wang hutang kepada penghutangnya dan dia mendapat lebihannya.

³⁷ Surah al-Baqarah : 275.

³⁸ Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *op.cit*, hlm 211-213.

Dengan mengambil yang lebih itu, seolah-olah ia merampas usaha hak orang lain.

Kelima, urusan jual beli akan berakhir dengan berlakunya penerimaan barang oleh pembeli dan penyerahan harga kepada penjual. Tanggungjawab kedua-duanya selesai dengan berlakunya penyerahan itu. Sedangkan riba tidak terlepas daripada tanggungannya dengan hanya membayar hutang yang diambilnya. Ia masih menanggung faedah tambahan untuk dibayar dan ia membebankan.

Keenam, umum mengetahui bahawa urusan jual beli dan perniagaan dipenuhi dengan risiko; risiko penurunan harga atau kekurangan barang atau risiko kemusnahan barang. Tetapi semua ini tidak berlaku pada riba, kerana modal yang diberi hutang itu kekal.³⁹

RIBA – TERAS OPERASI SISTEM KAPITALIS

Penghapusan faedah dan mengantikannya dengan kaedah perkongsian untung menurut nisbah yang adil di antara pemodal dan pengusaha boleh menghindarkan satu sumber yang tidak tentu dan tidak adil. Seterusnya, ia lebih menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan. Dengan menjadikan penyimpan sebagai pengusaha, risiko-risiko perdagangan akan dapat dibahagikan secara lebih saksama dan dengan itu, iklim pelaburan dapat diperbaiki. Perusahaan yang lebih produktif akan membawa pelaburan yang bertambah.⁴⁰

Malangnya ini tidak berlaku dalam teras operasi sistem kapitalis. Dengan meneruskan sistem faedah, bank moden secara tidak langsung memburukkan lagi masalah pengangguran. Seorang kapitalis akan enggan untuk melabur, apabila kadar pulangan pelaburan itu adalah lebih rendah atau kurang daripada kadar faedah semasa. Contohnya, jika kadar faedah semasa ialah 4% dan katakanlah wang dilaburkan dalam projek tali air yang secara tidak langsung cuma menghasilkan 3% faedah kepadaanya. Menurut pandangan umum kapitalis, projek tali air itu tidak produktif. Wang tidak akan dilaburkan kepada aktiviti seumpama itu sekalipun jelas betapa bergunanya projek tersebut kepada masyarakat.

Kesannya, sumber-sumber kawasan itu akan dibiarkan dan tidak dieksloitasi. Lorong-lorong guna tenaga akan menjadi semakin kecil. Keynes secara nyata mengakui bahawa kadar faedah memainkan

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Karsten, I., 1982, "Islam & Financial Intermediation", *IMF Staff Papers*, Ed. Mac, hlm 29-36.

peranan tertentu dalam meletakkan satu piawaian kepada tahap guna tenaga, kerana kecekapan marginal modal ditarik oleh kadar faedah. Menurutnya, kadar faedah wang dalam menentukan corak langkah untuk semua komoditi kadar bunga yang lain, menarik balik pelaburan dalam pengeluaran komoditi-komoditi yang lain ini tanpa berkeupayaan untuk menggalakkan pelaburan untuk pengeluaran wang, yang menurut hipotesis, tidak boleh dilakukan.⁴¹

Islam mlarang faedah kerana ia tidak ada kena mengena malahan tidak mempengaruhi jumlah simpanan. Faedah sekadar menjadikan kemelesetan bertambah kronik, kerana operasinya memburukkan lagi masalah pengangguran (seperti kes di atas) dan seterusnya membawa kepada pembahagiaankekayaan yang tidak adil dalam masyarakat. Bank-bank moden mengenakan faedah tanpa menghiraukan keuntungan atau kerugian kepada ahli perniagaan. Sebaliknya, satu usaha tersusun dilakukan untuk memajukan kepentingan golongan kaya. Oleh yang demikian, sistem ini menghapuskan keupayaan untuk menegakkan keseimbangan ekonomi dalam negara dengan mengenakan zakat kepada tabungan yang berlebihan.⁴²

KETIDAKTENTUAN TRANSAKSI KEWANGAN

Setakat pengamatan penulis, sesuatu yang agak mengelirukan dalam memahami piawaian penentuan nilai mata wang. Jika diperhatikan secara logik, wang hanyalah kertas yang menjadi media pertukaran dan diakui sah oleh Kerajaan untuk diperlakukan dengan nilai-nilai tertentu. Penggunaan mata wang yang sama menjadikan segala urus niaga konsisten tanpa kemosykilan kadar nilai. Kedudukan nilai mata wang turut stabil jika keadaan politik, sosial dan geografi sesuatu negara tidak berhadapan dengan krisis perkauman atau perang saudara, serangan penyakit dan bencana alam, kerana kesemuanya itu boleh menarik perhatian hartawan dunia untuk melabur dalam projek mega ekonomi tempatan. Kemajuan perdagangan sesebuah negara akan berjalan lancar jika tiada permusuhan di arena politik antarabangsa seperti sekatan ekonomi, peperangan, sensitiviti agama dan lain-lain faktor yang menghalang kesinambungan kerjasama antara negara-negara terbabit.

Namun hakikatnya, piawaian nilai yang berbeza-beza di antara mata wang seperti dolar Amerika, dolar Australia, yen Jepun, pound sterling Britain, euro Eropah, renminbi China dan swiss franc Switzerland merupakan

⁴¹ Mannan, M. A., t.th. *Islamic Economics: Theory & Practice*, t.pt., hlm 229-231.

⁴² *Ibid.*

tujuh mata wang dunia yang mempengaruhi dan menentukan kadar nilai mata wang negara-negara lain. Bahkan terdapat negara seperti Vietnam yang tidak menggunakan mata wangnya sendiri sebagai media urus niaga, sebaliknya menjadikan dolar Amerika dalam setiap transaksi.⁴³ Senario ini menyebabkan kita terfikir, apakah faktor-faktor khusus, tetap dan stabil yang menentukan nilai mata wang sebuah negara boleh meningkat atau menurun, sekalipun jika kuasa-kuasa dunia ini ingin bertindak secara tidak adil ke atas negara-negara yang menjadi seterunya. Permasalahan lain seperti pengukuran nilai wang dengan jumlah sesuatu barang, sejauh mana ia mampu dikekalkan. Contohnya, sebelum ini dengan kos RM5,000.00 kita dapat membeli dua buah motorsikal tetapi kini dengan kos yang sama hanya mampu membeli sebuah motosikal sahaja. Memandangkan aspek ini memerlukan perincian ilmu ekonomi, maka penulis hanya membahaskan secara ringkas konsep wang itu sendiri.

Kebanyakan penulis ekonomi mentakrifkan wang mengikut empat fungsi klasiknya: alat pertukaran, pengukur nilai, penyimpan nilai dan media bayaran tertunda. Terhapusnya bunga (riba) dan pengenaan zakat menjadikan pemegangan tunai untuk tujuan spekulasi akan lenyap, dan hal ini akan meluaskan fungsi utama wang sebagai media pertukaran. Pembekuan wang ialah akar kepada turun naik permintaan wang yang akan menyebabkan kitaran perniagaan. Wang mengalami susut nilai seperti juga aset-aset lain. Susut nilai ini berlaku 2.5% setiap tahun (iaitu disusutkan dengan kadar 2.5% zakat). Penyusutan ini akan menjadikan wang terus beredar tanpa berlakunya pembekuan. Hal ini menyebabkan wang terus berperanan penting sebagai media pertukaran dan penyimpan nilai stabil. Walau bagaimanapun, dasar kewangan masih diperlukan bagi menjamin kestabilannya.⁴⁴

Wang satu-satunya alat pengukur nilai yang tidak tetap, tidak seperti alat-alat pengukur yang lain, seperti meter, tan, hektar dan sebagainya. Anehnya sejak sekian lama manusia masih tidak dapat menyediakan wang dengan nilai yang stabil. Abu Daud menyorot kegagalan ini berpunca daripada kesalahan fungsi wang sebagai media pertukaran. Membenarkan inividu memegangnya tanpa pengenaan kos dan menciptanya dengan hanya melalui penciptaan kredit (pinjaman). Memegang wang juga membawa maksud menangguhkan sebahagian daripada urus niaga pertukaran. Untuk menjadikan wang sebagai

⁴³ Temubual bersama Prof. Madya Dr. Rohimi Shapiee, Timbalan Dekan (HEP), Fakulti Undang-Undang UKM, pada 23 Oktober 2007 jam 11.00 pagi.

⁴⁴ Surtahman Kastin Hasnan & Sanep Ahmad, 2005, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm 221.

penyimpan nilai, maka wang perlulah digerakkan ke arah fungsi utamanya sebagai media pertukaran. Fungsi wang sebagai pembayaran tertunda berkait dengan fungsi media pertukaran dan penyimpan nilai. Kemampuan wang untuk mengekalkan kuasa beli dan nilainya akan menjamin prestasi keuntungan pemutang. Walau bagaimanapun, kenaikan paras harga umum atau inflasi akan mengakibatkan kerugian kepada pemutang, sedangkan punca inflasi ialah adanya kadar bunga dan penciptaan kredit.⁴⁵

Chapra menegaskan permintaan terhadap wang secara asasnya ditentukan oleh tujuan urus niaga dan awasan (monopoli). Pemegangan wang bagi tujuan spekulasi menjadi kurang penting dalam ekonomi Islam jika dibandingkan dengan ekonomi lazim. Seterusnya, Metwally menegaskan permintaan wang bagi tujuan ini (spekulasi) tidak harus wujud kerana Islam tidak membenarkan spekulasi. Penciptaan wang dalam ekonomi tanpa riba adalah berorientasikan pelaburan (*Lost Profit Sharing*) dan bukan berorientasikan pinjaman. Keadaan ini ditambah dengan pengurusan keselamatan dan kebajikan sosial yang wujud dalam masyarakat Islam menyebabkan keperluan permintaan wang bagi tujuan awasan akan berkurangan.⁴⁶

Kesimpulannya, senario spekulasi kewangan dunia kini dan kedudukannya yang tidak menentu sudah pasti memberikan kesan dalam transaksi biasa jual beli. Sama ada ianya merupakan kadar untung yang diperakui oleh Islam atau pengaruh riba disebabkan campur tangan kuasa-kuasa dunia, adalah di luar kemampuan kita mengawalnya. Kita dapat melihat beberapa platform perdagangan yang dimiliki oleh kuasa dunia seperti Dana Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund - IMF*) dan Bank Dunia *International Bank for Reconstruction and Development (World Bank)* yang semestinya akan berurus secara riba dengan negara kita. Tambahan pula dengan kongkongan sistem kapitalis sudah pasti tidak sekali-kali menarik golongan kapitalis untuk melaksanakan alternatif perbankan tanpa faedah, kerana faedah itu sendirilah asas kewujudan sistem ekonomi kapitalis.

NILAI MASA WANG DALAM SKIM PERBANKAN ISLAM

Berkenaan topik ini, penulis memetik secara langsung kenyataan daripada saudara Muhammad Hisyam Bin Mohamad yang merupakan Fellow di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Beliau menyatakan:⁴⁷

⁴⁵ *Ibid*, hlm 222.

⁴⁶ *Ibid*.

⁴⁷ Institut Kefahaman Islam Malaysia, (27.10.2007)
http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1431&cmd=resetall.

“Teras utama konsep nilai masa wang ialah nilai wang yang kita miliki sekarang tidak akan sama dengan nilainya pada masa hadapan. Nilai masa hadapan wang tadi mungkin bertambah jika ia dilaburkan dan memperolehi keuntungan. Ia juga mungkin berkurangan atas sebab tekanan inflasi atau risiko lain seperti penghutang tidak membayar balik wang yang dipinjam.

“Berdasarkan kepada unsur kos melepas dan risiko inilah, maka pihak perbankan konvensional mengenakan kadar faedah ke atas pinjaman yang diberikan kepada pengguna sebagai timbal balik kepada nilai masa wang yang sepatutnya ada pada mereka. Bagaimanapun faktor nilai masa wang ini bukan hanya diamalkan dalam sistem perbankan konvensional. Ia turut digunakan dalam skim perbankan Islam. Cuma cara penggunaan unsur ini adalah berlainan daripada pendekatan yang diambil oleh perbankan konvensional.

“Jika dalam perbankan konvensional, kadar faedah ke atas pinjaman menjadi galang ganti kepada nilai masa yang hilang, akan tetapi dalam perbankan Islam, galang gantinya ialah keuntungan daripada akad jualan. Hal ini adalah disebabkan kerana asas pinjaman adalah tidak atau jarang digunakan dalam perbankan Islam. Sebaliknya, semua adalah berdasarkan akad jualan walaupun secara kasarnya pelanggan seolah-olah meminjam daripada pihak bank untuk membuat pembelian rumah rumah, pembelian kereta mahupun untuk keperluan peribadi. Sebagai contoh, untuk pembiayaan aset tetap seperti bangunan atau rumah, skim perbankan Islam menggunakan konsep *Istisna'* dan *Ijarah Muntahiya bi al-Tamlik* atau *Musharakah Muntaniqah*. Manakala untuk pembiayaan peralatan atau mesin platform *ijarah thumma al-bai'* digunakan. Bagi pembiayaan peribadi pula digunakan akad *bay' al-inah*.

“Jadi adalah tidak tepat jika kita mengatakan bahawa skim perbankan Islam sama dengan perbankan konvesional dari segi amalannya kerana semua urusan dalam perbankan Islam menggunakan akad-akad perniagaan yang diharuskan agama Islam seperti kontrak jual beli manakala perbankan konvensional adalah berdasarkan riba semata-mata atas sebab wujud penangguhan pembayaran (*riba al-nasiah*).

“Apa yang jelas, kebanyakan keuntungan yang dijana oleh skim perbankan Islam adalah dihasilkan melalui urusan jual beli iaitu jual beli bertangguh atau jual beli secara berhutang (kredit). Kaedah jual beli sebegini adalah sesuatu yang dibenarkan.

“Dalil yang mengharuskan keuntungan diambil menerusi jual beli secara bertangguh (jual beli secara kredit) ini ialah pertamanya corak jual beli sebegini menggalakkan usaha perdagangan kerana ia memenuhi kehendak biasa masyarakat kerana mereka tidak perlu mengeluarkan modal terlebih dahulu untuk mendapatkan sesuatu keperluan atau barang. Sebaliknya harga tadi boleh dibayar kemudian, baik secara ansuran atau sekaligus.”

BAI' AL-MUAJJAL DAN FAEDAH (RIBA)

Beberapa kekeliruan, keraguan dan salah faham telah timbul terhadap akad perdagangan Islam iaitu *Bai' al-Muajjal*. Kadar perdagangan yang merupakan satu penjualan terhadap pembayaran bertangguh, sama ada dalam jumlah yang besar ataupun secara ansuran ini, telah dianggap sebagai tidak berbeza dengan faedah, malahan dikatakan sebagai faedah yang disamarkan.⁴⁸

Bai' al-Muajjal yang dilaksanakan oleh Majlis Ideologi Islam Pakistan (CII) adalah menurut kaedah *al-Murabahah*. Menurut kaedah ini, dalam perjanjian yang dibuat, pihak bank akan membeli barang yang dikehendaki oleh pelanggannya yang memerlukan pembiayaan dan kemudiannya menjualkan barang itu kepada pelanggan tersebut pada harga yang dipersetujui. Harga tersebut adalah termasuk keuntungan yang diterima oleh bank. Pembiayaan semula adalah bergantung pada persetujuan yang telah dibuat, sama ada secara tunai ataupun ansuran.

Kaedah yang digunakan ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan faedah. Perbezaan tersebut pertamanya ialah dalam perjanjian penjualan menurut kaedah *Bai' al-Muajjal*, pertukaran untung di antara pembeli dengan penjual berlaku atas dasar yang seimbang. Pembeli mengambil manfaat daripada barang yang telah dibeli olehnya daripada penjual, dan penjual mendapat imbuhan daripada usaha, pemikiran serta masa yang telah dikorbankan bagi menghasilkan barang untuk pembeli

⁴⁸ Kur'an, T., 1986, “The Economic System in Contemporary Islamic Thought: Interpretation and Assessment”, *International Journal of Middle East Studies*, Ed. 18, hlm 157.

berkenaan. Sebaliknya, dalam satu perjanjian yang berdasarkan faedah pertukaran untung tidak berlaku atas dasar tersebut. Penerima faedah mengambil satu jumlah harta yang telah ditetapkan sebagai satu manfaat tetap untuk dirinya. Tetapi pembayar faedah mendapat satu jangka waktu sahaja, yang produktivitinya tidak menentu. Oleh itu, perjanjian mengikut kaedah riba adalah didasarkan sama ada kepada keuntungan satu pihak dan kerugian pihak yang lain, ataupun keuntungan yang tentu dan tetap untuk satu pihak dan untung yang tidak tentu dan tidak tetap ke atas pihak yang lain.⁴⁹

Kedua, dalam proses tawar-menawar perdagangan berdasarkan *Bai' al-Muajjal*, penjual mengambil untung daripada pembeli cuma sekali, walau betapa tinggi keuntungan itu boleh diperolehi. Berbeza dalam hal faedah, pemutang terus menerima untung ke atas pinjaman asas dan kadar untungnya terus bertambah dengan perjalanan masa (seperti dalam faedah kompoun). Segala keuntungan yang diperolehi oleh pemutang telahpun diperolehi daripada kadar asas. Keuntungan itu tidak mengatasi jumlah tertentu, tetapi keuntungan pemutang perolehi daripada kadar asas itu tidak ada akhirnya. Keuntungan kepada pemutang boleh menyerap dan membolot keseluruhan pendapatan, sumber gaji, malahan rumah tangga si peminjam, tetapi ia masih belum berakhir.

Ketiga, dalam *Bai' al-Muajjal*, seorang penjual mendapat untung dengan melaburkan tenaga dan kebijaksanaannya kerana risiko untuk perjanjian tersebut dipikul oleh ahli penyedia dana berkenaan hinggalah hak milik telah berpindah kepada pelanggan tersebut. Penjual perlu menandatangani dua kontrak yang berbeza, satu dengan pengeluaran dan yang satu lagi dengan pelanggan tersebut bagi menjamin kesahihan perjanjian berkenaan. Penyedia dana itu tidak sah mempunyai satu kontrak sahaja dengan si pembeli, kerana ini akan menjadikan satu-satunya khidmat penyedia dana itu cuma untuk membayar jumlah tersebut kepada pengeluarnya bagi pihak pembeli yang menyebabkan ianya tidak berbeza daripada satu perdagangan yang berdasarkan faedah. Akan tetapi, dalam perdagangan riba, penyedia dana berkenaan akan meminjamkan modalnya yang berlebihan dan tanpa melaksanakan sebarang pentadbiran yang diperlukan untuk pembelian tersebut sehinggalah segala barang itu telah diantar kepada pembelinya. Dia akan mendapat keuntungan melalui bunga dalam perjanjian perdagangan berkenaan.

⁴⁹ Azlan Khalili Shamsuddin, 2000, *Riba: Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm 15-17.

Keempat, walaupun pembeli tersebut mesti membayar harga asal barang itu dan juga keuntungan yang telah ditentukan terlebih dahulu oleh penyedia dana, dengan suatu jumlah yang besar ataupun melalui ansuran, dalam satu jangka waktu yang tertentu dan yang telah dipersetujui, tindakan tersebut adalah berbeza daripada amalan yang dilakukan pada masa kini iaitu membayar ansuran melalui bank yang mengenakan kadar faedah menurut satu jangka yang tertentu, bulanan ataupun tahunan. Tambahan pula, penyedia dana tidak mempunyai hak untuk mendapatkan untung yang lebih daripada kadar yang telah dipersetujui. Ini berbeza dengan sistem faedah iaitu sekiranya pembeli gagal untuk menjelaskan dalam masa yang telah ditentukan, kadar faedah yang ditetapkan akan terus bertambah melalui faedah kompoun sehingga pembeli itu diisyiharkan muflis.⁵⁰

PENJELASAN RINGKAS BEBERAPA KEKELIRUAN LAIN

Terdapat beberapa isu yang menjadi kekeliruan dalam kalangan sesetengah individu dan kadang-kala mudah tersilap faham dalam membuat penilaian. Antaranya permasalahan jual beli ansuran yang dikenali sebagai *Bai' al-Taqsith*, isu ganti rugi atau bayaran denda disebabkan kelewatan atau dikenali sebagai *ta'widh* dan isu potongan kadar hutang (*rebate* atau *ibra'*) dalam transaksi *Dha' wa Ta'ajjal*.

Sebenarnya isu *Bai' al-Taqsith* dan *Dha' wa Ta'ajjal* adalah berkait rapat kerana rentetan daripada urus niaga yang sama. *Bai' al-Taqsith* adalah jual beli ansuran yang berbeza harganya berbanding harga tunai. Secara umumnya, kelihatan seolah-olah penjual mengaut untung berganda ekoran tangguhan bayaran berbanding harga tunai yang dibayar sekaligus. Perbezaan harga ini adalah diharuskan kerana ia tidak melibatkan kekeliruan dalam penetapan kadar harga bagi bayaran secara ansuran. Semasa majlis akad *Bai' al-Taqsith*, akan berlaku proses tawar-menawar sehingga tercapai pada harga yang dipersetujui (sekalipun zahirnya ia lebih mahal berbanding harga tunai) dan perlu dijelaskan juga pada tempoh yang telah dipersetujui. Pembeli hanya membuat bayaran secara bertangguh dalam tempoh dan pada harga yang dipersetujui tersebut yang sudah tiada sebarang tambahan bayaran lain.⁵¹

Rasional harga ansuran lebih mahal berbanding harga tunai ialah sebagai mengimbangi risiko di pihak penjual yang perlu mengawasi putaran modal bagi menjamin kesinambungan operasi perniagaan.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Mustafa al-Khin dkk, 1998, *al-Fiqh al-Manhaji*, Beirut: Dar al-Qalam, Jil. 3, hlm 33-34.

Sekiranya tiada sebarang lebihan daripada jual beli ansuran (sedangkan sepatutnya penjual boleh mendapat duit sekaligus jika dibayar secara tunai) mengakibatkan perancangan modalnya pincang ekoran bayaran secara bertangguh itu. Senario ini sudah pasti menganiaya ke atas penjual dan risiko ini tidak perlu ditanggung oleh pembeli.

Berkenaan *Dha' wa Ta'ajjal* adalah melibatkan masalah pembayaran hutang yang dikurangkan daripada jumlah hutang asalnya. Ibn Rushd mentakrifkannya sebagai pemutang mengurangkan hutangnya dengan mengambil kadar bayaran yang kurang daripada jumlah asal hutang tersebut. Sesetengah ulama seperti Imam Malik, Abu Hanifah dan Sufyan al-Thawri tidak mengharuskan pengurangan kadar bayaran hutang ini. Tetapi pandangan Ibn Abbas, Zufar dan sesetengah pandangan fuqaha' Syafei membenarkan pengurangan hutang. Hakikatnya pendapat yang mengharuskan pembayaran kurang ini lebih dapat diterima kerana ia merupakan pengubahsuaihan terhadap jualan bertangguh secara hutang. Di mana jualan sesuatu secara hutang dengan tangguh bayaran pun diharuskan harganya lebih tinggi, maka tidak ada sebab bayaran segera hutang itu (iaitu mandahului tarikh matangnya atau *pre-payment*) tidak boleh dikurangkan kadar pembayaran harganya. Cara ini bertepatan dengan diskaun yang diamalkan dalam transaksi masa kini.⁵²

Dari sudut realiti amalan perbankan Islam adakah ianya menjadi kewajipan mengikat ke atas bank untuk menyediakan kemudahan *rebate* ini. Jawapannya ialah bank tidak berkewajipan untuk menyediakan kemudahan bayaran tersebut kerana ia bukanlah asas kontrak bagi mewajibkan bank berbuat demikian. Sebaliknya ia adalah terpulang kepada kuasa mutlak budi bicara bank sama ada ingin menyediakan kemudahan bayaran itu ataupun tidak. Senario ini adalah sama bagi pemberian hibah oleh bank kepada pelanggan akaun simpanan *al-wadi'ah* (amalan konvensional bagi akaun simpanan biasa adalah bayaran dividen) yang mana bank tidak berkewajipan untuk membuat bayaran hibah tersebut sekiranya keadaan tidak mengizinkan demikian. Sebaliknya dalam amalan konvensional bayaran dividen tetap perlu dijelaskan oleh bank sekalipun dalam saat kerugian.⁵³

Berkenaan isu *ta'widh* iaitu bayaran denda ekoran terlewat menjelaskan hutang, adakah menyamai sistem konvensional? Ganti rugi (*compensation*) yang dikenakan oleh Bank Islam adalah terhasil dari

⁵² Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *op.cit*, hlm 150-151.

⁵³ http://www.zaharuddin.net/index.php?option=com_content&task=view&id=301&Itemid=93 (28.10.2007).

proses jual beli dengan bayaran ansuran yang dijanjikan pada waktunya. Manakala penalti Bank Konvensional adalah hasil dari kontrak pinjaman semata-mata.⁵⁴

Menurut sebahagian ulama seperti Syeikh Mustafa Az-Zarqa, Syeikh Muhammad Sadiq Ad-Dharir, Sheikh Abdullah Bin Mani', Majlis Penasihat Shariah Bank Islam Jordan, dan Fatwa Persidangan Dallah al-Barakah,⁵⁵ menurut mereka keharusan ini adalah berdasarkan '*Masalih al-Mursalah*' dan tindakan mengenakan gantirugi ini adalah harus bagi menyekat orang ramai mempermainkan bank-bank Islam dengan sengaja tidak membayar atau melewatkhan bayaran walaupun di ketika mempunyai wang, ia dinamakan *Mumatiil* yang disebut oleh Baginda s.a.w.:

مظل الغني ظلم

Ertinya: "Penangguhan sengaja (dari membayar hutang) oleh orang yang berkemampuan adalah satu kezaliman" (Riwayat Al-Bukhari).

Justeru, pada ketika zaman lemahnya amanah manusia untuk membayar hutang mereka dan bagi menyekat mudarat besar dari berlaku terhadap bank-bank Islam dan juga pemutang, maka apabila bayaran ansuran yang dijanjikan tidak dilangsangkan pada waktunya, *ta'widh* (gantirugi) akan dikenakan. Sebahagian ulama mengharuskan jumlah gantirugi ini digunakan oleh Bank dengan syarat ianya adalah jumlah sebenar kerugian. Sebarang wang lebih dari kerugian sebenar tidak boleh digunakan oleh bank-bank Islam. Dari segi amalannya di Malaysia, kadar *ta'widh* itu adalah diputuskan oleh Bank Negara Malaysia sendiri dan bukannya ditentukan oleh panel-panel bank masing-masing. Kadar *ta'widh* tersebut adalah tetap iaitu sebanyak 1% sahaja.⁵⁶

Manakala sebahagian besar ulama lain berpendapat bahawa *ta'widh* yang dikenakan oleh Bank Islam ini (menurut majoriti ulama sedunia) adalah tidak boleh dimasukkan dalam pendapatan bank Islam, bahkan mestilah diagihkan untuk tujuan kebajikan kepada golongan fakir dan miskin sahaja. Inilah yang dilakukan oleh kebanyakan Bank-bank Islam di Malaysia seperti Asian Finance Bank Berhad, Kuwait Finance House, Ar-Rajhi Bank dan RHB Islamic Bank Berhad. Lazimnya bank-bank ini

⁵⁴ http://www.zaharuddin.net/index.php?option=com_content&task=view&id=539&Itemid=63 (28.10.2007).

⁵⁵ Dr. Muhyidin Al-Qurra Daghi, *Musykilat ad-Duyun al-Mutaakhirat*, International Shariah Dialogue, Bank Negara Malaysia, 08 Nov 2006.

⁵⁶ http://www.mytakaful-ikhlas.com/index.php?option=com_content&task=view&id=6&Itemid=1 (28.10.2007).

lebih cenderung untuk menuruti keputusan majoriti ahli Majlis Kesatuan Fiqh Sedunia. Konsep yang digunakan adalah konsep sedekahkan duit (*ta'widh = compensation*) kepada fakir miskin adalah dibuat atas konsep *iltizam al-tabarru'* yang disebut di dalam kitab Fiqh Mazhab Maliki. Ia bermakna semua pelanggan memberikan komitmen jika mereka gagal menunaikan janji untuk membuat pembayaran hutang kepada bank dalam waktu yang telah dipersetujui, mereka berjanji akan bersedekah dan melantik pihak bank untuk mengagihkannya.

Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa buah bank Islam di Malaysia mengambil pandangan ulama yang lebih ringan, iaitu mereka tidak menghadkan penggunaan wang *ta'widh* (*compensation & damages*) kepada fakir miskin sahaja. Justeru, sebahagian bank Islam mengambilnya dan digunakan untuk kegunaan mereka dalam keadaan terbatas. Perkara ini mungkin telah disahkan harus oleh Majlis Penasihat Shariah Bank masing-masing. Justeru, ia telah selesai dengan penilaian dan ijihad di peringkat majlis penasihat tersebut.⁵⁷

Sebenarnya konsep *ta'widh* sememangnya terpakai dalam semua bab gantirugi. Ia tidak terhad kepada aspek pembayaran *diat* bagi kes pembunuhan, bahkan termasuk bayaran pampasan bagi kes pembatalan perkahwinan. Di Malaysia peruntukan undang-undang bagi kes seumpama ini menyatakan “Jika seseorang telah mengikat suatu pertunangan mengikut hukum syarak, sama ada secara lisan atau secara bertulis dan sama ada secara bersendirian atau melalui seorang perantaraan, dan kemudian enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi itu tanpa apa-apa sebab yang sah manakala pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggungan memulangkan pemberian-pemberian pertunangan, jika ada, atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau untuk pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu, dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam Mahkamah.” Konteks pelaksanaan peruntukan ini adalah termasuk tuntutan ganti rugi dan juga sebagai menebus maruah kepada pihak yang telah dimungkiri.⁵⁸

KESIMPULAN

Secara umumnya, kita dapat memerhatikan bahawa unsur lebihan atau tambahan tanpa asas yang munasabah adalah riba yang tidak

⁵⁷ http://www.zaharuddin.net/index.php?option=com_content&task=view&id=539&Itemid=63 (28.10.2007).

⁵⁸ Seksyen 15, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003.

dipertikaikan. Keseimbangan urus niaga dalam memelihara hak penjual dan menjaga kepentingan pembeli, atau dalam konteks yang lebih luas iaitu antara pembekal dan pengguna yang saling memerlukan, merupakan teras urus niaga yang dibenarkan oleh Islam agar kemaslahatan dapat dinikmati sejagat. Prinsip perkongsian untung rugi (*Lost Profit Sharing*) dalam pelaburan dan amalan zakat adalah asas perbezaan sistem kapitalis yang hanya mementingkan golongan pemodal, walaupun dunia kini dikuasai oleh sistem tersebut.

Pengaruh lanjutan masa yang dikatakan mengakibatkan tambahan atau lebihan bayaran adalah berdasarkan syarat asal yang termaktub dalam kontrak perjanjian. Jika unsur tangguhan masa yang diminta oleh pelanggan menjadi asas bayaran, maka itulah riba. Tetapi jika kelewatan bayaran disebabkan kecuaian atau tindakan sengaja oleh pelanggan sehingga menganiaya pihak bank, maka *ta'widh* dikenakan pada kadar piawaian keseluruhan bank sebagai pengajaran ke atas pelanggan berkenaan yang mana bayaran itu pun pada dasarnya bukanlah demi kepentingan bank.

Secara praktikalnya, produk *Bai' al-Muajjal* atau *al-Murabahah* adalah kontrak yang sesuai bagi pembiayaan projek-projek mega kepada pelanggan yang terlibat dalam perniagaan. Bank memberikan pembiayaan modal pusingan (*working capital*) dan ia dilaksanakan melalui pembelian stok barang, bahan-bahan mentah, barang gantian, barang separuh siap dan sebagainya. Manakala sudut pembiayaan peribadi, produk *Qardh al-Hasan* adalah lebih tepat kerana ia merujuk kepada pinjaman tanpa faedah yang diberikan kepada pelanggan untuk kebajikan.⁵⁹ Berdasarkan prinsip pinjaman ini pelanggan hanya dikehendaki membayar hutangnya sebagaimana jumlah asal yang dipinjamkan dan bank tidak boleh memohon lebih daripada itu. Bagi pihak pelanggan adalah bebas sama ada ingin membayar balik hutang tersebut mengikut kadar yang dipinjamnya atau untuk membayar lebih daripadanya adalah terpulang kepada budi bicara pelanggan kepada bank. Prinsip ini juga dipakai oleh bank terhadap Sijil Pelaburan Kerajaan.⁶⁰ Produk ini ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad dan biasanya jumlah pinjaman yang diberikan sebanyak RM5,000.00 atau mengikut kadar gaji pelanggan setelah diyakini oleh pihak bank.

⁵⁹ Nor Mohd Yakop, 1996, *Teori Amalan Kewangan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm 93.

⁶⁰ Sudin Haron, 1996, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. Cetakan Pertama, hlm 78.

Kita mengharapkan dengan keghairahan masyarakat Malaysia tanpa mengira Muslim atau bukan Muslim, semakin memberikan reaksi positif kepada produk perbankan Islam. Sasaran usaha ini dapat diperluaskan demi kepentingan sangat dan membentuk iklim ekonomi yang lebih adil. Walaupun terdapat kongkongan oleh sistem kapitalis, kesedaran dan semangat masyarakat untuk berhijrah kepada produk Islamik adalah amat penting, kerana lama-kelamaan ia akan membentuk arus perdana yang bakal meninggalkan sistem kapitalis tanpa sebarang sokongan. Pendidikan dan pengajian rasmi perbankan Islam di serata pusat pengajian tinggi Malaysia, baik di peringkat awam, swasta maupun badan korporat memperlihatkan bahawa potensi besar ke arah pelaksanaan Islamik secara global di setiap peringkat. Ini bermakna segala prosedur dan peraturan itu akan dirangka dan potensi pelaksanaan Islam secara *syumul* semakin terserlah dan impian untuk menegakkan syariat Allah S.W.T. dengan lebih meluas akan tercapai. Insya-Allah.

RUJUKAN

- Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasi kepada Produk-Produk Perbankan Islam*, Bangi: Fakulti Undang-undang UKM.
- Abdul Monir Yaacob & Hamiza Ibrahim, 1999, *Islamic Financial Services and Products*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Sharbini, t.th, *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, 4 Jilid.
- Azlan Khalili Shamsuddin, 2000, *Riba: Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fatimah Sulaiman, 1999, *Tegahan Pengurusan Harta – Al-Hajr: Kajian Perbandingan Antara Syariat Islam Dengan Undang-Undang Sivil*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Haron Din, 1988, *Manusia & Islam*, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd., Ed. Ke-3.
- Hussain Bin Unang, 1994, *Kamus al-Tullab Arab – Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, Cetakan Pertama.
- Ibrahim Unais dkk, 1972, *al-Mu'jam al-Wasit*, Kaherah: t.pt.
- Kamus Ekonomi*, 1978, Petaling Jaya: Adabi Sdn. Bhd, Ed. Ke-2.
- Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul Abd Aziz, 2005, *Undang-undang Harta Intelek di Malaysia*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- M. Umar Chapra, 1990, *Ke Arah Sistem Kewangan Yang Adil*. Terj. Ismail Bin Omar, Kuala Lumpur: Dewan dan Pustaka, Cetakan Pertama.
- Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal, 1992, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Terj. Salahuddin Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. Ke-2, Cetakan Pertama.
- Mustafa Al-Khin, 1998, *al-Fiqh al-Manhaji*, Beirut: Dar al-Qalam, 3 Jilid.
- Naziree Bin Md Yusof, 2006, "Konsep Cap Dagangan & Prinsip Mua'malat Islam: Suatu Perbandingan", *Prosiding Seminar Kebangsaan Undang-Undang Dan Teknologi: Isu Undang-Undang Dan Syariah 2006*, Bangi: Fakulti undang-undang UKM.

- Nor Mohd Yakop, 1996, *Teori Amalan Kewangan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noresah Bt. Baharom dkk, 2002, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Sabiq, 1998, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Darul Fikr, 3 Jilid.
- Sinha & Dheeraj, 1996, *Legal Dictionary*, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Sudin Haron, 1996, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Surtahman Kastin Hasnan & Sanep Ahmad, 2005, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yusof al-Qardhawi, 2000, Terj. Ustaz Mohammad Zaini Yahaya, *Ciri-ciri Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, Selangor : Penerbitan Seribu Dinar.
- Zainal Abidin Safarwan dkk, 1995, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, Cetakan Pertama.

www.zaharuddin.net. Telah dilayari pada 15 Disember 2007.

FALSAFAH PENGURUSAN HARTA: TINJAUAN QURANI

Oleh:

Mohd Gunawan Che Ab Aziz¹

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang konsep, falsafah, prinsip, adab dan pengurusan harta menurut perspektif Islam yang berpedoman pada Al-Quran dari segi roh dan semangat ajaran Islam terhadap harta dan pengurusannya. Islam sebagai agama sumber rahmat, sudah tentu mempunyai sikap dan peraturan yang jelas mengenai harta dan pengurusannya. Di sini, walaupun harta berbentuk fizikal dan berkait dengan maslahat jasadi insan, namun ianya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan roh dan rasaan kerohanian. Malah kerohanian ini menjadi paksi kepada falsafah pengurusan harta yang dianjurkan oleh Al-Quran; iaitu kerohanian yang tetap bertunjangkan kepada sifat Iman dan Ihsan seseorang pemilik harta dengan Tuhan-Nya. Perkara-perkara inilah yang cuba dikupas oleh artikel ini memandangkan pengurusan harta merupakan perkara yang sangat berkait rapat dengan kejayaan dan kegagalan kehidupan dunia dan akhirat seseorang insan.

Perkataan Teras : Pengurusan, Ekonomi Makro, Falsafah, Kerohanian, Sosio-ekonomi.

Klasifikasi JEL : A12, E60, Z11, Z12.

PENGENALAN

Pengurusan harta bukanlah suatu yang terpencil di dalam ajaran Islam. Malah Islam melihat pengurusan harta itu sendiri merupakan satu cabang syariah yang terpenting. Ketetapan sebegini adalah sesuai dengan sifat Islam sebagai agama yang syumul dan bersifat harmoni dengan fitrah, sebagaimana tercatat di dalam Al-Quran:

¹ Mohd Gunawan bin Che Ab Aziz ialah Ketua Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Penyalaras), Jabatan Wakaf Zakat & Haji, (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri; beliau juga merupakan salah seorang Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Negara (AKRAM), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA); dan juga Penceramah Eksekutif Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam secara menyeluruh; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.”

(Surah Al-Baqarah 2:208)

“Maka hadapkanlah diri mu (engkau dan pengikut-pengikut mu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; fitrah (yakni agama) Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari segi fitrahnya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

(Surah Ar-Ruum 30:30)

Islam memberikan pengiktirafan yang seimbang dan menyeluruh kepada unsur-unsur jasadi, emosi, akal dan roh manusia. Ini jelas tergambar melalui lima maslahat yang dikira sebagai ‘*dhoruriyyah*’ (kemestian) di dalam *Al-Maqasid Al-Syar'iyyah*² yang telah disimpulkan oleh para fukaha.

LATAR BELAKANG

Kendatipun Islam menekankan elemen kerohanian sebagai paksi ajarannya, tetapi kerohanian itu bukan hanya sekadar terhenti pada hubungan kerohanian seorang hamba dengan Tuhan-Nya. Ambil sebagai satu contoh, gagasan agar umat Islam bertakwa; di mana takwa ini walaupun konsep asasnya ialah wujudnya rasa takzim seorang hamba kepada Allah S.W.T, tetapi rasaan rohani yang muncul di hati³ itu akan dimanifestasikan dalam bentuk pemikiran, sikap dan tindakan pemiliknya⁴. Sungguhpun begitu, adalah sangat perlu difahami, bahawa

² Kelima-lima *Al-Maqasid Al-Syar'iyyah* itu ialah: Menjaga agama, menjaga jiwa, menjaga akal, menjaga harta dan menjaga keturunan. Untuk bahasan yang lebih lanjut sila rujuk Syaikh Muhammad Tohir ibnu 'Asyur, *Maqasid Asy-Syar'i'ah Al-Islamiah*, Darun-Nafaais, 'Amman: Jordan, 2001.

³ Dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda : “... Takwa itu berada di sini, beliau menunjuk dadanya tiga kali. Cukuplah seorang (Muslim) dianggap (melakukan) kejahanan karena melecehkan saudara Muslimnya. Setiap Muslim atas Muslim lain haram darahnya, hartanya dan kehormatannya”. (Sebahagian hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dan Ibnu Majah).

⁴ Umar al-Khattab RA pernah bertanya kepada sahabat Ubai bin Kaab RA tentang maksud takwa. Ubai berkata, “Pernahkah kamu berjalan di sebatang jalan yang dipenuhi onak dan duri?” Jawab Umar, “Ya, pernah.” Ubai bertanya lagi, “Apa yang kamu lakukan ketika itu?” Umar berkata, “Aku berhati-hati dan bersungguh-sungguh (*syammarta wajtahadtu*).” Berkata Ubai, “Itulah takwa.” (Diriwayatkan oleh Ibnu Kathir di dalam tafsirnya). Ini menunjukkan rasa takzim seseorang mukmin kepada Allah, akan terpapar dalam kehidupan dan segala aktiviti hariannya.

tanpa asas kerohanian itu, segala ajaran Islam yang lain akan longlai dan pasti berantakan.⁵

MANHAJ PENULISAN

Penulisan artikel ini, sesuai dengan tajuk dan skopnya, akan membincangkan secara umum berkenaan dengan pandangan dan *tasawwur* ajaran Islam terhadap harta dan pengurusannya. Pembahasan akan lebih tertumpu kepada dua bidang utama keilmuan Islam, iaitu: *tafsir* dan *fikah*. Oleh kerana kandungan Al-Quran adalah rujukan utama penulisan ini, maka rujukan dalam bidang *tafsir* merupakan satu pendekatan yang mandatori. Manakala bidang *fikah* pula disebabkan hal ehwal harta merupakan satu perkara yang melibatkan hukum-hakam, maka hal ini dibincangkan dengan meluas dan mendalam di dalam kitab-kitab *fikah*. Bagaimanapun, rujukan di dalam bidang lain seperti hadis dan sirah tidak ditinggalkan dalam penulisan ini. Penulis akan memanfaatkan sebaik yang mungkin semua sumber-sumber kepustakaan yang dapat dijangkau. Bagi terjemahan ayat-ayat Al-Quran, sumber “*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*” akan dijadikan rujukan utama di samping memanfaatkan sumber-sumber yang lain apabila perlu. Untuk *tafsir* pula, rujukan akan dibuat kepada *tafsir-tafsir* muktabar yang sama ada yang bersifat ‘*turath*’ mahupun kontemporari. Seterusnya, kesimpulan dan istinbat daripada penulis akan dimuatkan berdasarkan perbincangan dan pemerhatian yang dilakukan.

ISLAM DAN HARTA

Islam sebagai agama yang mementingkan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan juga di akhirat⁶ telah menggariskan panduan, sama ada

⁵ Sebagai satu contoh, di dalam surah Al-Ma'uun ada disebutkan, “*Maka celakalah orang-orang yang bersolat, (iaitu) orang yang lahai berkenaan solat mereka.*” (107: 4-5). Jelas di sini, tanpa ‘kerohanian’ hatta ibadah ritual seperti solat pun akan hilang signifikannya dan ditolak. Sebaliknya di dalam surah Al-Ankabuut ditegaskan “...dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar...” (29:45) iaitu bagi ritual solat yang bersifat kerohanian ini, ‘*aathar*’(natijah dan kesan) yang akan terhasil ialah seseorang itu akan mempunyai luhur-akhlak dan terhindar daripada *fahsyak* (فحشًا) dan mungkar. Sila lihat buku penulis: *Solat: Kejayaan Hakiki*, Utusan Publication and Distributors, Kuala Lumpur, 2003.

⁶ Allah berfirman: “...*Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Berilah kami (kebaikan) di dunia”, (lalu orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat. Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka!” Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan; dan Allah amat cepat hitungan-Nya.*” (Surah Al-Baqarah 2:200-202).

secara umum⁷ mahupun secara terperinci⁸, dengan begitu jelas melalui dua panduan mutlak kewahyuan, iaitu: Al-Quran dan Al-Sunnah⁹. Maka, pengurusan harta merupakan satu topik yang penting di dalam kedua-dua sumber syariat ini. Panduan-panduan ini pula diberikan bahasan yang lebih terperinci di dalam kitab-kitab fikah¹⁰. Pembahasan tentang harta dan cara menguruskannya di dalam kitab-kitab fikah ini mula kelihatan ketara seawal perbincangan berkenaan rukun Islam yang keempat, iaitu zakat¹¹.

⁷ Contohnya sebagaimana firman Allah S.W.T.: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan (yakni gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya); kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berburuh-buruhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.” (Surah An-Nisaa’ 4:29).

⁸ Contohnya sebagaimana firman Allah S.W.T.: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhaninya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya (dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya, yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiada salah jika kamu tidak menulisnya. dan akanlah saksi apabila kamu berjual-beli, dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. oleh itu hendaklah kamu bertakwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapat jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepada-Nya, dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhaninya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu; dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan. (Surah Al-Baqarah 2:282-283).

⁹ Rasulullah S.A.W. bersabda: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang jika kamu berpegang padanya tidaklah kamu sesat iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah Rasul-Nya.” (Hadith Hasan riwayat Malik dan Al-Hakim)

¹⁰ Sebagai contoh jika kita mengambil kitab ‘Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhabil-Imam Asy-Syafi’ie’, kita akan mendapat beberapa topik yang menyentuh tentang hukum-hukum berkenaan harta ini seperti zakat, wakaf, wasiat, faraid, jual beli, jual beli salam, riba, pertukaran mata wang, hutang, anugerah, kontrak, sewa, sagu hati, rundingan, pemindahan hutang, syuf’ah, pajak, pinjaman, syarikat, pelaburan, simpanan, penemuan, gadaian, jaminan, perwakilan, paksaan, rampasan dsb. Sila lihat Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarabji (Dr. Juanda bin Jaya – terj.), **Kitab Fikah Mazhab Syafie**, Pustaka Salam Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2005.

¹¹ Sebahagian besar kitab-kitab fikah akan meletakkan zakat sebagai rukun keempat dalam turutan Rukun Islam, bagaimanapun melalui hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Muslim, Ahmad dan At-Tirmizi, walaupun mempunyai sedikit kelainan pada lafadznya, tetapi kesemua riwayat itu meletakkan zakat sebagai rukun Islam yang ketiga, selepas daripada solat. Ini menyebabkan, zakat berada di tengah-tengah antara rukun Islam yang lima itu.

Merujuk kepada ketelitian ajaran Islam berkenaan dengan harta, ajaran Islam meliputi setiap tahap dan proses yang berkaitan dengan harta. Sama ada pada tahap milik individu, mahu pun pada tahap milik umum, negara dan juga ummah. Ini adalah selari dengan kesyumulan Islam itu sendiri. Sama ada proses tersebut pada peringkat: (i) mendapatkan harta, (ii) semasa memiliki harta; dan juga (iii) ketika menyahmilikan harta. Pada ketiga-tiga peringkat ini, pasti terdapat perintah Allah mengenainya, iaitu terdapat hukum-hakam agama padanya. Sebagaimana digambarkan melalui Rajah 1:

Rajah 1.



Pada peringkat mendapatkan harta, Islam telah menggariskan dengan jelas hukum-hukum seperti jual-beli, upah, perkongsian, saham, sewa-menyewa, hutang-piutang, gadaian, *luqatah*¹², pewarisan, *ghanimah*¹³, *faiy*¹⁴ dan lain-lain. Manakala semasa pemilikan harta pula, terdapat di sana hak-hak harta yang perlu ditunaikan terutama yang wajib seperti zakat dan nafkah, mahu pun *infaq*¹⁵ yang amat digalakkan seperti *tabarru*¹⁶, membayai jihad, sedekah dan wakaf. Bagi peringkat

¹² Luqatah ialah harta yang ditemui di suatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan penemu tidak mengenali pemiliknya. Luqatah juga bermaksud harta yang hilang dari tuannya dan dijumpai oleh orang lain. ia juga ditakrifkan sebagai harta tanpa milik yang dihormati yang dijumpai di sesuatu tempat yang tidak sepatutnya disimpan dan si penemunya tidak mengetahui orang yang berhak ke atas harta tersebut. Lihat Manual Pengurusan Harta Luqatah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Putrajaya, 2007, hal. 6.

¹³ Harta Ghanimah adalah harta yang diambil secara paksa daripada harta kafir harbi, sama ada dalam bentuk harta boleh dialih ataupun harta tidak boleh dialih, sama ada ia diambil ketika peperangan masih berlangsung ataupun ketika memburu musuh yang melarikan diri. (Lihat Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bughoh dan Ali Asy-Syarbaji (Dr. Juanda bin Jaya – terj.), Kitab Fikah Mazhab Syafiee, Jld. 8, 2005, hal. 2087.)

¹⁴ Faiy' ialah harta yang diperolehi oleh umat Islam daripada musuh tanpa peperangan, sama ada harta boleh alih atau harta tidak boleh alih. Lihat *ibid*, hal. 2093.

¹⁵ *Infaq* berasal daripada kata akar "anfaqa" yang memberi makna "membelanjai". *Al-Infaq* di sini bermaksud "perbelanjaan harta". Lihat Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006.

¹⁶ *Tabarru'* berasal daripada akar kata "tabarra'a" yang bermaksud "menderma dengan sukarela; melakukan dengan sukarela". *Tabarru'* yang dimaksudkan di sini ialah sebarang perbelanjaan atau derma yang dilakukan secara sukarela oleh seseorang. Lihat *ibid*.

penyahmilikan pula, Islam menggariskan hukum-hukum seperti jualan, hadiah, sedekah, wakaf, fidyah, kafarah, wasiat, hibah¹⁷, harta pusaka dan kaifiat melupuskan harta yang tidak halal.

Dari satu segi yang lain, adalah difahami bahawa Islam menitikberatkan dua perkara berkenaan pengurusan harta, iaitu: (i) konsep halal dalam tatacara perolehan dan perbelanjaan harta;¹⁸ dan (ii) konsep ‘*infaq fi sabillallah*’ (الإنفاق في سبيل الله) semasa pemilikan harta. Sila lihat Rajah 2:

Rajah 2.



Rajah di atas menjelaskan bagaimana Al-Quran menekankan proses memperoleh dan memiliki harta itu mestilah berpaksikan kepada tatacara dan panduan yang telah dihalalkan oleh Allah SWT. Hukum-hukum Islam berkenaan perolehan harta adalah sangat jelas dari segi halal dan haramnya sesuatu transaksi dan aktiviti keekonomian itu. Maka adalah menjadi kewajipan setiap Muslim untuk memastikan kehalalan perolehan

¹⁷ Hibah ialah suatu kontrak yang merujuk kepada pemindahan hak milik tanpa sebarang gantian, ketika masih hidup dan dilakukan secara sukarela. (Lihat Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji (Dr. Juanda bin Jaya – terj.), *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Jld. 6, 2005, hal. 1450). Syaikh Hasan Ayyub menyatakan hibah berbeza dengan hadiah dari sudut tujuan pemindahan milik sesuatu harta itu; di mana hibah tanpa tujuan mendapat sebarang balasan, manakala hadiah untuk sesuatu balasan (sama ada berbentuk kebendaan atau tidak – pen.). (Lihat Hasan Ayub, *Fiqhul-Mu'amalaat Al-Maaliiyah fil-Islam*, Darus Salam, Kaherah, 2003, hal. 269.)

¹⁸ Ini digambarkan dengan jelas oleh Rasulullah S.A.W. melalui satu hadis baginda, “*“Tetaplah tidak bergerak kaki seorang hamba (Allah) pada hari Kiamat itu sehingga ditanyakan: berkenaan umurnya, di manakah umur itu dihabiskan; berkenaan ilmunya, yang manakah yang dia amalkan; berkenaan hartanya, dari manakah dia peroleh dan ke manakah dibelanjakan; dan berkenaan tubuhnya, pada apakah digunakan.”* (HR At-Tirmizi).

yang dibuat berdasarkan dua perkara: (i) ‘ain (zat) harta yang diperolehi itu sememangnya halal; dan (ii) muamalat (cara) perolehan itu sendiri adalah sah dan halal. Maksudnya, perlu dipastikan bahawa material yang hendak diperolehi itu mestilah halal zatnya, maka perolehan sesuatu yang haram seperti arak, najis dadah dan barang curi hendaklah dijauhi. Apabila sesuatu material itu sudah dipastikan kehalalannya, maka cara dan transaksi perolehannya juga perlu dipastikan sah dan halal, oleh itu perolehan melalui cara penipuan, riba dan akad yang batal hendaklah dihindari. Setelah sesuatu harta itu menjadi milik seseorang secara sah dan halal, maka Al-Quran amat menggalakkan agar harta-harta tersebut di’*infaq*’kan semula pada jalan kebaikan sebagaimana yang digariskan oleh ajaran Islam.

PRINSIP KEJAYAAN

Falsafah utama dalam pengurusan harta ialah termasuk di dalam keumuman prinsip “Kejayaan hanya dalam mentaati perintah Allah, sebagaimana cara yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W.”¹⁹ Inilah neraca ukur maha utama dalam agama, bagi apa sahaja bidang. Hatta setiap detik kehidupan ini perlu diukur dengan kayu ukur ini. Inilah neraca terpenting dalam ajaran Islam; sama ada pada peringkat individu, komuniti mahupun ummah. Islam mengajarkan, sejauh mana penganutnya berpegang dengan neraca atau kayu ukur ini, sejauh itulah kemuliaan akan bersama mereka; jika tidak, maka perkara yang sebaliknya yang akan menimpa.²⁰

Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam sejarah pengurusan harta oleh generasi para salafus-soleh (سلف الصالح).²¹ Semasa zaman Umar Al-Khattab R.A. sebagai Khalifah, pada suatu hari telah sampai ke Madinah

¹⁹ Allah S.W.T. berfirman, “...dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besarnya kejayaan.” (Surah Al-Ahzab 33:71).

²⁰ Allah S.W.T. berfirman, “Dan janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamu salah orang-orang yang tertinggi (mulia) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman.” (Surah Aali ‘Imran 3:139).

²¹ Salafus-soleh ialah gelaran pujian kepada generasi ‘Salaf’. Pengertian istilah ‘salaf’ (orang terdahulu) adalah termasuk para Sahabat, generasi selepas mereka yang digelar *Tabi’iin*, generasi kedua yang digelar *Tabi’i Tabi’iin* yang termasuk dalam sabda Rasulullah S.A.W.:

”**حُدُرْ أُمَّيَّةِ قَرْبَىٰ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَخُمُونَ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَخُمُونَ**”

”**حَيْرَ النَّاسِ قَرْبَىٰ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَخُمُونَ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَخُمُونَ**”

“Sebaik-baik umat ku ialah abad ku, kemudian generasi yang datang selepas mereka, kemudian generasi yang datang selepas mereka.”

“Sebaik-baik manusia ialah abad ku, kemudian yang datang selepas mereka, kemudian yang datang selepas mereka.” (HR Al-Bukhari)

Mereka ialah para Sahabat, *Tabi’iin* dan *Tabi’i Tabi’iin* yang meliputi imam-imam mujtahid terdahulu yang diterima (Lihat Abdulfatah Haron Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan Kebatinan*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2002, hal. 14).

jutaan dirham (hasil cukaian dan kutipan lain daripada luar Madinah). Harta ini adalah hak ummah dan diuruskan oleh Baitulmal. Lalu satu permesyuaratan telah dijalankan. Keadaan ummah pada masa itu adalah begitu utuh. Ahli-ahli permesyuaratan pada masa itu, bukanlah terdiri daripada satu kabilah atau golongan tertentu sahaja; bahkan diwakili oleh kabilah dan kaum yang pelbagai, yang mana mereka ini dikira sebagai orang-orang yang khas disebabkan hubungan istimewa mereka dengan Rasulullah S.A.W. sebagai sahabat-sahabat baginda. Mereka telah membuat keputusan bahawa, harta-harta tersebut hendaklah diagih-agihkan dengan suatu cara yang tertentu, dengan bahagian maksimum daripada harta itu hendaklah diagihkan kepada kabilah Rasulullah S.A.W., kemudian kepada kabilah Abu Bakar Al-Siddiq R.A., kemudian kepada kabilah Umar Al-Khattab R.A. Di sini, suku kabilah Umar Al-Khattab R.A. telah diletakkan pada tempat ketiga agihan. Apabila Umar R.A. dirujuk berkenaan keputusan ini, beliau telah menolak cadangan itu dari segi susunan agihan. Beliau mengatakan, apa sahaja natijah yang diperoleh oleh ummah pada hari ini merupakan hutang ‘budi’ ummah kepada Rasulullah S.A.W. Oleh itu, hanya hubungan dan kekerabatan dengan Rasulullah S.A.W. sahaja yang perlu dijadikan kriteria untuk pembahagian harta tersebut. Mereka yang mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan Rasulullah S.A.W. akan menerima lebih bahagian agihan itu, seterusnya yang kedua lebih hampir, yang ketiga dan seterusnya. Oleh itu, jumlah yang besar hendaklah diberikan kepada Bani Hasyim, kemudian Bani Abdul Manaf, kemudian keluarga Qusay, Kilab, Ka’ab dan Murrah sewajarnya. Melalui susunan baru ini, kabilah Umar Al-Khattab R.A. telah berada di kedudukan yang amat jauh dan jumlah yang mereka terima berkurangan dengan begitu besar sekali. Beginilah satu contoh pengurusan harta yang telah ditunjukkan oleh seorang khalifah demi memastikan pengurusan harta ummah diuruskan dengan mematuhi prinsip paling utama tadi.²²

Seterusnya, Islam memberikan pengiktirafan yang sepenuhnya kepada hak milik seseorang individu ke atas sesuatu harta.²³ Walau bagaimanapun,

²² Maulana Muhammad Yusuf (M.N. Humayun Chowdhury – terj.), ***Perasaan Ummat***, MN Mayun Enterprise, Kota Bharu: 2002, m.s. 8-9.

²³ Semasa hayat Rasulullah S.A.W. telah berlaku satu perperangan yang dikenali sebagai Peperangan Tabuk. Perperangan ini terjadi semasa musim kemarau dan memerlukan persiapan yang agak khusus. Rasulullah S.A.W. telah mengisyiharkan keperluan untuk menginfaqkan harta sebagai bekalan jemaah Jihad ini. Maka pada masa itu, kaum Muslimin telah menghulurkan *infaq* mereka masing-masing. Abu Bakar R.A. telah memberikan 100% hartanya, sedangkan Umar Al-Khattab 50% daripada hartanya, manakala Uthman R.A. telah menanggung bekalan untuk 1/3 daripada keseluruhan jemaah Jihad itu.. (Lihat Maulana Muhammad Zakariya Al-Kandahlawi (*Lujnaj Terjemahan Madrasah Miftahul-Ulum* -terj.), ***Kisah-Kisah Para Sahabat***, Era Ilmu Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2004, hal. 33) Ini menggambarkan betapa Islam mengiktiraf hak seseorang ke atas hartanya. Hinggakan walaupun untuk tujuan Jihad dan dalam keadaan yang darurat, Rasulullah S.A.W. tidak memaksa para Sahabat mereka untuk menginfaqkan harta mereka pada kadar-kadar yang tertentu. Malah dipulangkan kepada pemilik harta tersebutlah untuk menguruskan dan memutuskan kadar *infaq* mereka.

di samping pengiktirafan terhadap hak milik individu; Islam juga amat mementingkan kesejahteraan umum. Oleh yang demikian, bagi menjaga keseimbangan ini, Islam telah menjadikan ibadah zakat sebagai ikon kepada tuntutan keseimbangan dan perkongsian kekayaan tadi. Zakat merupakan salah satu rukun Islam dan setara dengan *Syahadatain*²⁴. Kedudukan dan kepentingan zakat dapat dilihat melalui ketegasan Abu Bakar Al-Siddiq R.A. memerangi golongan yang ingkar menunaikan zakat, sama dengan sikapnya memerangi golongan yang murtad²⁵.

Islam benar-benar mementingkan kesejahteraan ummah untuk hidup secara kolektif. Melalui zakat, diterapkan konsep bahawa dalam kemutlakan pemilikan harta individu, terdapat di dalamnya hak ummah yang telah difardukan oleh Allah S.W.T.²⁶.

KONSEP INFQAQ

Selain hak harta yang wajib ditunaikan seperti zakat ini, Islam juga amat menekankan konsep '*infaq fi sabillillah*' dalam pengurusan harta. Konsep *infaq* ini merupakan satu bidang yang amat luas dan mempunyai impak yang besar dalam pembentukan dan pembinaan sosio-ekonomi ummah. Terdapat puluhan ayat Al-Quran yang menyentuh tentang kepentingan, gesaan dan kelebihan '*infaq fi sabillillah*'. Antara ayat yang berupa perintah mengenai amalan berinfaq ini ialah:

Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baiklah

²⁴ *Syahadatain* ialah "ucapan dua kalimah syahadah", iaitu rukun Islam yang pertama. Malah di dalam Al-Quran, zakat disebut sebanyak 25 kali beriring dengan solat. Sekiranya solat merupakan ritual yang melambangkan hubungan seorang hamba dengan Tuhan, maka zakat pula melambangkan penekanan Islam kepada keseimbangan sosio-ekonomi di kalangan ummah.

²⁵ Abu Hurairah R.A. meriwayatkan, "Apabila wafat Rasulullah S.A.W. dan digantikan oleh Abu Bakar R.A., sejogolongan bangsa Arab telah menjadi kafir (kerana enggan membayar zakat). Umar R.A. telah berkata, "Bagaimana kamu mahu memerangi mereka sedangkan Rasulullah S.A.W. telah bersabda, "Aku telah diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan 'Laa ilaha illallah!' Sesiapa yang mengucapkannya, maka terpeliharalah daripada ku akan hartanya, dirinya melainkan dengan sebab yang benar, dan hitungannya terpulang kepada Allah." Abu Bakar R.A. menjawab, "Demi Allah! Aku pasti akan memerangi orang yang membezakan di antara sembahyang dan zakat. Sesungguhnya zakat itu adalah hak harta. Demi Allah! Kalau mereka enggan menyerahkan seekor anak kambing (betina bawah setahun) sebagaimana yang telah mereka berikan dahulu kepada Rasulullah S.A.W., nescaya aku akan perangi mereka atas keengganan itu!" Umar RA berkata, "Demi Allah! Ini tidak lain daripada kurniaan Allah ke dalam hati Abu Bakar RA; dan aku mengetahui bahawa itu adalah kebenaran." (HR Al-Bukhari dan Muslim)

²⁶ Allah berfirman: "Dan pada harta-harta mereka, (ada) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)." (Surah Az-Zaariyat 51:19).

(dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

(Surah Al-Baqarah 2:195)

Wahai orang-orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (kiamat) yang tidak ada jual-beli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat; dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Surah Al-Baqarah 2:254)

Katakanlah kepada hamba-hamba Ku yang beriman hendaklah mereka mendirikan sembahyang dan mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, sama ada dengan merahsiakan pemberiannya itu atau dengan terbuka; sebelum datangnya hari yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada sahabat handai (yang dapat memberikan pertolongan).

(Surah Ibrahim 14:31)

Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil; maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar.

(Surah Al-Hadiid 57:7)

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi.

Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepada-Nya, (kalau tidak) maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhan ku! Alangkah baiknya kalau Engku lambatkan kedatangan ajal mati ku - ke

suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh ”.

Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang (atau sesuatu yang bernyawa) apabila sampai ajalnya; dan Allah amat mendalam pengetahuannya mengenai segala yang kamu kerjakan.

(Surah Al-Munafiquun 63:9-11)

Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.

*Oleh itu bertakwa kamu kepada Allah sedaya supaya kamu; dan dengarlah (akan pengajaran-pengajaran-Nya) serta taatlah (akan perintah-perintah-Nya); dan **belanjakanlah harta kamu (serta buatlah kebajikan untuk diri kamu;** dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka mereka lah orang-orang yang berjaya.*

(Surah At-Taghaabun 64:15-16)

Ayat-ayat di atas jelas menggesa dan memerintahkan agar pemilik-pemilik harta berinfaq dengan harta mereka dan Al-Quran mengaitkan amalan berinfaq ini dengan sifat keimanan dan ketaatan seseorang. Di samping ayat-ayat perintah ini, Al-Quran juga memuji pemilik-pemilik harta yang melaksanakan tuntutan infaq fi sabillillah ini dan menyatakan kelebihan amalan infaq itu sendiri, antaranya:

*Bandingan (derma) orang-orang yang **membelanjakan hartanya pada jalan Allah,** ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji; dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.*

(Surah Al-Baqarah 2:261)

Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa;

laitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahaninya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang; dan (ingatlah), Allah mengasih orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.

(Surah Aali-Imran 3:133-134)

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementar hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.

*laitu orang-orang yang mendirikan sembahyang **dan** yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka.*

Mereka lahir orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya; mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di Syurga).

(Surah Al-Anfaal 8:2-4)

Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin memperoleh lagi (keredaan-Nya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka. Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan menggembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan.

(Surah As-Sajdah 32:16-17)

*Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhan ku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya; **dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan mengantikannya; dan Dialah jua sebaik-baik pemberi rezeki**".*

(Surah Saba' 34:39)

Dan mengapa kamu tidak membelanjakan harta benda kamu pada jalan Allah? - padahal Allah jualah yang mewarisi langit dan bumi (serta segala isinya). Tidaklah sama di antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sebelum kemenangan (Nabi menguasai Makkah); mereka itu lebih besar darjatnya daripada orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sesudah itu. Dan tiap-tiap satu puak dari keduanya, Allah janjikan (balasan) yang sebaik-baiknya; dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu kerjakan.

(Surah Al-Hadiid 57:10)

Al-Quran bukan sekadar memerintahkan dan menyatakan kelebihan amalan infaq ini, bahkan turut sama memberikan panduan atau prinsip umum tentang cara-cara berinfaq tersebut, contohnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? katakanlah: "Dermakanlah (apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu)". Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir.²⁷

(Surah Al-Baqarah 2:219)

Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan (agama) Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya), dan tidak pula

²⁷ Maulana Muhammad Zakariyya Al-Kandahlawi semasa mengulas ayat ini di dalam bukunya 'Fadhilah Sedekah' menyatakan, "Harta adalah untuk dibelanjakan. Jadi simpanlah untuk keperluan sendiri dan belanjakanlah apa yang lebih dari itu. Ibnu Abbas R.A. berkata bahawa 'afwa adalah apa yang lebih setelah dibelanjakan untuk keperluan keluarga sendiri. Abu Ummamah R.A. meriwayatkan sabda Rasulullah S.A.W. "Wahai manusia, hendaklah kamu belanjakan harta yang lebih yang ada padamu dan inilah yang baik bagimu. Apabila kamu menyimpannya untuk dirimu sendiri, maka ini adalah perbuatan buruk. Jika disimpan sekadar keperluan sahaja, maka ini tidak termasuk perbuatan keji. Dan apabila kamu membelanjakannya (menyedekahkannya), hendaklah kamu utamakan keluargamu sendiri. Dan tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah." Sila lihat Maulana Zakariyya Al-Kandahlawi (Ust. Musthafa Sayani, Drs. – terj.), **Fadhilah Sedekah**, Pustaka Ramadhan, Bandung, 2004, hal. 7.

menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Surah Al-Baqarah 2:261-262)

Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.

(Surah Al-Baqarah 2:274)

Melalui ayat-ayat di atas, adalah amat jelas betapa Al-Quran memberikan kepentingan yang tinggi supaya pemilik harta menjadikan amalan infaq ini sebagai jati diri dan agenda harta mereka. Seterusnya Al-Quran melalui ayat-ayat yang lain menegaskan lagi peri pentingnya amalan infaq ini disebatkan dengan pemilikan harta oleh seseorang individu itu, antaranya:

*Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang **serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka**. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad), dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lah orang-orang yang berjaya.*

(Surah Al-Baqarah 2:1-5)

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijakan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi; dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

(Surah Aali 'Imran 3:92)

Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.

(Surah Al-Anfaal 8:60)

Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan Ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka; (iaitu) binatang-binatang ternak yang disembelih itu; kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat - iaitu orang-orang yang apabila disebut nama Allah, gerun gementarlah hati mereka, dan orang-orang yang sabar (cekal hati) terhadap kesusahan yang menimpa mereka, dan orang-orang yang mendirikan sembahyang, serta orang-orang yang mendermakan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepadanya.

(Surah Al-Hajj 22:34-35)

Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang **serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka**, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian;

Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membala dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepada-Nya).

(Surah Faathir 35: 29-30)

Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya;

(Surah Asy-Syura 42:38)

Ayat-ayat Al-Quran di atas jelas menyatakan betapa amalan meng'inqa'kan harta di jalan Allah itu berulang-ulang kali disebutkan. Bolehlah disimpulkan bahawa, di dalam penulisan ini, perkataan 'infaq' hendaklah dertiakan sebagai amalan dan tindakan membelanja dan menggunakan harta di jalan Allah dalam apa sahaja bentuk sama ada bagi tujuan menegakkan agama Allah, menunaikan hak-hak harta atau membuat kebajikan. Inilah yang diliputi oleh perkataan 'infaq' di dalam ayat-ayat di atas.²⁸

Bagi mendapatkan gambaran hidup bagaimana Rasulullah S.A.W. dan para Sahabat R.A. telah mempraktikkan konsep *Infaq* ini, Syaikh Muhammad Yusuf Al-Kandahlawi telah membawakan ratusan hadis dan *athar* di dalam Bab Kelapan Kitab Hayatus-Sahabah dengan tajuk: Bab Infaq para Sahabat di Jalan Allah – Bagaimana Rasulullah S.A.W. dan para Sahabat R.A. membelanjakan harta-harta dan apa sahaja yang dikurniakan oleh Allah *Tabaraka Wa Taala* di Jalan Allah dan atas perkara yang diredhai Allah; dan bagaimana perkara (*Infaq*) ini lebih dicintai oleh mereka daripada perbelanjaan untuk kegunaan diri mereka sendiri; dan bagaimana para Sahabat R.A. sanggup mengutamakan orang lain daripada diri mereka sendiri walaupun mereka sendiri sangat memerlukan.²⁹

²⁸ Abdul Kadir Audah menuliskan komentar mengenai *infaq* ini di dalam bukunya 'Harta dan Pemerintahan Dalam Islam', "Memberi derma dari harta benda dipandang oleh Islam sebagai salah satu sifat yang membuktikan kuatnya rasa kelslaman dan keimanan serta kuatnya rasa patuh kepada arahan Allah dan melaksanakan suruhan-Nya. ketika Allah S.W.T. mensifatkan orang-orang bertaqa (muttaqin) disifatkan-Nya seperti ini:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الْأَصْلُوَةَ وَمَمَّا رَزَقْنَاهُمْ
يُنفِقُونَ (٣)

Maksudnya: *Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (menderma dan memberi sumbangan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.* (Al-Baqarah : 3).

Dalam mana Allah telah menyetarafkan darjah antara sembahyang dan memberi zakat dengan darjah memberi derma dan sumbangan, serta dijadikan sebagai tanda dan alamat sifat taqwa." Lihat dalam Abdul Kadir Audah (Haji Salahuddin Abdullah – terj.), *Harta dan Pemerintahan Dalam Islam*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1983, hal. 81.

²⁹ Al-'Allamah Ad-Da'iyyah Asy-Syaikh Muhammad Yusuf Al-Kandahlawi, *Hayatus-Sohabah, Juzuk 2*, Khutub Khana Faiza, Lahore, 1990, hal. 23).

Meneliti kedua-dua perkara penting di atas, iaitu: Prinsip Kejayaan dan Konsep *Infaq*; adalah jelas kedua-duanya kembali merujuk kepada kemantapan dan kekuatan kerohanian seseorang Muslim, sama ada sebagai pemilik harta persendirian mahupun sebagai pengurus atau pemegang amanah kepada harta ummah. Kekuatan kerohanian merupakan kekuatan hubungan seseorang dengan Allah S.W.T. sebagai Penciptanya dan sejauh mana sahih dan tepatnya seseorang itu memahami erti hidup dan tujuan kewujudannya.

Selain daripada dua prinsip di atas, terdapat satu perkara lagi yang amat menarik untuk diperhatikan berkenaan saranan Al-Quran berkaitan harta dan pengurusannya. Di dalam Surah Al-Taubah Allah S.W.T. telah menyatakan satu pengisytiharan yang begitu jelas dan pasti memberi impak yang besar kepada hati dan pemikiran seseorang Mukmin:

“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunu; (balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinnya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.”

(Surah Al-Taubah 9: 111)

Kalimah (اشترى) yang bermakna ‘telah membeli’, memberikan satu konsep dan senario yang menarik untuk diperkatakan. Apakah makna ‘telah membeli’ di dalam ayat ini?

Al-Imam Ibnu Kathir di dalam tafsirnya mengenai ayat ini menyatakan, “Allah S.W.T. telah memaklumkan bahawa Dia telah menukaruntuk hamba-hamba-Nya yang beriman berkenaan diri dan harta mereka apabila dibelanjakan pada jalan-Nya dengan (ganjaran) syurga, dan ini semua semata-mata daripada limpah kurnia-Nya, kemuliaan-Nya dan ihsan daripada-Nya; sesungguhnya Allah S.W.T. telah menerima penggantian daripada apa yang dimilikinya dengan apa yang lebih mulia untuk hamba-hamba-Nya yang taat kepada-Nya. Untuk itulah berkata

Al-Hasan Al-Basri dan Qatadah, “Allah SWT telah membuat perjanjian jual-beli dengan mereka, dan Allah SWT telah memahalkan lagi nilai dan harga mereka.”³⁰

Di dalam Tafsir Asy-Syaukani pula ditegaskan, “Allah S.W.T. telah mengumpamakan balasan bagi para mujahidin dengan syurga atas perbelanjaan dan penggunaan diri dan harta mereka di jalan S.W.T. Allah dengan perkataan ‘pembelian’. Asal pembelian di kalangan manusia ialah, “mengeluarkan sesuatu daripada pemilikan dengan sesuatu yang lain yang seumpama dengannya atau selainnya atau yang lebih bermanfaat daripadanya”, maka para mujahidin itu telah menjual diri mereka kepada Allah S.W.T. dengan syurga yang telah dijanjikan-Nya untuk orang-orang yang beriman.”³¹ Manakala Imam Al-Mawardi di dalam tafsirnya menyatakan, “Firman Allah Azza Wa Jalla, “*Sesungguhnya Allah S.W.T. telah membeli daripada orang-orang mukmin itu diri mereka dan harta mereka*”, iaitu membeli diri mereka (dengan erti kata untuk) berjihad. (Manakala) “*harta mereka*” pula memungkinkan dua pengertian, iaitu: (1) perbelanjaan mereka untuk jihad, dan (2) sedekah mereka untuk *fuqaraa'* (golongan yang memerlukan).³²

Imam Al-Qurtubi memberikan komentar di dalam tafsirnya, “...dinamakan sedemikian sebagai satu abstrak apa yang telah diketahui oleh mereka berkenaan penjualan dan pembelian; maka daripada pihak hamba, menyerahkan diri dan hartanya, dan daripada pihak Allah S.W.T. menyediakan pahala dan habuan (syurga); lalu dinamakan perkara ini sebagai satu ‘pembelian’.”³³ At-Tobari menyimpulkan, “Sesungguhnya Allah S.W.T. telah membeli daripada orang-orang yang beriman diri mereka dan harta mereka dengan syurga, sebagai satu janji yang benar.”³⁴

Melalui perbahasan oleh ulama-ulama tafsir ini, ayat ke-111 surah At-Taubah ini jelas telah menggariskan satu falsafah yang penting dalam pemikiran dan kehidupan seseorang Muslim tentang harta dan pengurusannya. Di sini, ajaran Islam memberikan satu anjakan paradigma yang begitu besar apabila ditegaskan bahawa sebenarnya harta-harta yang dipunyai itu sebenarnya telah ‘dibeli’ dan ‘dimiliki’ oleh Allah S.W.T. Harga bagi

³⁰ Ibnu Kathir, *Tafsir Al-Quran Al-Kariim*, <http://quran.al-islam.com/Tafseer>, dilayari pada 7/12/2007.

³¹ Asy-Syaukani, *Tafsir Fathul-Qadiir*, <http://www.altafsir.com/Tafasir>, dilayari pada 7/12/2007.

³² Al-Mawardi, *Tafsir An-Nukat wal-'Uyun*, ibid, dilayari pada 7/12/2007.

³³ Al-Qurtubi, *Tafsir Al-Jaami' Li Ahkamil-Quran*, <http://quran.al-islam.com/Tafseer>, dilayari pada 7/12/2007.

³⁴ At-Tobari, *Tafsir Jami'ul Bayan Fi Tafsiirul-Quran*, <http://www.altafsir.com/Tafasir>, dilayari pada 7/12/2007.

'pembelian' tersebut ialah syurga. Pada hakikatnya, seseorang Mukmin itu tidak lebih hanya sebagai 'pemegang amanah' kepada 'Pemilik' yang sebenar. Oleh itu, segala penggunaan dan pengurusan harta itu mestilah mengikut arahan, kehendak dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh 'Pemilik'nya.

Maka pandangan sebegini sangat perlu untuk dihayati oleh setiap Muslim. Sebahagian besar kaum Muslimin perlu disedarkan betapa salah faham bahawa, "Diri dan harta ini adalah milik saya!", perlu diperbetulkan. Harta adalah milik Allah dan perlu digunakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Al-Quran tidak pernah mencela tentang pemilikan harta, tetapi ayat ke-111 surah At-Taubah di atas menjelaskan kedudukan harta dan sikap yang seyogia bagi setiap kaum Muslimin bersifat tenggarnya. Ini dijelaskan pula melalui ayat ke-24 surah yang sama:

*"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan **harta benda yang kamu usahakan**, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah S.W.T. dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusannya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)."*

(Surah At-Taubah 9: 24)

Al-Quran dengan jelas telah menggariskan satu prinsip tentang urutan keutamaan mencintai sesuatu. Ayat ini tidak melarang kecintaan dan kesukaan kepada harta, tetapi meletakkan satu panduan bagaimana kecintaan dan kesukaan kepada harta itu perlu diletakkan pada tempatnya yang betul di dalam hati seseorang yang benar-benar beriman; di mana kecintaan kepada lapan perkara yang disebutkan itu tidak boleh melebihi cinta kepada Allah S.W.T., Rasul-Nya dan agama Islam.

Inilah antara falsafah pengurusan harta yang paling penting untuk difahami dan dihayati oleh seluruh masyarakat Muslim pada semua peringkat dan lapisan. Al-Quran mengajarkan bahawa seluruh diri dan harta ini adalah milik Allah S.W.T. Sekiranya, paradigma dan prinsip sebegini dapat disuburkan semula di dalam setiap diri umat Islam, maka keberkatan

dan kemakmuran³⁵ daripada harta dan pengurusan harta akan kembali menyerlah kepada umat ini.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas memperlihatkan bagaimana Al-Quran telah menyediakan satu premis yang jelas untuk setiap Muslim menentukan sikap yang teratur terhadap harta dan pengurusan nya. Al-Quran benar-benar merupakan kitab panduan dan petunjuk daripada Allah S.W.T ; namun diikat petunjuk itu dengan ketakwaan. Sebagaimana pengisyhtaran Allah S.W.T :

*“Alif. Laam. Miim. Itulah Kitab yang tiada keraguan padanya sebagai Petunjuk bagi para **Muttaqi** (orang-orang yang ada takwa)!”*

(Surah Al-Baqarah 2: 1-2)

Takwa pula merupakan satu elemen kerohanian. Ini menjelaskan juga bahawa segala garis panduan Qurani sama ada yang bersifat falsafah, konsep dan praktikal mengenai harta dan pengurusannya memerlukan dukungan kerohanian bagi membolehkan panduan ini dizahirkan dalam kehidupan ummah ini.

Al-Quran dengan tegas memperakui bahawa harta merupakan salah satu juzuk kehidupan yang dicintai oleh manusia. Al-Quran tidak menafikan unsur kecintaan kepada harta dalam diri seseorang insan. Namun begitu, kecintaan itu perlu diletakkan pada tempat yang sewajarnya. Ini sesuai dengan konsep *al-'adalah* (keadilan) di dalam ajaran Islam, iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sesuai dan sebenar.

Al-Quran juga meletakkan pengiktirafan yang sepenuhnya kepada hak pemilikan seseorang atau sesuatu entiti ke atas harta. Ini jelas tergambar

³⁵ Sebagaimana firman Allah S.W.T, “Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan **membuka** kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi.” (Surah Al-A'raaf 7:96) Di dalam ayat ini dengan jelas Allah S.W.T menyatakan natijah daripada keimanan dan ketakwaan ialah pembukaan keberkatan dari langit dan bumi. Bagaimanapun, di dalam satu ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman, “Kemudian apabila mereka melupakan apa yang telah diperingatkan mereka dengannya, Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersuka ria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka secara mengejut (dengan bala bencana yang membinasakan), maka mereka pun berputus asa (dari mendapat sebarang pertolongan).” (Surah Al-An'am 6:44) Melalui dua ayat suci ini, Allah S.W.T. menceritakan tentang **dua bentuk ‘pembukaan’**. Bagi orang yang bertakwa, Allah membuka kepada mereka pintu-pintu keberkatan; tetapi bagi golongan yang lalai, Allah membuka kepada mereka pintu-pintu kemewahan, tetapi kemewahan itu hanyalah umpan kepada kehancuran yang bakal ditimpakan kepada mereka.

dalam konsep *Infaq* yang diketengahkan oleh Al-Quran. Begitu juga dengan konsep pengeluaran zakat harta. Zakat harta dikenakan ke atas harta yang bukan sahaja memenuhi syarat haul (tempoh) dan nisabnya (kadar minimum); tetapi juga memenuhi satu lagi syarat iaitu memiliki hak milik penuh ke atas harta yang dizakatkan itu. Pada masa yang sama, kefardhuan zakat juga menunjukkan betapa setiap Muslim disedarkan dan diwajibkan tentang tanggungjawab sosial terhadap masyarakat melalui harta mereka.

Al-Quran mengajarkan bahawa harta boleh menjadi wahana seseorang itu mulia di sisi Allah S.W.T., dan dalam masa yang sama jika salah diuruskan, boleh menyebabkan kehinaan pula kepada pemiliknya. Betul dan salah sesuatu urusan itu, kayu ukur mutlaknya ialah sejauh mana sesuatu perkara itu menepati dua kriteria, iaitu perintah Allah S.W.T. dan pedoman yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. Ukuran ini meliputi cara memperoleh harta, semasa pemilikan harta dan semasa penyahmilikan sesuatu harta. Semua peringkat ini diliputi dengan lengkap dan terperinci di dalam fikih Muamalat. Dan Islam mengajarkan, bahawa persoalan tentang harta adalah antara soalan-soalan terpenting yang akan diperhitungkan pada hari Akhirat nanti.

Seterusnya pada masa yang sama Al-Quran mengingatkan bahawa umat ini perlu membetulkan salah faham mereka bahawa diri dan harta itu adalah milik mereka bahkan sebenarnya Allah S.W.T. telah pun ‘membeli’ diri dan harta mereka dengan bayarannya ialah syurga Allah S.W.T. Apabila kesedaran tentang pembetulan kepada salah faham ini dapat dihayati, maka paradigma baru dan luhur akan mendorong kepada perlakuan dan tindakan yang sahih pula berkenaan dengan harta oleh seseorang Muslim.

Apabila perkara-perkara di atas menjadi dominan di dalam sesuatu komuniti, maka ‘barokah’ (keberkatan) harta akan dirasai oleh umat Islam. Apabila perkara-perkara di atas tadi dihayati secara perseorangan maka ‘barokah’ itu juga akan diperoleh oleh orang perseorangan tersebut; tetapi jika semua perkara tersebut dihayati secara ummah, maka natijah ‘barokah’ harta ini juga akan dirasai pada peringkat ummah.³⁶ Pada masa itu, aura kehebatan apa yang dipanggil sebagai ekonomi Islam akan terserlah. Ekonomi Islam bukanlah satu konsep dan sistem yang terpisah daripada roh Iman dan Ihsan itu sendiri. Ekonomi Islam hanya akan benar-benar hebat bukan sekadar apabila sistemnya betul, tetapi

³⁶ Rujuk Nota Kaki No. 35.

apabila pelaksana sistem itu sendiri benar-benar seorang yang Muslim lagi Mukmin. Al-Quran menyatakan:

Victor S.L. Tan², seorang konsultan pengurusan menekankan dengan tegas bahawa, “*Consumers are now more sophisticated, they have increasing demands for higher quality products and services. Greater competition and cost have also led companies to focus on quality for the survival in the marketplace. Quality, once considered a luxury, has now become a necessity. The quality improvement emphasis has made companies re-think the way in which they conduct business.*”³

Meneliti penghayatan dan pengalaman sektor Perkhidmatan Awam Malaysia juga, membuktikan perkara yang sama. Ketua Setiausaha Negara dalam satu ucapan beliau menyatakan, “Penganjuran Anugerah Kualiti Sektor Awam merupakan sebahagian dari usaha berterusan Kerajaan untuk menerapkan budaya kualiti dalam Perkhidmatan Awam dan seterusnya meningkatkan kecemerlangan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. Sistem penyampaian merupakan teras utama perkhidmatan awam kepada rakyat, sektor perniagaan dan pihak-pihak yang berkepentingan.”⁴

MANHAJ PENULISAN

Subjek utama artikel ini ialah kualiti dari perspektif Islam dan penghayatannya dalam Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh itu, perbincangan sebenarnya menyentuh secara lebih fokus kepada dua aspek di atas. Sorotan sepintas lalu mengenai kualiti dibuat dengan rujukan kepada definisi dan pandangan mengenai kualiti oleh beberapa mahaguru pengurusan, baik daripada barat mahupun timur.

Seterusnya, bagi tujuan membincangkan kualiti menurut perspektif Islam, penulis tidak terikat dengan sebarang formula atau kerangka pemikiran

² Victor S.L. Tan merupakan seorang konsultan pengurusan peringkat antarabangsa dan merupakan tokoh berwibawa dalam bidang *Managing Change* (Cara Mengurus Perubahan). Hasil penulisan beliau boleh diikuti dalam pelbagai bahan penerbitan termasuklah *Banker's Journal*, *Malaysian Tatler* dan akhbar The New Straits Times. Beliau juga menulis ruangan bulanan, “*Managing Change*” dalam majalah *Corporate World*. (Lihat Victor S.L. Tan, 1994, *Change To Win: The Change Imperative For Asian Companies*, Times Books International, Singapore, hal. 154.)

³ Ibid, hal. 44.

⁴ Y.Bhg. Tan Sri Sidek Hassan, *Ucapan Rasmi Ketua Setiausaha Negara*, Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) 2006 di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 28 November 2006.

yang sedia ada. Seboleh mungkin, penulis merujuk secara langsung kepada sumber-sumber primer ajaran Islam iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Seterusnya istinbat dilakukan. Walau bagaimanapun, tidaklah bermakna penulisan ini menidakkan sumber-sumber sekunder seperti jurnal, artikel, buku dan pembentangan oleh pakar-pakar pengurusan Islam yang ada.

Sorotan terhadap program peningkatan kualiti dalam Perkhidmatan Awam dilakukan secara ringkas tetapi padat. Objektif yang ingin dicapai ialah agar dapat menggambarkan komitmen dan tindakan yang telah dan sedang diambil bagi memastikan kejayaan menyampaikan sistem perkhidmatan yang berkualiti.

Setelah membincangkan secara saksama kedua-dua aspek tersebut, satu analisis secara pengamatan dibuat berkenaan sejauh mana pelaksanaan program peningkatan kualiti di dalam Perkhidmatan Awam berada di atas landasan yang tepat sebagaimana yang dituntut oleh perspektif Islam.

SOROTAN TERHADAP MAKNA KUALITI

Sejarah pengurusan memperlihatkan konsep kualiti diberikan takrifan dan penekanan yang pelbagai, sesuai dengan pendekatan seseorang tokoh pengurusan atau bidang yang diwakili. Dari sudut bahasa, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka mengertikan kualiti sebagai “darjah kecemerlangan biasanya yang tinggi; mutu”.⁵ Manakala Merriam-Webster Online Dictionary menyatakan bahawa kualiti itu ialah, “*degree of excellence; superiority in kind; a distinguishing attribute*”.⁶ Manakala badan pensijilan standard antarabangsa bagi ISO 9000 pula mendefinisikan kualiti sebagai, “*degree to which a set of inherent characteristic fulfills requirements*”.⁷

Mahaguru-mahaguru utama pengurusan juga membincangkan hal kualiti ini dengan begitu meluas. Masing-masing memberikan sorotan berdasarkan fokus dan bidang masing-masing. Philip B. Crosby misalnya, menyatakan kualiti itu sebagai “*conformance to requirements*”. Joseph M. Juran pula melihat kualiti dari sudut fungsinya dengan menyatakan kualiti itu sebagai “*fitness for use*”,⁹ manakala mahaguru pengurusan daripada

⁵ Sidang Editor, 2007, **Kamus Dewan Edisi Keempat**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 833.

⁶ <http://www.merriam-webster.com/dictionary/quality>, dilayari pada 23 November 2007.

⁷ **Quality**, <http://en.wikipedia.org/wiki/Quality>, dilayari pada 23 November 2007.

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

timur pula, Noriaki Kano, mengatakan kualiti itu mestilah mempunyai dua dimensi, iaitu (i) “*must-be quality*” dan (ii) “*attaractive quality*”¹⁰.

Pakar statistik dan konsultan pengurusan antarabangsa, W. Edwards Deming pula menyorot kualiti sebagai, “*Costs go down and productivity goes up, as improvement of quality is accomplished by better management of design, engineering, testing and by improvement of processes. Better quality at lower price has a chance to capture a market. Cutting costs without improvement of quality is futile*”¹¹. Manakala Genichi Taguchi pula memberikan definisi kualiti sebagai, “*the loss a product imposes on society after it is shipped*”¹². Definisi beliau ini berasaskan kepada pandangan yang lebih komprehensif berkenaan sistem pengeluaran sesuatu pengurusan.

American Society for Quality pula menyimpulkan kualiti itu dari segi teknikalnya sebagai, “*Quality can have two meanings: (i) the characteristics of a product or service that bear on its ability to satisfy stated or implied needs; and (ii) a product or service free of deficiencies*”¹³.

Berdasarkan beberapa contoh definisi dan pentafsiran berkenaan kualiti ini, dapat disimpulkan bahawa kualiti itu rata-ratanya dihubungkan dengan ekspektasi pelanggan dan usaha untuk memaksimumkan keberkesanannya pengeluaran atau perkhidmatan bagi memenuhi keperluan tersebut.

KUALITI DARI PERSPEKTIF ISLAM

Islam merupakan agama yang mengajarkan kepada penganutnya satu keyakinan bahawa peraturan dan sistem yang terkandung di dalamnya adalah lengkap dan menyeluruh, sebagaimana dinyatakan di dalam Al-Quran.¹⁴ Kerangka keyakinan ini, menjelaskan satu kefahaman bahawa Pengurusan Islam membina tasawwurnya dengan memberi perhatian kepada soal ‘fitrah manusia’¹⁵ itu sendiri, berserta dengan kerangka akidah

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ **Glossary**, <http://www.asq.org/glossary/q.html>, dilayari pada 23 November 2007

¹⁴ Surah Al-Baqarah 2:208: “*Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam secara menyeluruh; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.*”

¹⁵ Surah Ar-Ruum 30:30: “*Maka hadapkanlah diri mu (engkau dan pengikut-pengikut mu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; fitrah (yakni agama) Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari segi fitrahnya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*”


ketauhidan sebagai paksi dalam merencana, merancang, menggubal, mengimplementasikan dan menilai sesuatu pengurusan.¹⁶

Bagaimanapun, antara perkara yang sering dipersoalkan ialah, apakah sebenarnya yang membezakan antara perspektif Islam dengan perspektif-perspektif lainnya? Adakah istilah dan mekanistik yang berbahasa Melayu atau Arab merupakan ciri utama bagi menunjukkan keislaman sesuatu perspektif itu?

Islam tidak pernah memusuhi sebarang bahasa atau bangsa malah Al-Quran jelas menyatakan bahawa berlainan bahasa dan bangsa dalam kalangan manusia merupakan satu hikmah dan tanda kebesaran Allah S.W.T. ¹⁷

Sebagai contoh, kita ambil satu model yang popular dalam mana-mana pengurusan kualiti, iaitu Model Shewhart Cycle yang dipopularkan oleh Demings. Lihat Rajah 1.

Rajah 1: Model Shewhart Cycle (PDCA)



Sekiranya kita meneliti Model PDCA ini, ia menggambarkan satu proses yang teratur dan terancang bagi membolehkan sesuatu pengurusan itu dilaksanakan dengan berkualiti. Dimulakan dengan langkah Perancangan, seterusnya barulah Pelaksanaan. Kemudiannya, langkah Penyemakan


¹⁶ Mohd Affandi Hassan, 1992, *The Tawhidic Approach in Management and Public Administration: Concepts, Principles and An Alternative Mode*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration Malaysia, hal. 55.

¹⁷ Surah Ar-Rum 30:22: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan."

diambil bagi elemen kawalan dan penilaian. Akhirnya diikuti dengan langkah Tindakan Susulan.

Melihat kepada proses yang dikerangkakan dalam Model Shewhart ini, adakah terdapat di dalamnya apa-apa konsep atau langkah yang tidak-Islami? Sudah tentu jawapannya tidak boleh disimpulkan dengan hanya melihat langkah-langkahnya atau istilah bagi langkah-langkah tersebut. Apa yang lebih penting ialah ‘substance’ atau kandungan kepada proses tersebut. Itulah yang menjadi syarat utama bagi menentukan Islami atau tidaknya sesuatu perkara. Rajah 2 menjelaskan bagaimanakah ukuran ini digunakan.

Rajah 2: Model Shewhart Yang Dilengkapkan Dengan Syarat Kualiti Yang Islami



Rajah 2 ini menjelaskan bahawa secara prinsipnya bahawa sesuatu pengurusan itu menjadi berkualiti apabila setiap tahap dan langkah pengurusan yang diambil, pengisianya mestilah berteraskan empat perkara.

Pertama, matlamat atau tujuan tertinggi daripada sesuatu perancangan, pengurusan, aktiviti dan program itu mestilah semata-mata untuk memperoleh keredaan Allah S.W.T. Di sini konsep niat dan ikhlas yang menjadi teras utama dalam ajaran Islam menjadi syarat penentu utama yang perlu dipenuhi. Tidak ada satu amalan dan perlakuan yang boleh dikecualikan daripada konsep niat yang sahih dengan Allah S.W.T.

Kedua, perkara terpenting yang perlu diperhatikan ialah memastikan bahawa segala tindakan yang dilakukan mestilah bertepatan dengan apa yang dibenarkan oleh syariat Islam. Islam tidak pernah menjadikan tujuan sebagai boleh menghalalkan cara. Bahkan, niat dan cara pelaksanaan

mestilah sentiasa selari dengan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Ketiga, Islam juga sangat menitik beratkan konsep ‘*Itqan*’ atau ‘memberikan yang terbaik’ dalam melakukan sesuatu perkara. Terbaik dalam merangka perancangan mahupun pelaksanaan. Islam juga sangat mementingkan konsep muhasabah, iaitu satu sikap introspeksi diri yang telus dan bersungguh-sungguh demi mencapai kesempurnaan. Walaupun kesempurnaan itu pada hakikatnya adalah milik Allah S.W.T. dan mustahil dimiliki oleh selain daripada Allah S.W.T., tetapi kesempurnaan yang didorongkan di sini ialah kesempurnaan untuk memberikan yang terbaik yang seseorang itu mampu.

Keempat, satu lagi perkara dasar yang sangat penting ialah untuk memastikan dalam setiap tahap di dalam sesuatu proses pengurusan itu, segala ibadah-ibadah khusus yang telah diwajibkan tidak diabaikan. Ini merupakan antara syarat kualiti yang paling teras. Ibadah seperti solat lima waktu contohnya, amat dititikberatkan dalam ajaran agama Islam. Nabi Muhammad S.A.W. pernah menyatakan satu prinsip penting melalui salah satu sabda Baginda, “Seseorang yang terluput satu solat adalah seumpama seorang yang telah kehilangan keluarga dan harta bendanya.” (Hadis riwayat Ibnu Hibban dan Ahmad).¹⁸ Ini menunjukkan, jika disebabkan sesuatu urusan lalu ibadah solat ini diabaikan, seseorang itu sebenarnya telah mengalami kerugian yang sangat besar. Maka keadaan ini, jelas berlawanan dengan erti kata kualiti yang hendak dicapai.

KONSEP KECEMERLANGAN DAN KEJAYAAN HAKIKI (AL-FALAH)

Dalam Al-Quran terdapat empat istilah yang sering digunakan bagi menunjukkan makna **kejayaan**. Empat istilah tersebut ialah: Al-Fawz (الفوز), Al-Fath (الفتح), Al-Nasr (النصر) dan Al-Falah (الفلاح).

Keempat-empat perkataan ini mempunyai konotasi yang hampir sama, iaitu merujuk kepada satu pencapaian cemerlang yang diperoleh oleh seseorang mukmin. Bagaimanapun, meneliti penggunaan perkataan-perkataan ini di dalam Al-Quran, adalah jelas setiap satunya mempunyai makna yang lebih khusus dan unik berbanding dengan yang lainnya.

¹⁸ Shaikhul Hadith Hazrat Maulana Muhammad Zakariyya semasa mengulas hadis ini menyatakan, “Yakni sebanyak mana kerugian yang ditanggungnya akibat kehilangan segala-galanya, begitu jugalah kerugian yang akan dialaminya jika meninggalkan solat.”(Lihat Shaikhul Hadith Hazrat Maulana Muhammad Zakariyya, 2002, *Fadhilat Solah*, Era Ilmu Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hal. 38)

Perkataan *Al-Fawz* lebih menunjukkan kepada kejayaan yang bersifat keakhiran, atau lebih tepatnya merujuk kepada kejayaan seseorang insan itu ditempatkan di dalam syurga. Al-Quran memperjelaskan definisi tersebut, Allah S.W.T. berfirman: “Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahwasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang diajukan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya”¹⁹.

Bagaimanapun, kejayaan di akhirat ini memerlukan komitmen di dunia dan mempunyai kayu ukur standard yang telah ditetapkan. Al-Quran menjelaskan: “...dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besarnya kejayaan”²⁰. Di sini, kayu ukur yang telah ditetapkan ialah ketakutan kepada perintah-perintah Allah S.W.T., sebagaimana panduan yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W.

Al-Fath pula lebih merujuk kemenangan besar atau pencapaian cemerlang sesuatu misi di dunia ini. Kemenangan ini disebut sebagai *Al-Fath*. Istilah ini digunakan oleh Al-Quran dalam banyak ayat yang menyentuh tentang kemenangan besar. Contohnya, Allah S.W.T. berfirman: “Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuangan mu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata.”²¹

Ulama sejarah menggunakan istilah *Al-Fath* (pembukaan) di dalam setiap kejayaan tentera Islam menawan sesuatu wilayah kerana mengambil iktibar daripada penggunaan istilah ini di dalam Al-Quran. Sifat penaklukan itu bukan pemaksaan dan penjajahan, tetapi ia dilihat sebagai pembukaan peluang dan pendedahan manusia kepada Islam, pemerintahannya dan keadilannya.

Al-Nasr pada bahasanya bermakna pertolongan, iaitu memberi pengertian pertolongan dan kemenangan di dalam perjuangan, sebagaimana Al-Quran menyatakan: “Dan ada lagi limpah kurnia yang kamu sukai, iaitu pertolongan dari Allah S.W.T. dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya) dan sampaikanlah berita yang menggembirakan itu kepada orang-orang yang beriman.”²²

¹⁹ Surah Aali-'Imran 3: 185

²⁰ Surah Al-Ahzab 33: 71

²¹ Surah Al-Fath 48: 1

²² Surah As-Saf 61: 13

Islam amat menitik-beratkan hubung kait manusia dengan Allah S.W.T. dalam setiap aspek kehidupan. Oleh kerana itu, sentiasa diingatkan tentang peri pentingnya bergantung kepada Allah S.W.T. dan menyakini bahawa kemenangan hanya datang dari Allah S.W.T. apabila dikehendaki-Nya.

Manakala perkataan *Al-Falah*, lebih menonjolkan berkenaan penghasilan kualiti-kualiti peribadi seseorang²³, yang mana membawa kepada kejayaan dan kemenangan yang umum dan menyeluruh meliputi segala aspek individu, masyarakat umum, dunia dan akhirat.

Konsep *Al-Falah* yang syumul inilah yang dijadikan syiar utama agama Islam melalui pensyariatan ibadah Azan. Panggilan ‘*Hayya ‘Alas-Solah , Hayya ‘Alal-Falah*’ (Marilah Menunaikan Solat, Marilah Menuju Kejayaan) merupakan ajakan yang komprehensif kepada tindakan yang berkualiti dan seterusnya dapat mencapai kecemerlangan dan kejayaan dunia dan akhirat (*Al-Falah*)²⁴. Sebenarnya prasyarat untuk menuju *Al-Falah* mestilah disertai dengan sikap proaktif, berdaya tahan, berdisiplin, bermaruah, berakhhlak dan berhemah tinggi. Ini akan melahirkan peribadi yang tahan uji dan mempunyai jati diri menghadapi cabaran-cabaran semasa dalam kehidupan era globalisasi serta sains dan teknologi ini²⁵. Semasa membincangkan konsep Pengurusan Islam berdasarkan prinsip Tauhid, Mohd. Affandi antara lain menyatakan, “Menunaikan perjanjian (amanah) Allah S.W.T. ke atas manusia, sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. di bumi ini untuk melakukan amal soleh di atas prinsip kerja sama dan perbincangan (*syura*). Tujuan pengurusan ini ialah pembinaan sebuah tamadun yang berdasarkan nilai etika tauhid. Untuk tujuan ini, pengurusan mestilah membasmikan gejala rasuah, salah laku, keburukan, kezaliman dan seterusnya mewujudkan keadilan dalam sesbuah organisasi dan juga dalam masyarakat seluruhnya. Matlamat terunggul dari pengurusan ini adalah untuk mencapai *Al-Falah*, kejayaan yang hakiki.”²⁶

Berdasarkan konsep *Al-Falah* ini, bolehlah disimpulkan bahawa, sesuatu proses pengurusan itu termasuk input dan output proses tersebut hendaklah memenuhi empat ciri utama kualiti, iaitu: matlamat, cara,

²³ Sila teliti Surah Al-Mukminun 23: 1-11


²⁴ Perbincangan agak lebih mendalam berkenaan azan ini ada disentuh dalam Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2003, *Azan: Dakwah Yang Sempurna*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur.

²⁵ Dr. Amini Amir Abdullah, 2004, *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam Hadhari*, Kertas Pembentangan Dalam Seminar Peningkatan Kepimpinan Amal Islami, Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Mint Hotel, Sg. Besi pada 18 September 2004, hal. 2.

²⁶ Mohd. Affandi Hassan, 1992, hal. 56.

usaha yang terbaik dan penjagaan ibadah. Sesuatu pengurusan yang berkualiti ialah apabila ketiga-tiga komponen kualiti pengurusan iaitu: input, proses dan output, diikat dengan keempat-empat ciri tadi. Ini digambarkan seperti ilustrasi di Rajah 3.

Rajah 3: Komponen Pengurusan Dan Ciri Kualiti



Satu lagi aspek penting dalam kualiti yang ditekankan dalam ajaran Islam ialah aspek manfaat. Al-Quran menyatakan, "...adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan"²⁷. Perkataan *al-zabad* (buih) yang digunakan dalam ayat ini adalah lambang suatu yang tidak berkualiti – rapuh, tidak memiliki *substance*, hampas dan tidak berguna. Sesuatu yang tidak berkualiti akan menghilang kerana tiada daya tahan. Hanya yang mempunyai kualiti yang akan bertahan kerana sifatnya yang terus-menerus relevan dalam erti dapat memberi manfaat kepada manusia. Demikianlah hakikat kualiti menurut perspektif Islam yang menjadikan manfaat sebagai *substance* atau teras. Ini bermaksud, sesuatu yang tidak bermanfaat dengan manfaat yang diiktiraf oleh syarak, maka secara automatik ia adalah tidak berkualiti walaupun mempunyai permintaan yang tinggi daripada pelanggan. Berdasarkan dimensi dan hubung kait ini²⁸, maka kualiti boleh diformulakan sepetimana di Rajah 4.

²⁷ Surah Ar-Ra'du 13: 17

²⁸ Perbincangan mendalam mengenai dimensi manfaat bagi kualiti ini boleh dilihat dalam *Kualiti dan Kecemerlangan* oleh Panel Akademi Pengurusan YaPEIM, *Pengurusan dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*, 2005, Akademi Pengurusan YaPEIM, Kuala Lumpur, hal. 171 – 180.

Rajah 4: Formula Kualiti

$$Q = f(m + r + k)$$

Petunjuk:

Q =Kualiti m =Manfaat r =Rela k =Keredhaan Allah

Seterusnya, sekiranya pemfokusan kualiti itu ialah kehendak stakeholders dan pelanggan, Islam mengajarkan dua lagi konsep penting kualiti dalam pengurusan iaitu konsep *Itqan* (komitmen untuk mencapai kesempurnaan) dan *Ihsan* (komitmen untuk menjaga kualiti semata-mata kerana Allah).

Itqan ialah satu konsep yang telah digariskan oleh Rasulullah S.A.W. melalui satu sabda Baginda, “Sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang dari kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia ber*’itqan’* dengan pekerjaan itu.” (Hadis riwayat Al-Baihaqi). Al-Quran sendiri menggunakan perkataan ini semasa menggambarkan tentang Allah S.W.T., “Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergeraknya awan; (demikianlah) perbuatan Allah S.W.T. yang telah membuat segala sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya (*Itqan*); Sesungguhnya Dia amat mendalam pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan.”²⁹

Perkataan Arab ‘*Itqan*’ merupakan perkataan yang sering digunakan bagi menunjukkan tahap sesuatu kerja yang berkualiti. Penjelasan terbaik yang mungkin boleh diberikan untuk makna *Itqan* ialah “untuk menyusun dan menyisihkan sesuatu benda atau perkara secara saintifik dan berseni bagi tujuan mencapai natijah yang paling sempurna.” Di samping itu, perkataan Arab yang sinonim dengan *Itqan* ialah *Ihkam*, yang bermaksud melakukan sesuatu dengan ‘hikmah’. Perkataan ‘hikmah’ ini dan juga kata terbitan daripadanya telah disebutkan tidak kurang daripada 300 tempat di dalam Al-Quran. Ini adalah indikasi jelas bagi menunjukkan betapa Islam memberikan perhatian yang besar terhadap melaksanakan pekerjaan yang berkualiti.³⁰

Manakala *Ihsan* pula, merujuk kepada dua makna yang penting. Pertama, *Ihsan* dengan makna ‘yang terbaik dan paling elok’. Kedua,

²⁹ Surah An-Naml 27: 88

³⁰ Institute of Arabic and Islamic Studies, ***The Sunnah of Itqan***, <http://www.islamic-study.org>, dilayari pada 1 Disember 2007.

Ihsan dengan makna ‘melakukan sesuatu secara berkualiti dengan satu tahap kesedaran yang tinggi, bahawa segalanya dalam perhatian dan penilaian Allah S.W.T.’

Al-Quran menyatakan, “(Dia) yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya (ihsan) dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal dari tanah.”³¹ Melalui ayat ini, Allah S.W.T. dinyatakan mencipta dan melakukan sesuatu secara penuh Ihsan - iaitu yang sebaik-baiknya - berdasarkan kuasa-Nya yang mutlak dan hikmah-Nya yang tidak terbatas. Rasulullah S.A.W. pula bersabda, “Ihsan adalah engkau beribadat, seolah-olah engkau melihat Allah S.W.T. Kalau engkau tidak melihatnya, maka Dia (yakni Allah) melihat mu”. (Hadis riwayat Muslim). Maka kedua-dua dimensi Ihsan ini merupakan inti pati yang jelas kepada pengertian kualiti dalam Islam.

Berdasarkan perbincangan di atas, adalah nyata bahawa kualiti menurut perspektif Islam merupakan satu gabungan antara jasmani dan rohani yang seimbang. Walau daripada sudut dan dimensi mana dilihat sekalipun, Islam sentiasa secara konsisten meletakkan elemen dalam seiring dengan luaran. Islam meletakkan kualiti bukan hanya bergantung kepada mutu dan keberkesanan sesuatu material, proses dan pengeluaran (iaitu dari segi *Itqannya*); malah meletakkan kesemuanya itu secara holistik yang meliputi matlamat, cara, kesempurnaan usaha dan penjagaan ibadah (iaitu dari segi Ihsannya).

Elemen manfaat sesuatu produk atau perkhidmatan juga merupakan satu elemen penting dalam pengertian kualiti menurut perspektif Islam. Kualiti yang diperkatakan ini pada hakikatnya adalah sebahagian daripada konsep Al-Falah yakni pencapaian kejayaan, kecemerlangan dan kemenangan di dunia dan juga akhirat. Penjelasan ini adalah selari dengan ajaran Islam yang amat mementingkan keseimbangan jasmani dan rohani, dunia dan akhirat.

PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA DAN KUALITI


Perbicaraan mengenai kualiti menjadi lebih penting apabila memperkatakan pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan awam Malaysia. Ini memandangkan, perkhidmatan awam negara adalah teras dalam pembinaan dan pembangunan negara. Ini sudah pasti menuntut satu piawaian kualiti yang lebih tinggi dan komitmen yang

³¹ Surah As-Sajdah 32: 7

lebih besar. Perkhidmatan awam negara adalah begitu sinonim dengan perkembangan dan pembangunan Malaysia itu sendiri bermula seawal tarikh kemerdekaan sehingga ke alaf dua ribu yang semakin mencabar ini.

Perubahan-perubahan dari segi politik, budaya, sosial, ekonomi dan hubungan antarabangsa akan terus berlaku. Maka perubahan ini pula tidak dapat tidak menuntut perubahan dalam merancang dan mengendali sesuatu pengurusan. Gambaran perubahan dan hubung kait perkembangan perkhidmatan awam dan pembangunan negara digambarkan melalui Rajah 5.

Rajah 5: Perkembangan Perkhidmatan Awam dan Pembangunan Negara




Rajah 5 ini menggambarkan bagaimana perkembangan yang berlaku turut merubah dan mencorakkan kembali fokus dan fungsi sektor perkhidmatan awam. Jika era pasca merdeka sekitar tahun 60-an fokus perkhidmatan awam lebih tertumpu kepada pemungutan hasil dan penguatkuasaan undang-undang serat peraturan, maka fokus ini telah berubah kepada menjadi pelaksana dan penyedia perkhidmatan utama bagi sektor pertanian dalam tahun 70-an. Pelancaran dasar Buku Hijau dan pembukaan tanah-tanah rancangan merupakan manifestasi kepada fungsi yang telah dimainkan pada tahun-tahun 70-an itu.

Seterusnya, kemunculan era 80-an dan beralihnya pendekatan pembangunan negara kepada sektor industri telah mendorong perkhidmatan awam memainkan peranan lebih kepada sebagai

pemangkin, fasilitator dan pengawal kepada pembangunan industri berat, sederhana mahupun kecil negara. 1990-an pula walaupun masih berkait di sekitar pembangunan industri, fokus dan fungsi perkhidmatan awam mula lebih bertindak sebagai perintis kepada peluang dan bidang baru dalam dunia industri global. Milenium yang baru menyaksikan perubahan ekonomi global di mana K-Ekonomi menjadi asas kepada perkembangan ekonomi dunia, maka fungsi perkhidmatan awam juga telah berubah menjadi penyampai perkhidmatan atau pemudah cara. Sudah pasti, perubahan tetap akan terus berlaku, maka isu dan cabaran kerelevanannya fungsi perkhidmatan awam juga akan terus berlaku.

Jika isu dan cabaran yang dihadapi oleh perkhidmatan awam diperhatikan, maka ianya juga tidak dapat dipisahkan dengan kualiti. Rajah 6 menggambarkan bagaimana keberkesanannya perkhidmatan awam akan dinilai berdasarkan elemen-elemen guna tenaga yang bermotivasi, berfokuskan pelanggan, berfokuskan kualiti, sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, keberkesanannya proses dan penggunaan teknologi tinggi serta keupayaannya untuk berubah dan terus relevan.


Rajah 6: Isu dan Cabaran Perkhidmatan Awam



Keberkesanannya ini pada hakikatnya bermakna kecemerlangan bagi sesuatu organisasi. Kecemerlangan dan keberkesanannya ini berkait rapat dengan dua perkataan iaitu 'kualiti' dan 'perubahan'. Bagi membolehkan sesuatu organisasi itu mampu menanggap dan menghadapi sesuatu

perubahan dengan ampuh dan berkualiti, maka pemacu paling utama dan penting ialah kepimpinan pemimpin³² sesuatu organisasi itu³³. Seterusnya kapasiti organisasi, sumber, modal insan dan proses menjadi ‘enablers’ yang penting bagi penghasilan sesuatu ‘output’ dalam bentuk sistem penyampaian perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah dan (i) memenuhi kepuasan orang awam; (ii) menepati kepuasan pelanggan, dan (iii) memberikan impak kepada masyarakat. Ini diilustrasikan melalui Rajah 7.

Rajah 7: Kecemerlangan Organisasi



PELAKSANAAN PROGRAM PENINGKATAN KUALITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Perubahan yang berlaku kepada peranan Perkhidmatan Awam itu sendiri dan juga perubahan ekspektasi pelanggan tidak dapat tidak menuntut agar berlakunya perubahan dalam Perkhidmatan Awam negara. Penambahbaikan ke atas sistem penyampaian perkhidmatan telah dilakukan dengan teratur dan terancang bagi memastikan budaya kerja yang cemerlang dan berfokuskan kualiti dapat dicapai.

³² Kepimpinan ialah proses memimpin yang dilakukan oleh seseorang pemimpin. Pemimpin adalah seorang manusia, bukannya satu proses, walaupun dia adalah komponen utama dalam sesuatu proses kepimpinan. (Sila lihat Razali Mat Zin, 1996, *Kepimpinan Dalam Pengurusan*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hal. 12.)

³³ Razali Mat Zin memperincikan fungsi-fungsi yang dimainkan oleh seseorang pemimpin dalam kepimpinannya melalui pemecahan kepada fungsi-fungsi: menetapkan matlamat, membuat keputusan, komunikasi, mendorong, mengarah kumpulan, kawalan dan hubungan manusia. (Lihat ibid, hal. 59 – 91.)

Pada tahun 1989, kerajaan telah melancarkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang. Perdana Menteri ketika itu semasa pelancarannya, antara lain telah menyentuh berkenaan kualiti dalam ucapan beliau, "Kualiti iaitu sesuatu keadaan yang cemerlang atau amat baik, tetapi kebaikan ini tidak terhad atau tetap pada sesuatu tahap. Ianya tidak statik. Ianya bergerak sepanjang masa. Justeru itu, apabila sahaja kita mencapai kualiti yang kita kejar, kita mendapat ada lagi kualiti yang lebih yang mesti kita kejar. Setelah kita mengejar dan mencapai kualiti yang baru yang menjadi matlamat kita, sekali lagi kita mendapat ada lagi kualiti yang lebih baik daripada itu yang perlu kita kejar."³⁴ Justeru itu, sedar atau tidak, kualiti itu sebenarnya adalah sesuatu matlamat yang sentiasa berubah-ubah (*a moving target*).

Seterusnya, pembudayaan kerja yang berkualiti ini diiringi pula dengan pengeluaran Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) yang mana paksi utamanya ialah pemantapan kualiti penyampaian Perkhidmatan Awam³⁵. Antara pekeliling utama yang dikeluarkan:

1. PKPA Bil. 4/1991 – "Garis Panduan Mengenai Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti Dalam Perkhidmatan Awam";
2. PKPA Bil. 7/1991 – "Panduan Mengenai Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK)";
3. PKPA Bil. 8/1991 – "Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja (MPK) Dan Fail Meja (FM)";
4. PKPA Bil. 1/1992 – "Panduan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) Bagi Perkhidmatan Awam";
5. PKPA Bil. 3/1993 – "Panduan Mengenai Piagam Pelanggan";
6. PKPA Bil. 2/1996 – "Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9000 Dalam Perkhidmatan Awam"; dan
7. PKPA Bil. 2/2005 – "Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama Atau *Key Performance Indicators (KPI)* Dan Melaksanakan Pengukuran Agensi Prestasi Di Agensi Kerajaan".

Komitmen yang sama diteruskan oleh kepimpinan masa kini apabila keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah terus dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan dan ekspektasi pelanggan. Kesinambungan daripada Gerakan Budaya

³⁴ Bahagian Perkhidmatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2007, *Budaya Kerja Kelas Pertama*, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Putrajaya, hal. 4.

³⁵ Zulkefeli bin Jaafar, 2007, *Ringkasan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) 1991 – 2006*, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, hal. 3.

Kerja Cemerlang diteruskan dengan gagasan Budaya Kerja Kelas Pertama.

BUDAYA KERJA KELAS PERTAMA

Gagasan ini dimulakan oleh lontaran pemikiran YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berkenaan ‘Minda Kelas Pertama’ di dalam ucapan beliau berhubung dengan konsep ‘*first world infrastructure, third world mentality*’. Seterusnya konsep ini telah diperincikan semasa pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9).³⁶

Rantaian antara dua budaya atau fiel (perangai) ini jelas diterangkan oleh Tan Sri Mohd Sidek Hassan di dalam perutusannya, “Budaya Kerja Kelas Pertama hendaklah dilihat sebagai lanjutan daripada Gerakan Budaya Kerja cemerlang dan aspirasi YAB Perdana Menteri yang mahukan rakyatnya memiliki minda kelas pertama. Amalan yang berteraskan prinsip-prinsip Budaya Kerja Kelas Pertama merupakan amalan baik, terpuji dan cemerlang bagi memenuhi kehendak pelanggan.”³⁷

Elemen kualiti begitu jelas menjadi ruh dan semangat kepada konsep Budaya Kerja Kelas Pertama, cuma skop kualitinya telah diluaskan dan lebih menyeluruh. Ini berdasarkan definisi yang diberikan kepada konsep ini iaitu: “Amalan terbaik dan terpuji yang melebihi daripada kebiasaan. Ia merangkumi aspek pemikiran, pengurusan emosi dan dimanifestasikan melalui perlakuan, tindakan dan cara bekerja yang penuh integriti serta dapat memuaskan kehendak pelanggan.”³⁸

Berdasarkan sorotan ringkas komitmen dan pelaksanaan program peningkatan kualiti dalam Perkhidmatan Awam ini, adalah jelas ianya didorong oleh satu kefahaman bahawa kualiti itu merupakan satu usaha yang berterusan untuk memenuhi (atau melampaui) kehendak mahupun keperluan pelanggan dan ekspektasi mereka.

KESIMPULAN

Kualiti merupakan satu kemestian kepada mana-mana pengurusan, dan kualiti merupakan satu tahap yang sentiasa berubah dengan berubahnya persekitaran, isu, cabaran dan kehendak pelanggan. Semakin ‘complicated’ kehendak-kehendak pelanggan maka semakin tinggilah cabaran kualiti yang dihadapi.

³⁶ Bahagian Perkhidmatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2007, hal. 5.

³⁷ Ibid., hal. iv.

³⁸ Ibid., hal. 9.

Secara umumnya, kualiti dikaitkan dengan keberkesanannya memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholders*. Kualiti juga dipersejuaui sebagai suatu konsep yang tidak jumud dan mesti responsif kepada perubahan. Kualiti menurut perspektif Islam pula, unik dengan beberapa dimensi tambahan berbanding pemikiran konvensional mengenai kualiti. Islam sebagai agama yang syumul dan mengimbangi secara wajar antara jasadi dan rohani, meletakkan beberapa elemen tersendiri bagi memastikan sesuatu pengurusan itu berkualiti atau tidak.

Sekiranya kehendak pelanggan itu menjadi kayu ukur penentu kepada kualiti, maka Islam meletakkan matlamat untuk mencapai keredhaan Allah S.W.T. sebagai prasyarat paling utama takrifan kualitinya. Ini bermakna, menurut perspektif Islam, Allah S.W.T. itu sendirilah yang sepatutnya dijadikan *stakeholders* / pelanggan yang maha utama. Segala kehendak Allah S.W.T. itulah yang menjadi pengukur sama ada tercapai atau tidaknya kualiti sesuatu pengurusan atau pengeluaran.

Perkhidmatan Awam negara juga tidak terkecuali daripada memastikan mereka sentiasa relevan dengan cabaran dan perubahan peranan dan fungsi yang dikehendaki oleh pelanggan dan *stakeholders*. Cabaran dan perubahan menuntut Perkhidmatan Awam sentiasa meningkatkan kualiti dan keberkesanannya sistem penyampaian mereka. Langkah-langkah responsif dan proaktif telah pun diambil bagi melaksanakan program peningkatan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.

Sekiranya kita melihat perbandingan korelasi antara takrifan kualiti, kualiti dari perspektif Islam dan pelaksanaan kualiti dalam Perkhidmatan Awam, satu hubung kait yang tuntas dapat kita saksikan. Tanpa ragu, kita dapat mengatakan bahawa Perkhidmatan Awam telah mengambil langkah serius yang tepat bagi melaksanakan peningkatan kualiti bagi sistem penyampaiannya. Pengeluaran pekeliling-pekeliling berkenaan kualiti dan pelaksanaan kepada arahan itu telah dijalankan dan terus diperkasakan.

Tambahan kepada itu, sebagaimana Islam mentafsirkan kualiti dengan lebih mendalam dan mempunyai dimensi kerohanian dan ketuhanan, maka Perkhidmatan Awam negara juga telah melengkapkan dimensi ini dalam pelaksanaan kualiti mereka. Ini terlaksana dengan program Penerapan Nilai-Nilai Islam, pembentukan Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam, Pelan Integriti Nasional dan yang paling mutakhir Pendekatan Islam Hadhari. Ini melengkapkan dimensi Ihsan dalam Perkhidmatan Awam di samping dimensi *Itqan* yang ada, sesuai dengan konsep kualiti dari perspektif Islam.

PENUTUP

Kualiti merupakan satu sasaran yang tidak akan mengenal noktah henti. Bagaimanapun, perancangan dan pelaksanaannya masih diikat dengan kerangka konsep kualiti yang berteraskan perkhidmatan kepada pelanggan dan kejayaan memenuhi kehendak pelanggan. Menurut ajaran Islam, hubungan antara manusia dan Penciptanya tidak dapat dipisahkan sama sekali walau dalam apa keadaan dan bentuk sekalipun. Pandangan sarwa Islami melihat fizikal dan spiritual sebagai satu, semuanya adalah amanah daripada Allah S.W.T. Kedua-duanya saling mempengaruhi. Kedua-duanya perlu dimurnikan dan mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah S.W.T.

Tegak di atas landasan ini, Perkhidmatan Awam negara perlu terus mengorak langkah ke hadapan. Segala wawasan yang disasarkan, program-program yang diatur bagi mencapainya dan sumber tenaga yang menggerakkannya; perlulah terus dilaksanakan dengan tekun menggunakan konsep kualiti yang hakiki, kualiti yang meletakkan *mardhatillah* sebagai matlamat segala matlamat, wawasan di atas wawasan dan penghujung segala perjuangan.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Amini Amir Abdullah, PhD. 2004, *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam Hadhari*, Kertas Pembentangan Dalam Seminar Peningkatan Kepimpinan Amal Islami, Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Mint Hotel, Sg. Besi pada 18 September 2004.

Bahagian Hal Ehwal Islam, 1980, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Bahagian Perkhidmatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2007, *Budaya Kerja Kelas Pertama*, Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Mohd Affandi Hassan, 1992, *The Tawhidic Approach in Management and Public Administration: Concepts, Principles and An Alternative Mode*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration Malaysia

Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2003, *Azan: Dakwah Yang Sempurna*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Muhammad Fuad Abdul Baqi, 1994, *Al-Mu'jam Al-Mufahras Li Alfaazil-Quran Al-Karim*, Beirut: Darul Ma'rifah.

Muhammad Zakariyya, Shaikhul Hadith Hazrat Maulana, 2002, *Fadhilat Solah*. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn Bhd.

Panel Akademi Pengurusan YaPEIM, 2005, *Pengurusan dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*, Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.

Razali Mat Zin, 1996, *Kepimpinan Dalam Pengurusan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Sidang Editor, 2007, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sidek Hassan,Tan Sri, *Ucapan Rasmi Ketua Setiausaha Negara*, Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) 2006 di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 28 November 2006

Victor S.L. Tan, 1994, *Change To Win: The Change Imperative For Asian Companies*, Singapore: Times Books International.

W. Chan Kim, and Renee Mauborgne, 2005, *Blue Ocean Strategy*, Boston: Harvard Business School Press.

Zulkefeli bin Jaafar, 2007, *Ringkasan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) 1991 – 2006*, Kuala Lumpur: Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri, PhD. 2007, *Himpunan Hadis Modal Insan*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

<http://www.asq.org/glossary/q.html>. America Society for Quality, *Glossary*. Telah dilayari pada 23 November 2007.

<http://en.wikipedia.org/wiki/Quality>. Wikipedia.Org. Quality. Telah dilayari pada 23 November 2007.

<http://www.islamic-study.org>. Institute of Arabic and Islamic Studies. *The Sunnah of Itqan*. Telah diilayari pada 1 Disember 2007.

<http://www.merriam-webster.com/dictionary/quality>. Merriam-webster. com. Telah dilayari pada 23 November 2007.

SENARAI PENYUMBANG ARTIKEL

1. PROF. MADYA DR. SITI MASHITOAH MAHAMOON

Pensyarah /Peguam Syarie Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

2. DR. ASMAK AB RAHMAN

Pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

3. HASNOL ZAM ZAM AHMAD

Setiausaha Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

4. SYARQAWI MUHAMMAD

Penolong Pengarah Bahagian Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

5. ABDUL HALIM SUNNY

Ketua Unit Sumber Manusia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

6. DR. MUHAMMAD YAMIN ISMAIL

Pengurus Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

7. PROF. MADYA DR. HASAN BAHROM

Pensyarah Kanan Pusat Pemahaman dan Pemikiran Islam (CITU), Felo Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

8. SHAWAL KASLAM

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Felo Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

9. PROF. MADYA ABD HALIM MOHD NOOR

Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Timbalan Pengarah Institut Kajian Agihan Zakat (IKaZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

10. ROZMAN HJ MD YUSOF

Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, Ahli Institut Kajian Agihan Zakat (IKaZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

- 11. AHMAD CHE YAAKOB**
Pensyarah Kanan Pusat Pemahaman dan Pemikiran Islam (CITU), Felo Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 12. NORHAZIMAH CHE HASSAN**
Pengarah Bahagian Mal, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- 13. NAZIREE MD YUSOF**
Pensyarah Jabatan Syariah dan Perundangan, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- 14. MOHD GUNAWAN CHE AB. AZIZ**
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- 15. NORBAIYAH SUKOR**
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- 16. MUHAMMAD RAFIE HJ. MOHD ARSHAD**
Pensyarah Sekolah Sains Komputer, Universiti Sains Malaysia (USM).
- 17. DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**
Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

- a) Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada di dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal dialu-alukan, manakala makalah-makalah yang bersifat pengenalan atau pengantar tidak digalakkan.
- b) Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana jurnal tempatan atau antarabangsa.
- c) Artikel hendaklah tidak melebihi 6000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (langkau dua), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
- d) Karya-karya yang dikirimkan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris beserta perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
- e) Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
- f) Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
- g) Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan jurnal dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.
- h) Penyumbang artikel akan menerima bayaran yang sewajarnya.
- i) Sumbangan, pertanyaan dan langganan boleh dialamatkan kepada:

Ketua Editor

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 W. P. PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 7400

Fax: 03-8883 7406

Email: jurnal@jawhar.jpm.my

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji 2008

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenar dikeluarkan semula mana-mana bahagian artikel atau isi kandungan Jurnal ini di dalam apa saja bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Editor, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Skop

Jurnal Pengurusan JAWHAR diterbitkan dua kali setiap tahun oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Ianya adalah jurnal pengurusan yang dihasilkan untuk menggalakkan penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai prinsip dan tadbir urus institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang efisien dan dinamik. Jurnal ini mengumpulkan pelbagai jenis artikel daripada pelbagai aspek pembangunan pengurusan dan cara praktis yang sesuai untuk pentadbiran institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Kriteria penilaian adalah berdasarkan hasilan kerja penulisan asal yang belum pernah diterbitkan dan mempunyai nilai-nilai ‘applied’ yang wajar diketengahkan dalam usaha penambahan pengurusan serta pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji.

Tanggungjawab kepada fakta dan pandangan di dalam artikel-artikel ini adalah terletak secara eksklusif ke atas penulis semata-mata. Penghujahan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan atau polisi JAWHAR maupun Kerajaan Malaysia.

Langganan: Sila lihat di muka surat belakang

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
Jabatan Perdana Menteri
Putrajaya
Malaysia

Dicetak oleh:

MISAS Advertising Sdn. Bhd.
No. 30, Jalan 4/23B
Taman Danau Kota
53300 KUALA LUMPUR
Tel : 03-4024 2004 / 03-4022 8714